




DITERBITKAN OLEH:
UNIT DEWAN NEGERI PAHANG
TINGKAT 1, BLOKA,
WISMA SRI PAHANG,
25503 KUANTAN
TEL: 09-5126623 FAKS: 09-5161443



PENYATA RASMI

MESYUARAT KE-2 PENGKAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
24 OGOS 2020

PENYATA RASMI MESYUARAT KE-2 PENGKAL KE-3 DEWAN NEGERI PAHANG KE-14 24 OGOS 2020





KANDUNGAN

24 OGOS 2020 (ISNIN)

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKA SURAT</u>
1	KEHADIRAN	i - iv
2	DOA	1
3	PENGESAHAN PERINGATAN MESYUARAT	1
4	AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAH	2
5	PERTANYAAN DAN JAWAPAN	2
6	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1/2020) 2020 DN 3/2020	
	BACAAN KALI PERTAMA	44
	BACAAN KALI KEDUA	45
	BACAAN KALI KETIGA	52
7	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN SUMBER AIR (PINDAAN) 2020 DN 4/2020	
	BACAAN KALI PERTAMA	53
	BACAAN KALI KEDUA	53
	BACAAN KALI KETIGA	56
8	RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (PINDAAN) 2020 DN 5/2020	
	BACAAN KALI PERTAMA	56
	BACAAN KALI KEDUA	57
	BACAAN KALI KETIGA	59
9	USUL PENUTUPAN KUMPULAN WANG AMANAH PENGELOLAAN SUKAN MALAYSIA (SUKMA) PAHANG 2012	60





**MESYUARAT KE-2 PENGGAL KE-3
DEWAN NEGERI PAHANG KE-14
DI DEWAN NEGERI, WISMA SRI PAHANG, KUANTAN.**

Hari Pertama : 24 Ogos 2020 (Isnin)

Masa : 9.30 Pagi

HADIR:

Yang Berhormat Yang di-Pertua Dewan Negeri Pahang
Dato' Sri Haji Ishak bin Haji Muhamad,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP., PKC.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang
Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail,
SSAP., DSAP., DIMP., SMP., AMP.

- **Jelai**

Pengerusi Jawatankuasa:

Jawatankuasa Perancangan, Kewangan, Tanah, Sumber Asli, Tenaga dan Air.

Jawatankuasa Pelaburan, Perindustrian dan Ekonomi.

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Sharkar bin Haji Shamsudin,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP.

- **Lanchang**

**Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kebudayaan, Alam Sekitar,
Perladangan dan Komoditi**

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Ir. Mohd. Soffi bin Tan Sri Abd Razak,
SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., AMP.

- **Benta**

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Bioteknologi

Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Shahaniza binti Shamsuddin,
SSAP., DIMP., AMP., BCM.

- **Kuala Sentul**

**Pengerusi Jawatankuasa Perpaduan, Kebajikan Masyarakat,
Pembangunan Wanita dan Keluarga**

Yang Berhormat Dato' Sri Syed Ibrahim bin Syed Ahmad,
SSAP., DIMP., AMP., AMN.

- **Kerdau**

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan

Yang Berhormat Dato' Sri Norolazali bin Sulaiman,
SSAP., DIMP.

- **Guai**

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Pengangkutan dan Kesihatan



Yang Berhormat Dato' Sri Mohd. Johari bin Hussain, SSAP., DIMP., PPA. Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-badan Bukan Kerajaan	- Tioman
Yang Berhormat Dato' Abd. Aziz bin Haji Mat Kiram, DIMP., SMP., AMP., KMN., PJK. Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar Dan Hal Ehwal Orang Asli	- Batu Talam
Yang Berhormat Dato' Mohammad Fakhruddin bin Mohd. Ariff, DSAP., DIMP., AMP., AMN., PKT. Pengerusi Jawatankuasa Sains, Teknologi, Inovasi, Komunikasi dan Multimedia	- Bebar
Yang Berhormat Dato' Nazri bin Ngah, DSAP., DIMP. Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA, Koperasi, Usahawan dan Hal Ehwal Pengguna	- Pulau Tawar
Yang Berhormat Dato' Abd Rahim bin Muda, DSAP., AMP., PKC. Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan	- Lepar
Dato' Sri DiRaja Haji Adnan bin Haji Yaakob, SDSA., SSAP., DSAP., DGSM.	- Pelangai
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shahiruddin bin Ab. Moin, SSAP., SIMP., DSAP., DIMP., PKT.	- Dong
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Shafik Fauzan bin Sharif, SSAP., DSAP., DIMP., SMP.	- Inderapura
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Mohamed bin Haji Jaafar, SSAP., DIMP., SMP., KMN., PJK. (Timbalan Yang di-Pertua Dewan)	- Jenderak
Yang Berhormat Dato' Haji Md. Sohaimi bin Haji Mohamed Shah, DIMP., AMP.	- Sungai Leming
Yang Berhormat Dato' Khairuddin bin Mahmud, DIMP., SMP	- Pulau Manis
Yang Berhormat Dato' Mustapa bin Long, DIMP.	- Padang Tengku
Yang Berhormat Dato' Sri Haji Sh. Mohmed Puzi bin Sh. Ali, SSAP., DJMK., DSAP., DIMP., AMP., PKC.	- Peramu Jaya
Yang Berhormat Dato' Nor Azmi bin Mat Ludin, DIMP.	- Kuala Semantan



Yang Berhormat Datin Samsiah binti Arshad, KMN	- Bukit Ibam
Yang Berhormat Tuan. Ir. Razali bin Kassim	- Muadzam Shah
Yang Berhormat Encik Lee Ah Wong, SMP., PKC	- Cheka
Yang Berhormat Mohd Sharim bin Hj Md Zain	- Chini
Yang Berhormat Tuan Haji Andansura bin Rabu	- Beserah
Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Abdul Jabar	- Tanjung Lumpur
Yang Berhormat Puan Kamache a/p A. Doray Rajoo	- Sabai
Yang Berhormat Encik Lee Chin Chen	- Bilut
Yang Berhormat Cik Leong Yu Man	- Triang
Yang Berhormat Encik Lee Chean Chung	- Semambu
Yang Berhormat Encik Sim Chon Siang	- Teruntum
Yang Berhormat Encik Mohd Sofian bin Abd Jalil	- Luit
Yang Berhormat Encik Mohd Tarmizi bin Yahaya	- Panching
Yang Berhormat Encik Mohd Zakhwan bin Ahmad Badarddin	- Tahan
Yang Berhormat Encik Mujibur Rahman bin Ishak	- Chenor
Yang Berhormat Encik Shahril Azman bin Abd Halim	- Jengka
Yang Berhormat Tuan Haji Zuridan bin Mohd Daud	- Damak
Yang Berhormat Encik Chiong Yoke Kong	- Tanah Rata
Yang Berhormat Encik Woo Chee Wan	- Mentakab
Yang Berhormat Puan Young Syefura binti Othman	- Ketari

**AHLI-AHLI YANG HADIR MENGIKUT BAHAGIAN II
PERKARA 11 UNDANG-UNDANG TUBUH KERAJAAN PAHANG:**

Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang,
Dato' Sri Dr. Sallehuddin bin Ishak,
SSAP., SIMP., DIMP., JSM., PJK.

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri Pahang,
Dato' Indera Nazri bin Abu Bakar,
SIMP., DSAP., DIMP., SMP.



Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang,
Dato' Sri Haji Shamsulbahri bin Haji Ibrahim,
SSAP., DSAP., AMP.

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Yang Berhormat Dato' Mohd. Fadil bin Osman,
DIMP., SMP.

- **Kemayan**

Yang Berhormat Encik Chow Yu Hui

- **Tras**

SETIAUSAHA MESYUARAT:

Tuan Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman, AAP.

Encik Anuarudin bin Mohd Yusoff@Ahmat, AMP.





SETIAUSAHA DEWAN

Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-14 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

Hari : Isnin, 24 Ogos 2020
bersamaan
5 Muharram 1442 Hijrah

Masa : 9.30 pagi

DOA

Perkara Pertama: Bacaan Doa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Al-Fatihah [bacaan al-Quran]. Bismillahirrahmanirrahim [bacaan al-Quran]. Segala puji bagi Allah dibuka Mesyuarat Dewan Negeri dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah, Yang Maha Mengasihani, kepada-Nya terpulang segala puji-pujian. Ya Allah yang bersifat Maha Hikmah, limpah keadilan yang menanggungkan kewajiban ke atas Raja dan Ahli-ahli Dewan Negeri bagi mentadbir masalah masyarakat pergaulan, mudah-mudahan sentosa, aman, makmur, limpah kebahagiaan meliputi penduduk negeri Pahang ini. Ya Allah, kami sekalian hamba-Mu yang diperkenan menjadi Ahli Dewan Negeri menyempurnakan kewajiban yang diamanahkan, yang terutama bagi negeri ini serta rakyatnya sekalian.

Ya Allah, berkat-Mu ke atas kami berhimpun. Dipohon anugerahkan taufik-Mu, dipohonkan menyuluh memandukan pada ketika kami berunding, menimbang, bertukar fikiran pada segala perkara yang dibentangkan dengan saksama serta keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan bagi negeri ini serta penduduk-penduduknya sekalian. Ya Allah, dipohon doa kami diperkenan. Amin, Amin Ya Rabbal A'lam.

PENGESAHAN PERINGATAN MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Kedua: Pengesahan Peringatan Mesyuarat.

Pengesahan Peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 20 April 2020 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Assalamualaikum WBT. Selamat pagi, salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin membawa cadangan bahawa peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14 pada 20 April 2020 di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, Kuantan disahkan.



YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong cadangan tersebut.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, soalnya ialah suatu cadangan bagi mengesahkan peringatan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Ke-14 pada 20 April 2020 yang lalu di Dewan Negeri, Wisma Sri Pahang, telah pun mendapat sokongan. Sekiranya tiada apa-apa pindaan, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, sila nyatakan "ya".

AHLI-AHLI YANG BERTHORMAT

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Peringatan mesyuarat tersebut disahkan dengan tiada pindaan.

AHLI BAHARU MENGANGKAT SUMPAH

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketiga: Ahli Baharu Mengangkat Sumpah

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, dengan ini saya mempersilakan Yang Berhormat Ahli Dewan Negeri Kawasan Chini.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

Bismillahirrahmanirrahim. Bahawa saya, Mohd. Sharim bin Hj. Md. Zain, yang telah dipilih menjadi seorang Ahli Dewan Negeri dengan sesungguhnya mengangkat sumpah atau berikrar bahawa saya dengan setianya akan menunaikan kewajipan-kewajipan saya sebagai Ahli Dewan Negeri dengan seberapa daya upaya saya dan saya akan benar-benar taat setia kepada Negeri Pahang dan akan memelihara, melindungi dan mempertahankan Undang-undang Tubuh Kerajaan Pahang. Wallahi, Wabillahi, Watallahi. Ya Allah, tolongi akan daku bagi yang demikian.

PERTANYAAN DAN JAWAPAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Keempat: Pertanyaan dan Jawapan



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT, salam sejahtera dan selamat pagi. Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar, Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama memanjatkan rasa syukur ke hadrat Allah SWT dengan izin-Nya kita semua dapat menghadiri Mesyuarat Ke-2 Penggal Ke-3 Dewan Negeri Pahang Yang Ke-14 pada pagi yang berbahagia ini. Sejak persidangan yang lalu, pada April 2020, beberapa peristiwa suka duka tidak dapat dilupakan. Semuanya adalah kehendak Allah SWT jua. Demikianlah kehidupan di dunia, yang sentiasa kita lalui dengan pelbagai cabaran dan ujian.

Pertamanya, saya ingin menyampaikan ucapan takziah dan rasa sedih atas pemergian ke rahmatullah Yang Berhormat Dato' Sri Abu Bakar Harun pada 6 Mei yang lalu. Sesungguhnya dari Allah kita datang dan kepada Allah kita kembali. Allahyarham telah dilantik sebagai Ahli Dewan Negeri Kawasan Chini pada 21 Mac 2004 selama empat penggal berkhidmat. Allahyarham juga telah dilantik sebagai Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 16 Mei 2013 sehingga 15 Mei 2018 dan memegang portfolio Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal FELDA Negeri Pahang. Jasa dan pengorbanan Allahyarham kepada parti, masyarakat dan kerajaan amatlah besar dan tidak dapat dilupakan. Marilah kita bersama-sama sedekahkan bacaan Al-Fatihah, semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang-orang yang beriman dan beramal soleh. Al-Fatihah. (Bacaan al-Quran).

Seterusnya, saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Berhormat Encik Mohd. Sharim bin Hj. Md. Zain kerana telah memenangi Pilihan Raya Kecil Dewan Negeri Chini pada 4 Julai 2020 yang lalu. [Ahli Dewan menepuk meja]. Semoga Yang Berhormat dapat berkhidmat dengan jujur dan cemerlang dalam membantu membangunkan lagi masyarakat setempat dan Negeri Pahang amnya.

Saya juga merakamkan ucapan tahniah kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri, Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Muda yang dikurniakan darjah kebesaran, Darjah Sultan Ahmad Shah Pahang (DSAP) dengan membawa gelaran Dato', [Ahli Dewan menepuk meja] semasa Istiadat Pengurniaan Darjah-darjah Kebesaran dan Pingat-pingat Negeri Pahang Sempena Memuliakan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang pada 15 Ogos 2020 yang lalu.

Dewan Yang Mulia juga ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah atas Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Sultan Pahang, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah yang Ke-61 pada 30 Julai 2020. Semoga Kebawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dikurniakan kesihatan yang baik dan dilimpahi rahmat serta kekal karar memerintah singgahsana Kerajaan Negeri Pahang dengan penuh kebesaran, kedaulatan dan kemuliaan.

Baiklah Ahli Yang Berhormat, saya lihat Ahli Yang Berhormat telah bersedia, begitu ceria sekali pada pagi ini, alhamdulillah. Maka saya akan meneruskan aturan urusan mesyuarat yang seterusnya, sebahagian soalan dan jawapan dan dengan ini saya



menjemput Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Ibam. Ya, sila Yang Berhormat. Oh, dah ke sana ya. Jarak sosial ya sekarang, dah jauh ke sana. Sila.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan nombor satu.

[Berapa banyak jumlah hasil yang dapat dikutip dari penstrukturan semula cukai tanah yang telah Kerajaan Negeri Pahang laksanakan?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat daripada Bukit Ibam kerana telah bertanyakan jumlah hasil yang telah dapat dikutip oleh Kerajaan Negeri Pahang setelah penstrukturan semula cukai tanah dan saya rasa soalan itu sangat baik dan Ahli-ahli Dewan boleh mendapat maklumat secara terus dan ingin saya nyatakan di sini bahawa angka yang saya sebutkan ini adalah fakta. Angka tidak pernah berbohong dan sumber yang kita perolehi adalah daripada Bahagian Kewangan Negeri Pahang. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Ibam, sehingga 16 Ogos 2020, Kerajaan Negeri Pahang telah mengutip cukai tanah sebanyak RM198,446,428.00 iaitu peningkatan sebanyak RM84,126,533.00 berbanding pada bulan yang sama tahun 2019. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Soalan saya adalah, sebelum ini cukai tanah telah pun ada perkiraan salah. Jadi ada satu *period* untuk err... rayuan bagi apa tu... pemilik-pemilik tanah yang berkenaan. Tetapi bila mereka buat rayuan, lepas rayuan mereka dapat resit ataupun bil cukai tanah yang baru. Harga jumlah, harga cukai tanah masih kekal. Apakah masalah keadaan sebegini? Sekian.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan' Yang di-Pertua,

Saya ingin jelaskan kepada Yang Berhormat... Yang Berhormat daripada Bilut, kita tak pernah buat silap, tak pernah buat salah. Apa yang telah kita buat itu adalah setelah kajian terperinci dan diperbincangkan di dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri dan sebelum itu telah diadakan bengkel. Dan yang kita buat baru-baru ini ialah kita nak *through* dulu. Sebab kita dapati ramai daripada pemegang-pemegang akaun tanah ini, kadang-kadang tidak mengambil berat. Lebih-lebih lagi pula kita setelah 26 tahun, 27 tahun tidak menaikkan hasil tanah ini. Dan apa yang kita boleh buat kita boleh er... mengurangkan balik apabila kita melihat kepada keadaan sebenar dan maklumat-maklumat yang kita perolehi.



Jadi atas sebab itulah sebagai contohnya, tanah di tanah industri di Gebeng. Asalnya RM0.25 sen er... sekaki persegi. Tetapi kita buat tinggi, kita letak pada harga tinggi. Sebabnya, saya masih ingat dengan kadar tinggi itu supaya semua orang *alert*, supaya semua orang mendapat tahu bahawa hasil tanah ini adalah menjadi tanggungjawab mereka untuk membayar tanah kepada Kerajaan Negeri. Dan apabila ada rayuan, kita telah mengurangkan, kita telah bagi remisyen sebanyak 80% daripada RM5.00 tinggal RM1.00, dan daripada itu pula apabila diadakan perbincangan, Kerajaan Negeri masih lagi mempertimbangkan daripada RM1.00 kepada RM0.75 maknanya kenaikan RM0.25 kepada RM0.75 sahaja.

Jadi, ini tidak begitu membebankan rakyat dan saya ingin memaklumkan juga di sini bahawa antara kajian yang telah kita kaji sebanyak 88% pemilik tanah, iaitu pemilik tanah kediaman dan juga pemilik tanah pertanian kurang daripada 10 ekar, termasuk peneroka FELDA, 88% yang tidak terjejas akibat kenaikan ini. Cuma 12% sahaja tanah yang terdiri daripada pemilik tanah industri, bangunan perniagaan, tanah ladang dan pemilik tanah kategori ini yang terjejas akibat daripada kenaikan ini.

Jadi, saya minta Yang Berhormat kena faham ya. Bukan salah tau, bukan silap. Kita tidak pernah buat... sebelum sesuatu keputusan dibuat, kita telah kaji beberapa kali supaya kita tidak membuat kesilapan. Dan sebagai contohnya apabila berlakunya kenaikan kita buat kenaikan ini, ada syarikat-syarikat kerajaan ataupun bukan milik kerajaan yang cuba datang... datang ke negeri hanya menghantar pegawai-pegawai yang tidak sepatutnya menghantar sedangkan mereka kena bertanggungjawab. Mereka nak minta rayuan dengan kita mereka kena... sekurang-kurangnya CEO supaya datang kepada Kerajaan Negeri untuk berunding, kita tak layan. Sebab apa? Sebab kita nampak mereka tidak mengambil berat. Sedangkan Kerajaan Negeri sangat mengambil berat berhubung dengan kenaikan cukai tanah ataupun cukai tanah yang harus dibayar.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan Negeri telah mengumumkan potongan cukai er... untuk kategori industri dan juga pertanian melebihi er... 40 hektar. Soalan saya adalah, memandangkan warta kerajaan masih kekal pada kadar yang lama, adakah Kerajaan Negeri mencadang untuk mewartakan er... potongan cukai ini? Dan untuk menjamin kepada pemilik-pemilik harta supaya terus mendapat pemotongan ini pada tahun-tahun yang akan datang. Dan soalan kedua, memandangkan kekangan ekonomi yang dihadapi oleh rakyat akibat wabak COVID-19, adakah Kerajaan Negeri juga akan bercadang atau merancang untuk mempertimbangkan mengurangkan cukai tanah bagi kategori komersial dan juga er... pertanian bawah 40 hektar? Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya nak bagitahu kepada Ahli Yang Berhormat daripada Triang. Kerajaan Negeri tidak menaikkan cukai tanah hampir 26 tahun atau 23 tahun, dan kita diminta untuk mengkaji cukai tanah ini kalau boleh dinaikkan sedikit, ini arahan daripada Kerajaan Persekutuan. Dan kenaikan ini kalau tidak dibuat pada hari ini, pada baru-baru ini 3, 4 bulan yang lepas, 10 tahun akan datang pula baru boleh kita naikan cukai. Yang itu



Yang Berhormat kena faham, itu yang pertama. Dan kenaikan cukai ini, seperti mana saya katakan tadi, 88% tidak membebankan rakyat. Hanya cuma 12%. 88%, maknanya kalau kita periksa cemerlang tau kalau dapat 80% ke atas itu cemerlang dan kita buat ini adalah kita dah buat kajian yang terperinci. Sebab itulah semasa PRK Chini tempoh hari, tiada isu pun pasal ini cukai tanah. Tak ada di mana-mana tempat saya pergi, saya semak, tak ada isu pun pasal cukai tanah. Peneroka FELDA pun tak bangkit...

YB. CIK LEONG YU MAN

Mohon celah...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Nanti, nak mencelah ini saya pun suka juga mencelah ini...

YB. CIK LEONG YU MAN

Saya mohon Menteri Besar datang ke Kawasan Triang tengok ada isu tak...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat... Yang Berhormat Triang... dengar.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bagi saya cakap habis dulu. Kemudian COVID-19 sebab itu kita tangguhkan sehingga 31 Ogos pembayaran cukai tanah ini. Dan COVID-19 ini sebab ada hasil tanahlah kita berbelanja hampir RM27 juta, kita bagi semula kepada rakyat. Kalau tidak, kita nak cari duit di mana? Saya nak bagitahu kepada er... Yang Berhormat, Kerajaan Negeri satu bulan kena ada RM50 juta untuk perbelanjaan. Terutamanya pembayaran gaji dan lain-lain kos, RM50 juta. Dan er... kenaikan ini saya nak tekankan lagi sekali tidak membebankan rakyat dan er... negeri-negeri lain termasuk Pulau Pinang telah naik, Pulau Pinang dan naiknya lebih lagi daripada Kerajaan Negeri Pahang.

Kalau Yang Berhormat tidak percaya Yang Berhormat boleh buat perbandingan dengan Kerajaan Negeri Pulau Pinang termasuklah cukai industrinya. Yang bersabit dengan COVID-19, kita ada MTEN, Majlis Tindakan Ekonomi Negeri yang telah kita bermesyuarat. Sebagai contohnya, kita bagi lesen perniagaan untuk mereka yang berniaga berhampiran dengan rumah ataupun kawasan perumahan yang ini Majlis Daerah dan Majlis Perbandaran telah melaksanakan dan usaha-usaha lain akan diteruskan dari semasa ke semasa.

YB. CIK LEONG YU MAN

Er... minta maaf.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. CIK LEONG YU MAN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua...



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Triang.

YB. CIK LEONG YU MAN

Menteri Besar belum menjawab lagi bahawa adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewartakan potongan cukai ini?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya dah jawablah tu tapi Yang Berhormat tak *pick up*, 10 tahun sekali je boleh buat. Saya dah buat, tak akan nak buat lagi, tidak boleh. Kita dah buat keputusan cukai baru ini kenaikan cukai, itu adalah 10 tahun sekali. Lepas ini takkan kita nak buat lagi. Tunggu 10 tahun lagilah, tunggu mungkin MB baru esok buat pula lah.

YB. CIK LEONG YU MAN

Jadi adakah remisyen ini akan dilanjutkan untuk 10 tahun yang akan datang?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Remisyen ini terpulang kepada Kerajaan Negeri. Kalau Kerajaan Negeri merasakan ianya sesuai cukup untuk negeri...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Triang, duduk dulu.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

...kita tak akan buat perubahan dah. Dengan apa yang kita buat pada hari ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, setelah kita mengkaji dan sebagainya kita dah bagi 80% kita kurangkan lagi, kalau sekiranya ini memadai tidak menimbulkan masalah pendapatan Kerajaan Negeri agak-agak cukup kita *staylah*, terpulang kepada keadaan semasalah. Terpulang kepada keadaan semasa. Mungkin pada tahun depan keadaannya berlainan. Kalau kita rasa okey kita terus je lah. Kalau kita rasa tidak berapa okey, mungkin kita kaji sedikit bergantung kepada keadaan. Nak kena jawab hari ini tidak bolehlah.

YB. CIK LEONG YU MAN

Okey *sorry*, jadi adakah pemilik tanah...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Triang...

YB. CIK LEONG YU MAN

...masih perlu membuat rayuan setiap tahun untuk mendapatkan remisyen ataupun remisyen akan diteruskan sehingga *further notice* daripada Kerajaan Negeri?



YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat, kita dah bagi rayuan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sehingga 31 Ogos, rayuan semua dah buat. Selepas 31 Ogos ini maknanya siapa yang tidak bayar akan didenda.

YB. CIK LEONG YU MAN

Bukan, maksud saya remisyen yang diumumkan Kerajaan Negeri untuk industri dan juga pertanian bagi 40 hektar...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Remisyen kita bagi 80%.

YB. CIK LEONG YU MAN

... adakah ini akan disambung tahun depan?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bergantung kepada keadaanlah.

YB. CIK LEONG YU MAN

Tahun depan?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Bergantung kepada keadaan.

YB. CIK LEONG YU MAN

Jadi mereka tunggu kepada keputusan...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya kata bergantung kepada keadaan, Yang Berhormat faham ke tak? *Depend on the situation and condition*. Macam mana saya nak jawab, tunggu tahun depanlah. Tetapi saya nak bagi jaminan di sini, sekiranya ianya membebankan rakyat, kita tidak buat, kita tidak akan membuat sesuatu yang lainlah yang luar biasa dan sebagainya. Tetapi sama ada *remit* itu kita naik atau tidak, Yang Berhormat nak tahu jawapan, bergantung kepada keadaan. Dan keadaan pada masa itu kalau sekiranya keadaan telah berjalan elok seperti sekarang, kita dah boleh bayar gaji kita ada lebih sikit, kita tak perlu naik, kita bukan nak membebankan rakyat. Sebab itu 88% hasil kenaikan yang kita kenakan ini tidak terkesan kepada rakyat secara terus.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat,

Saya ingat jawapan yang cukup baik dan jelas. Saya tidak membenarkan lagi Yang Berhormat bertanya. Kita berpindah kepada soalan selanjutnya. Saya jemput Wakil dari Semambu.



YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya ingin kemukakan soalan er... Nombor 2.

[Dimaklumkan bahawa dalam Pahang Investment Forum 2019 di Singapura, Kerajaan Pahang telah menandatangani 11 MoU yang bernilai RM1.134 bilion. Apakah kemajuan 11 projek tersebut, dan berapakah pelaburan yang telah mula bertapak di Pahang?]

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

ADUN Semambu bertanyakan Pahang Investment Forum 2019 di Singapura di mana Kerajaan Negeri Pahang telah menandatangani 11 MoU bernilai RM1.134 bilion. Apakah kemajuan 11 projek tersebut, dan berapakah pelaburan yang telah mula bertapak di Pahang.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Status projek-projek tersebut sehingga Ogos 2020 adalah seperti berikut; Satu projek yang bernilai RM30 juta telah berjaya dilaksanakan. Dua projek yang bernilai RM180 juta (Fasa 1) dan RM20 juta sudah diluluskan dan dalam proses akhir perjanjian. Tiga projek yang bernilai RM200 juta, RM30 juta, dan RM48 juta masih dalam peringkat kajian perancangan akhir. Tiga projek bernilai RM50 juta, RM16 juta, dan RM10 juta masih lagi dalam tindakan syarikat. Kelewatan adalah disebabkan oleh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan di mana pelabur tidak dapat memasuki negeri Pahang.

Yang akhir, dua lagi projek telah digugurkan atas alasan kegagalan mendapatkan dana pelaburan dari rakan kongsi syarikat di China dan pihak syarikat tidak bersetuju dengan lokasi tanah di Cameron Highlands. Daripada segi peratusan, tahap kejayaan sehingga kini adalah 81.8%.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan. Terima kasih atas jawapan yang diberikan. Saya cuba kira tadi sebab bacaan itu agak cepat tapi saya nampak yang tercapai itu tak sampai 50% daripada nilai yang ditandatangani er... dalam MoU dan saya cuma nak pastikan er... adakah semua pelaburan ini dari Singapura ataupun dari berbagai-bagai?

Er... yang kedua adalah sambung daripada persoalan Triang tadi. Sekiranya cukai tanah tidak menentu, ertinya setiap tahun perlu dinilai semula. Saya bimbang ini akan menimbulkan keraguan kepada pelabur-pelabur ya, Dato' Sri Yang di-Pertua kerana mereka ini tidak pasti sama ada cukai tanah itu er... bagaimana mereka boleh faktorkan dalam kos operasi mereka?

Cadangan saya adalah, sekiranya boleh er... perlu adakan satu ketetapan ya kenaikan. Walaupun ada kenaikan dengan kadar yang er... berpatutan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Menteri Besar saya ingat...



YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Dato' Sri, saya nak minta Yang Berhormat Semambu tadi ulang balik soalan kerana ada berkaitan...

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan pertama

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Terus pada *point*

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan pertama adalah, adakah semua pelaburan daripada Singapura yang semua pelaburan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat dari Singapura?

Soalan kedua adalah, adakah cukai tanah yang disebut oleh ADUN Triang tadi, bolehkah diberikan satu *certainty* atau satu ketetapan? Ertinya, kadar kenaikan yang boleh dijangka. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Yang Berhormat Semambu bertanyakan soalan daripada Singapura 2019. Jadi saya jawab pelaburan daripada Singapura lah. Yang Berhormat tak percaya ke? Saya boleh sebut satu-satu nama syarikat ini. Takkan tanya Singapura saya nak jawab daripada Thailand ke, daripada China ya.

Yang kedua, yang cadangan untuk tetapkan apa semua tadi kita dah kata dah perkara ini 10 tahun sekali, kita bagi remisyen dan kalau sekiranya benda perkara ini berjalan elok. Yang menjadi kerisauan cuma 12% sahaja daripada kenaikan cukai tanah. Tetapi sekarang ini saya dapati mereka semua berpuas hati, tiada masalah pun. Ada syarikat-syarikat besar yang datang kepada kita, datang berjumpa selepas kita bagi *remit* dan kita bagi lagi sedikit pengurangan, mereka berpuas hati, tiada masalah pun. Sebab kita er... bagi ini kita turunkan kuasa kepada PTG, kepada D.O untuk berunding dan sebagainya dan kenaikan se... sebarang cukai ni tidak boleh dibuat sembarangan. Dia... dia memerlukan kajian yang teliti. Ha, sebab itulah er... 88% tidak terkesan. Jadi yang menjadi kebimbangan ini saya ingat bukannya er...pelabur-pelabur yang 12% terkesan, daripada kalangan Yang Berhormat je daripada Semambu je.

Sebab saya tak, saya dapati pada peringkat awal betul. Peringkat awal sebabnya kita nak bagitahu kepada mereka ini supaya mereka ambil berat. Kenaikan cukai tanah ini saya nak bagitahu kepada di Dewan Yang Mulia ini Tuan Yang di-Pertua, sangat baik. Yang pertama sekali, kita dapat tahu ada syarikat dia dah dapat tanah, dia tak bangukan, dia minta lagi tanah. Jadi dengan adanya cara baru ini, kita bagitahu kat dia yang ini pun tak bangun lagi, takkan nak minta yang lain. So, tak boleh macam tu.

Bila kita bagi tanah, dia kena usahakan tanah tersebut. Kalau dah maju, dia boleh kemukakan permohonan yang lain dan er...bagi saya dan rakan-rakan Ahli-ahli Majlis



Mesyuarat Kerajaan Negeri, kita sangat... sangat berpuas hati dengan apa yang kita laksanakan dan apa yang penting ialah setiap rayuan daripada mereka yang terjejas, ataupun terkesan daripada kenaikan cukai tanah ini, kita telah er... dengar rayuan mereka dan kita pertimbangkan.

Sebagai contoh, saya nak ulang lagi sekali industri di Gebeng. Asalnya RM0.25. Bila kita kata kita naik cukai tanah, naik RM5.00. RM5.00 kemudian kita kurangkan kepada RM1.00, tetapi apabila ada lagi rayuan datang, akhirnya kita kurangkan kepada RM0.75. Ini sebagai bukti kukuh bahawa Kerajaan Negeri Pahang boleh berunding. Kita tidak buat er... sembarangan. Jadi andaian, anggapan daripada Yang Berhormat Semambu itu saya harap er... setelah mendapat penjelasan daripada saya lepas ni tiada lagilah kebimbangan ya.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita pergi kepada... Ya.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ketari

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okey. Terima kasih. Er... Yang Berhormat

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat bila daripada Ketari bagi ya, padahal nak pergi kepada soalan lain dah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Tak Yang Berhormat saya, memang nak pergi ke soalan lain.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Terima kasih Tuan Speaker.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Nampak dia dah 10 kali bangun duduk, bangun duduk. Okey, bagi peluang Yang Berhormat.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Okay soalan. Adakah krisis wabak COVID-19 menjejaskan peluang pelaburan-pelaburan asing, ini termasuk di Ketari dan di Bentong?

YAB. DATO' SRI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

ADUN Ketari ini kalau tak tanya soalan ini pun dia tahu dah jawapannya. Sebabnya bila COVID-19 ini, orang pelabur asing daripada negara lain tak boleh datang ke Malaysia. Jadi sudah tentulah ini... sedikit sebanyak akan berlaku er... terjejas pelaburan. Itu saya ingat *very straight forward* punya je. Takkanlah dengan... dengan perintah berkurung dengan COVID-19, pelaburan ini boleh meningkat. Sudah tentu berlaku sedikit er... pengurangan dan sudah tentu berlaku er... mereka yang melabur terkesan, termasuk kita di... di Pahang ini.

Sepertimana yang saya katakan tadi, ada beberapa syarikat yang di Singapura tidak dapat datang ke kita, ke negeri, sebab sekatan pergerakan (PKP) COVID-19. Kalau COVID-19 ini melanda dunia, Malaysia, katalah hotel kita penuh, Genting Highlands pun penuh, ingat satu perkara yang unsangkarable lah, luar biasa. Er... jadi soalan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sudah tentulah terjejas apabila berlakunya COVID-19.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey terima kasih Yang Berhormat Menteri Besar, jawapan yang cukup jelas dan terang ya. Kita berpindah kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Teruntum.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 3.

[Negeri Pahang mempunyai banyak tempat menarik untuk dikunjungi selain mempunyai kelebihan tersendiri di setiap destinasi itu. Lebih istimewa apabila terdapatnya pantai-pantai yang indah sebagai salah satu tarikan di negeri Pahang.

- a) Berapakah jumlah hotel berdaftar mengikut penilaian di negeri ini dan berapakah kadar penghunian hotel sehingga Jun 2020?
- b) Apakah langkah kerajaan negeri dalam memulihkan industri pelancongan di negeri Pahang yang terkesan akibat COVID-19?

YB. DATO' SRI HAJI MOHD SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Terima kasih Yang Berhormat Yang di-Pertua.



Terima kasih kepada wakil daripada Teruntum dan juga rakan-rakan lain yang mengemukakan soalan. Cuma saya boleh jawab satu soalan sahaja. Yang lain tu insya-Allah kita akan jawab bertulis. Er...cuma sebelum saya menjawab saya nak maklumkan bahawa apabila pelaksanaan PKP ini, iaitu COVID melanda, kita dari segi pelancongan, setiap bulan kita kehilangan sebanyak 1.4 kepada 1.5 juta orang. Bersamaan dengan perbelanjaan pelancong sebanyak RM1 bilion sebulan.

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Er... mengikut data ya. Mengikut data daripada Kementerian er... Kementerian Pelancongan (Pahang), sebanyak 491 buah premis penginapan pelancongan, PPP telah berdaftar sehingga Jun 2020. Daripada hasil kemaskini data statistik setiap daerah, negeri... negeri Pahang, sebanyak 729 bilangan hotel dan juga penginapan yang terdapat di negeri Pahang, ini termasuk yang tidak berdaftar. Kita nak ucap terima kasih kepada Majlis Daerah dan juga Majlis Perbandaran yang telah melaksanakan er... program yang ini iaitu mendaftar semua rumah-rumah penginapan termasuklah er... *homestay*, *rest house* dan lain-lain lagi.

Yang keduanya, Kerajaan Negeri akan memberi penekanan ke arah usaha untuk meningkatkan keyakinan pas... pasaran untuk melancong semula. Er... antara lain kita memberikan tumpuan kepada pasaran tempatan melalui *platform* digital, *digital marketing*, media cetak dan lain-lain. Video promosi dan juga pakej-pakej pelancongan istimewa yang akan dimuat naik di *social media* dan di laman web *Tourism Pahang* dan *Tourism Malaysia*.

Kita juga mengadakan perkhidmatan ya, secara *online*, atas talian iaitu kita sebut yang dilancarkan oleh YAB. Menteri Besar iaitu *Tourism Virtual Advisory Clinic (T-VAC)* yang er... diusahakan oleh bersama dengan Perbadanan Produktiviti Malaysia, iaitu perkhidmatan ini adalah perkhidmatan talian kepada pemain-pemain industri yang terkesan yang inginkan khidmat nasihat bagaimana untuk mendapatkan dana-dana yang telah diumumkan oleh Kerajaan Malaysia semasa Covid er... semasa PKP dilaksanakan. Kita juga mengadakan er... kerjasama dengan... dengan negeri-negeri jiran iaitu seperti Perak, Selangor, Johor dan Negeri Sembilan er... serta negeri-negeri wilayah pantai timur, Kelantan, Terengganu dalam memasarkan pakej-pakej kita yang menarik.

Saya juga hendak maklumkan bahawa setiap minggu, ya, kita akan mengadakan apa yang kita sebut sebagai *FamTrip*, iaitu *familiarsation trip*. Di mana kita juga melibatkan, kita juga menjemput pimpinan-pimpinan tempatan dan dalam masa yang sama kita membawa seramai mungkin *industrial players* ataupun pemain-pemain industri seperti *hotelier*. Begitu juga dengan ini er... *travel agent* er... *influences* termasuk juga *bloggers* dan juga aktivis sosial media untuk mereka pergi meninjau tempat-tempat. Kita *revisit* ataupun melawat semula tempat-tempat dan kemudian memperkenalkan tempat-tempat yang baharu. Seperti contohnya er... mereka sangat terpesona dengan Tasik Biru yang terdapat di Rompin sebagai contoh.

Soalan seterusnya, bagi memulihkan industri... memulihkan industri pelancongan negara, kerajaan telah merangka plan pemulihan pelancongan, kebudayaan yang merangkumi 5 perkara, memulihkan kembali keyakinan orang awam untuk kembali melancong melalui kempen Malaysia Bersih dan Selamat. Merencanakan semula pelancongan domestik meskipun sempadan negara masih belum dibuka. Meneroka potensi ketibaan pelancong-pelancong asing dari pasaran jarak dekat seperti negara ASEAN terutama... terutamanya melalui pelancongan rentas sempadan ataupun *cross border tourism* seperti mengadakan er... gelembong ataupun *travel bubble* dengan



negeri-negeri jiran. Terutama sekali untuk negeri dengan apa yang disebut sebagai *green state*. *Green state* ini *green country*, *country* ni bukannya kerana PAS memerintah situ, tidak. *Green country* ini bermakna mereka itu setelah tidak ada lagi COVID dan er... kita juga memberikan penekanan er... kepada *segment* yang dibenarkan oleh kerajaan seperti pelancongan kesihatan, taman tema, penganjuran *Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions* atau MICE. Memaksimumkan sumber yang ada melalui kerjasama dengan pelbagai agensi. Dalam tempoh jangka masa panjang, kerajaan akan terus memberikan komitmen pelancongan lestari seperti mengadakan, meningkatkan pendapatan pelancongan menerusi kehadiran *quality tourists* atau *high yield tourists* yang berbelanja tinggi, melawat dan menetap lama di sesuatu destinasi pelancongan. Langkah ini adalah seiring dengan *Agenda Sustainable Development Goals 2030* oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bertujuan untuk melindungi, memelihara dan memulihara alam semula jadi serta seni budaya dan warisan.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya adalah, di persisiran pantai di negeri Pahang panjangnya lebih kurang 200km. Berapakah hotel yang berada disisi pantai? Dan juga bagaimana kerajaan menambahkan *investor* hotel-hotel yang baharu dan apakah faedah atau insentif akan diberikan akibat daripada COVID-19? Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Sebenarnya soalan nombor satu tu, Yang Berhormat daripada Teruntum dia boleh buat sendiri sahaja. Dia *google* la, *google* pergi ke *Booking*, *check*, tengok sepanjang pantai itu. Daripada Cherating hinggalah ke Rompin. Sebab Yang Berhormat daripada er... Teruntum dia memang dari industri perhotelan dulunya. Dia saja nak *test* saja. Yang itu saya memang tiada jawapan. Saya pun kena *google* dan *check Booking* er... *Trivago* dan kita akan tau berapa banyak hotel, tak payah kita ini dan ini saya akan buat jawapan bertulis ya secara rasminya.

Yang keduanya sememangnya kita sedang mengalakkan kerana kita tahu bahawa negeri Pahang ini adalah di antara negeri ya, er... negeri yang mempunyai potensi yang sangat besar. Terutama sekali kita mempunyai pantai yang sangat berbeza dengan pantai di Semenanjung ataupun pantai di Malaysia Barat ataupun di pantai barat kerana pantai kita adalah *open sea* yang lebih bersih yang lebih er... apa nama ya, yang lebih bersih dan juga lebih cantik. Kerana itu kita sentiasa memberikan er... apa namanya... memberikan penekanan dan dalam masa yang sama kita juga mengadakan promosi dan kita juga menjemput ya, kita juga menjemput er... pengusaha-pengusaha hotel yang berminat untuk mereka membangunkan.



Saya hendak maklumkan bahawa sebagai contohnya di... di Rompin, Lanjut, The Lanjut Resort, mereka telah pun memperbesarkan operasi mereka kalau dahulunya ada sedikit bilik sekarang ada tambah lagi. Begitu juga dengan beberapa hotel-hotel baharu yang dibuka. Saya er... baru ni saya pergi ke satu hotel, satu tempat di... di Arita... Arina? Saya lupa dah nama, Arina kalau tidak silap saya. Hotel yang lama tetapi di *refurbish* balik dan sememangnya kita sekarang ini pelancong-pelancong Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mereka memilih tempat-tempat yang sebegini rupa.

Sebab itulah ada... ada soalan yang menyatakan bahawa mengada ada tempat-tempat yang mereka mendapat kekurangan pelancong. Tetapi itu untuk tempat-tempat yang agak lama, yang agak usang. Kerana pelancong sekarang ini Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mereka memilih tempat-tempat yang lebih selesa, lebih baik kerana apa? Kerana mereka mempunyai kemampuan untuk berbelanja lebih. Sebab itu, kalau kita tengok hotel-hotel di Kuantan ini kalau sekiranya hari minggu, kalau tak percaya, kita pergilah *walk-in*. Saya... boleh dikatakan *most of the* hotel dengan izin *five star, four star, three star* ini akan penuh. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah kita pergi ke soalan yang berikut. Teruntum juga. Banyak soalan Teruntum ini.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Soalan saya nombor 4.

[Musim durian menjadi satu musim yang dinanti oleh penggemar raja buah dan harganya juga akan mencanak naik ekoran mendapat permintaan yang tinggi lebih-lebih lagi musim baru saja bermula.

- a) Apakah langkah-langkah pihak kerajaan negeri dalam mengawal harga durian yang dijual dengan harga yang tinggi dan seterusnya membuat pengeluaran buah durian menembusi pasaran luar negara?
- b) Berapakah hasil pengeluaran buah durian untuk pasaran luar negara dari tahun 2018 sehingga kini?
- c) Apakah tindakan dan inisiatif pihak PBT negeri ini dalam mengawal penjual durian yang tidak berlesen di tepi jalan contohnya, yang kadangkala merbahayakan pengguna jalan raya yang lain?]

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er... Teruntum bertanyakan berkaitan dengan durian. Iaitu musim durian menjadi satu musim yang dinantikan dan menyebabkan harga durian meningkat. Jadi persoalannya sama ada, apakah langkah-langkah pihak Kerajaan Negeri dalam mengawal harga durian yang dijual. Jadi bagi menjawab soalan ini untuk makluman sebenarnya durian



ini merupakan er... buah yang dinamakan sebagai Raja Buah di negara kita dan ianya muncul biasanya dalam setahun itu, sekali atau 2 kali saja, ia tidak kerap sangat dan dia mendapat sambutan daripada pengemar-pengemar er... durian ini. Namun er... durian ini bukan masuk dalam komoditi yang dikawal ya oleh pihak kerajaan. Sama ada negeri ataupun persekutuan. Sebab itu kita tidak ada langkah-langkah kawalan dari segi harga. Lazimnya, harga ini akan ditentukan oleh *market forces*, dengan izin, melalui er... dipanggil *price circular gram* ini... dengan izin Yang di-Pertua, bersandar kepada permintaan dan bekalan.

Dan er... durian ini banyak jenis. Kalau nak mahal, kita pilihlah yang spesis yang mahal. Tapi ada durian-durian... durian kampung yang murah. Jadi bukan semua durian itu mahal. Dia ada kategori dia. Sepertimana yang saya zahirkan, durian yang popularnya jenis D197 ataupun sekarang ini dipanggil Musang King, ada Mou Sang King, tapi banyak yang panggil Musang King, MK dan ada juga yang dari D168 ataupun dipanggil sebagai Hajah Hasmah ataupun Mas Muar ataupun IOI. Ini nama-nama ya. Ada juga daripada er... spesis D24, ada yang D145. D145 ni ada yang Berserah. Durian Hijau, Durian Berserah dinamakan sebagai D145.

Jadinya harga bagi durian-durian ini berbeza malahan Musang King ini dia berbeza. Kalau ada Musang King di Sungai Ruan berbanding dengan Musang King di Sungai Chalit, dia berbeza harga dia. Kalau Musang King di bawah, di atas bukit yang di tempat tinggi, berbeza dengan dengan di tempat yang rendah. Jadi yang ini memang tidak ada mekanisma untuk mengawal. Dia ada masa dia bila banyak tu dia rendah lah. Bila tak ada dia itu, luar musim, memang tinggi. Hanya pihak kerajaan dalam nak membantu pengusaha-pengusaha ini dan juga pihak penggemar dan pembeli, kita nak pastikan supaya kita mengeluarkan kualiti durian yang tinggi melalui amalan menggunakan pendekatan myGAP. Maknanya *Good Agriculture Practices* dengan izin, Dato' Sri.

Jadi pihak kerajaan mengeluarkan sijil tu, makna kalau dikatakan daripada kebun ini dia ada myGAP maksudnya dia mengamalkan satu kaedah pertanian yang err... mesra alam, tidak menggunakan bahan-bahan pembajaan racun yang boleh memberi kesan kepada kesihatan. Jadi pihak kerajaan mengeluarkan myGAP dengan myORGANIC kalau mengamalkan konsep *organic farming* iaitu pertanian organik maka kita keluarkan sijil myORGANIC itu. Dan yang ini sudah tentunya memberi pulangan yang tinggi kepada pihak ini... pekebun dan pada masa yang sama dapat juga menjamin err... pembeli-pembeli dapat kualiti durian yang baik dan sepertimana yang saya zahirkan tadi, selain daripada spesies-spesies ini yang sekarang ini kita dah ada dah Tupai King, Dato' Sri Yang di-Pertua, dulunya Musang King. Tupai King, dan ada juga River King.

Saya pernah pergi dengan sahabat saya daripada Lanchang, pergi ke Temerloh. Temerloh memperkenalkan River King. Saya dah cuba dan memang rasanya cukup enak tapi oleh kerana tumpuan kita pergi kepada Musang King, Musang King, Musang King, jadi kita kadang-kadang ada masa tu bila kita makan yang... kita *buyers*. Kita dah ada... apa nama ni *judgemental* dengan izin ya, pemikiran yang meletakkan durian lain tak sedap. Walhalnya, pengusaha-pengusaha Musang King sendiri pun mencari durian-durian kampung, dia tak makan Durian Musang King, dia pergi cari durian kampung. Durian kampung mendapat pasaran dan oleh kerana itu, pihak kerajaan khususnya bawah Kementerian Pertanian...

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mencelah sikit.



Saya pergi ke Hulu Cheka ya. Baru-baru ini, kita buat *fam trip*. Dia macam-macam nama durian ni, ada nama Durian Kepala Gajah, ada nama Durian Tembaga, ada nama Durian Ganja. Saya ingatkan makan mabuk. Tak, macam biasa je tapi sedap. Macam-macam nama durian.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Ya... ya.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. SHARKAR BIN HAJI SHAMSUDIN

Durian kampung, *premium* durian.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebab itu saya katakan tadi. Terima kasih sahabat saya daripada Lanchang. Kita buah ini satu bab yang keduanya *marketing strategy*. Macam saya tengok baru ni Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar ada buat kunjungan, apa namanya lawatan juga lah ke kawasan sahabat-sahabat termasuk di daerah. Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah pergi ke satu kedai yang menjual nasi ganja. Dia ada nasi ganja. Jadi di situ dia nasi kandar je, Yang Amat Berhormat Dato' Sri ya, nasi kandar tapi nasi kandar itu dia namakan nasi ganja. Jadi orang beraturlah, apa ni dengan barisan yang panjang. Jadi bila kita makan enak tu enak tapi sebenarnya apa makanan yang kita makan tu nasi campur, nasi kandar yang dinamakan nasi ganja. Ha, macam nasi buluh di Sungkai ya dekat Sungkai tu dia ada nasi buluh...

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Minta celah sikit, kita bincang durian bukan bincang makan. Terima kasih.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Seriously Teruntum pagi ini saya tengok [Ahli Dewan ketawa]. Saya nak beritahu maknanya saya nak pergi kepada perkara ini. Durian ni kalau dahulunya kita tahu, kita ada selain daripada durian-durian yang terkenal ya, kita ada durian yang daripada kampung. Hulu Cheka, daripada Tanjung Gahai, daripada Budu, daripada Chenor daripada Sungai Jerik, Lanchang, Dong. Banyak tempatlah yang dulunya ialah durian kampung ni memang hebat. Sebab itu Jabatan Pertanian kita namakan satu spesies baru iaitu kita panggil Durian Kampung Premium, DKP.

Untuk makluman Wakil daripada Teruntum, ini Musang King ini ialah durian kampung yang dinamakan dulunya sebagai Raja Kunyit. Durian Kunyit je. Durian Kunyit sebab dia kuning, tu orang kampung dia mudah je ha, Durian kunyit. Bila Durian Kunyit, harga dia ialah harga durian kampung, RM10.00 sekilo je. Kita semua gelabah, tak pandang pun Durian Kunyit masa itu. Tapi bila dah nama dijenamakan sebagai Musang King, baru kita berebut lepas tu bila kita makan, la ni Durian Kunyit. Yang petani yang tanam tu Durian Kunyit sekarang ini jadi... yang hasilnya ialah Musang King.

Jadi, sekarang apa yang kita ambil pendekatan ialah durian-durian kampung ini tadi kita akan daftarkan di bawah DKP iaitu Durian Kampung Premium. Hulu Cheka dan sebagainya tadi dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah maklumkan kita nak namakan durian ini ada kaitannya dengan negeri kita, Pahang. Kalau misal contohnya kita kata durian kampung di Hulu Cheka, RM10.00 sekilo. Tetapi kalau kata Hulu



Cheka Premium. Fuhh! itu berapa? Tak tahu. Ataupun kita kabo er... ini Durian Haji Nazri maknanya Pulau Tawar, maknanya Durian Pulau Tawar, *power* ataupun Pulau Tawar *Power*, PTP. Jadi maknanya mungkin daripada RM10.00 dia akan melonjak pergi RM30.00. Jadi kalau... Haji Nazri Premium contohnya. Jadi maksud di sini, durian ini kita sebenarnya kita tidak ada kawalan dan kita pengusaha sekarang ini, insya-Allah kita untuk memperkasa dusun-dusun durian ini tadi, supaya pengguna atau pembeli-pembeli, penggemar-penggemar durian ini tadi boleh berpeluang untuk menikmati buah durian yang premium, yang cukup sedap, dengan harga yang munasabah dan tidak semata-mata kita nak tumpukan kepada Musang King.

Jadi itulah sebabnya saya zahirkan tadi iaitu pertamanya, pihak kerajaan tidak ada kawalan dari segi penjualan durian dan kita hanya pastikan kualiti mestilah baik supaya pembeli ataupun pemakan ini tadi tidak mudarat, mendapat kemudahan daripada pemakanan durian yang tidak mengamalkan konsep pertanian yang *Good Agriculture Practices* GAP, myGAP.

Yang keduanya, berapakah hasil pengeluaran buah durian untuk pasaran luar negara? Sebenarnya untuk makluman Dato' Sri Yang di-Pertua, kalau melihat kepada statistik yang dikeluarkan, kita dapati bahawasanya dalam tahun 2018 iaitu err... eksport ataupun pengeluaran durian segar dan durian ulas mengikut tahun ya. Tahun 2018, dia mencecah 35,830 metrik tan dan dalam tahun 2019, pengeluaran durian telah mencecah 92,900 metrik tan dan sehingga bulan Jun tahun ini, pengeluaran hasil durian telah mencecah 17,800 metrik tan, iaitu... makna pengeluaran untuk dipasarkan ke luar negara. Dan bagi memastikan kualiti buah durian ini untuk pasaran luar negara, pihak kerajaan khususnya kita di negeri Pahang ini kita telah meluluskan pusat pemprosesan durian untuk dieksport sebanyak 9 pusat kesemuanya ya, untuk pastikan.

Dan yang ketiganya, soalan yang ketiga, iaitu apakah sebenarnya tindakan dan inisiatif Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) negeri ini dalam mengawal penjualan, penjual durian yang tidak berlesen di tepi-tepi jalan yang kadangkala membahayakan pengguna jalan raya? Jadi untuk jawapan itu PBT er... dalam mengawal penjualan durian tidak berlesen ini telah menyediakan tapak khas sementara untuk peniaga menjual buah-buahan bermusim termasuk durian dengan bayaran permit yang minima. Bagi peniaga yang menjual di tepi jalan, PBT juga mengeluarkan permit sementara buah bermusim dimana permit ini adalah berstatus sementara ya, yang perlu di er... pohon oleh pihak peniaga. Walau bagaimanapun pemilihan lokasi yang bersesuaian diambil kira sebelum permit ini diluluskan bagi mencegah aktiviti penjajaan dilakukan dikawasan-kawasan yang membahayakan pengguna jalan raya. Sebab yang ini kita kena tengok sebab kita jadi er... kalau ikut dari segi itu, aktiviti perniagaan tersebut yang er... dibuat tanpa permit atau permit sementara, pihak PBT boleh mengenakan tindakanlah er... boleh mengenakan tindakan kompaun dan perniagaan mereka boleh disita.

Ini pendekatan yang diambil oleh PBT supaya dapat mengawal. Kita makna faktor yang kita ambil ialah dari segi faktor keselamatan lebih daripada itu. Kita nak menggalakkan mereka berniaga tapi kena tengok tempatlah er... yang kalau sekiranya ianya membahayakan er... ini pembeli maka kita tidak luluskan. Jadi er... di samping itu juga er... tindakan yang diambil oleh pihak ini kementerian iaitu er... Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna hanya lebih kepada tumpuan nak pastikan pertama sekali supaya er... penjual itu mematuhi er... Akta Timbang Sukat... supaya er... bila ditimbang itu maknanya er... timbang atau timbang sukat ini memastikan supaya timbangan itu betul. Kalau sekiranya tidak ia akan dikenakan tindakan.



Dan setakat ini, daripada 1 Julai hingga 31 Julai Tahun 2020, pihak kementerian melalui Unit Penguatkuasanya telah memeriksa 121 premis jualan buah-buahan er... durian ini dan 10 kes pelanggaran Akta Timbang Sukat dan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan telah dikenakan tindakan kompaun sebanyak RM10,000.00. Jadi itu yang telah diambil oleh pihak kerajaan. Terima kasih.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila. Bilut.

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Kes pekebun Musang King tanah tanpa geran di daerah Raub telahpun menimbul... menimbulkan masalah. Mereka tidak berpuas hati bagi syarat yang dikemukakan oleh *Royal* Pahang. Soalan saya adalah, adakah pihak kerajaan sedia mengadakan dialog bersama pekebun supaya mengadakan keadaan *win-win situation*? Soalan kemudian er... bolehkah saya tahu, berapakah harga sewa pihak kerajaan menyewa tanah er... kepada *Royal* Pahang setiap ekar? Sekian, terima kasih.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Dato' Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar telah memaklumkan tadi beberapa langkah-langkah yang diambil iaitu pihak kerajaan er... terpaksa perkenalkan er... kaedah-kaedah atau tindakan-tindakan tertentu demi manfaat semua. Kita ada COVID-19 dan salah satu daripada agenda yang dibincangkan dalam Majlis Tindakan Ekonomi Negeri yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar dengan dianggotai oleh pelbagai pihak termasuk daripada er... *players of the industry* dengan izin, ialah memperkasa sektor agro. Dan kita tahu sektor agro ini antara komponen penting ini ialah tanah.

Kita negeri Pahang walaupun negeri kita besar tetapi kita mempunyai sumber yang agak terhad. Sebab itu kita ada peraturan dan undang-undang iaitu bagaimana kita nak memanfaatkan atau nak usahakan tanah-tanah kerajaan. Kita tidak boleh hanya masuk er... begitu sesuka hati begitu. Ia akan mewujudkan satu keadaan yang dipanggil anarki, tidak ada sistem. Jadi persoalan yang pertama ialah mana-mana pihak tak kira individu, syarikat atau mana-mana, yang masuk mencerooboh tanah kerajaan dianggap salah yang ini jelah. Makna COVID misal contohnya kalau ada peraturan keluar MCO dengan izin mengatakan ini peraturan dia.

Jadi kalau kita tidak patuh peraturan ini maka kita pihak yang berwajib akan mengambil tindakan mengenakan apa jua tindakan di bawah peruntukan yang telah disediakan, begitu juga dengan pihak kerajaan. Pihak kerajaan kita lihat ada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab masuk ke kawasan er... ini tanah kerajaan, sama ada hutan simpan ataupun tanah kerajaan dan meneroka... dan ianya berlaku dalam keadaan yang cukup lama, merugikan kerajaan dan juga mewujudkan satu suasana yang tidak sihat seolah menggalak orang lain untuk masuk untuk meneroka.



Pihak kerajaan boleh mengambil tindakan di bawah peruntukan yang ada undang-undang menguatkuasakan, merampas tanah ini sepertimana yang telah dilaksanakan oleh negeri-negeri lain. Negeri-negeri yang lainnya saya maksud saya... bukan sahaja yang... di er... yang kebanyakannya ditadbir urus oleh bukan daripada sekarang ini dipanggil Perikatan Nasional maknanya PH lah. Selangor, Pulau Pinang malahan dulu masa PH Perak, di Perak, mengambil tindakan begitu tanpa sebarang pampasan. Malahan sekarang ini di Selangor ada begitu.

Tetapi kita di Pahang di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar kita telah bincangkan, meneliti apakah kaedah yang paling baik. Saya bagi contoh kalau kita ada tuan rumah, tuan tanah, orang menceroboh tanah yang er.... telah ada hak milik, pihak tuan tanah itu boleh mengambil tindakan. Dia boleh mengambil tindakan melalui proses undang-undang di mahkamah. Kalau dipertikaikan apa *local standardized*... yang pihak yang menceroboh itu untuk menentukan, mesti dengar cakap dia, tidak boleh. Dia itu melakukan kesilapan. Kita tidak dibenarkan merokok, kita merokok kemudian pihak berkuasa datang mengambil tindakan, kita pula beritahu dengan pihak yang berkuasa tidak boleh sepatutnya awak boleh benarkan saya merokok. Mana boleh.

Jadi dalam keadaan ini, terdapat satu insiden, misal contohnya anak syarikat kerajaan negeri PKPP sendiri mempunyai tanah dia. Ada penceroboh masuk dalam kawasan LKPP menanam durian, mengambil hasil selama ini bertahun-tahun. Jadi bila tindakan hendak diambil oleh pihak PKPP tanda dah panggil semua sekali, untuk musnahkan dia punya ladang. Ini tapi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar sebagai Menteri Besar dan Pengerusi PKPP telah mohon supaya kita ambil pendekatan yang lebih mesra, kita kena timbangkan bagaimana cara penerima.

YB. CIK LEONG YU MAN

Mohon celah

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Sebenarnya kalau kita... misal contoh kita musnahkan, sebenarnya memang itu dibenarkan dari segi undang-undang. Tetapi kaedah yang paling baik pada ketika itu ialah untuk mencari jalan penyelesaian. Daripada kita musnahkan, kita cari pendekatan yang terbaik mungkin wujudkan apa yang dipanggil sebagai SPV (*Special Purpose Vehicle*) atas inisiatif pihak kerajaan dan juga penglibatan daripada pihak swasta, *private public initiative* dengan anak syarikat Kerajaan Negeri. Jadi kita panggil, *why not* kita putihkan, kita bagi peluang. Daripada dimusnahkan kalau kita misal contoh kerajaan mengambil tindakan, penguatkuasa musnahkan semua sekali ladang ini. Sebab itu memang hak yang diperuntukkan di bawah Kerajaan Negeri undang-undang. Tetapi tidak.

Maka kita panggil semua *okay why not we (tak jelas)*.... di sinilah letaknya satu pendekatan yang saya kira pertama sekali ya, yang saya kira amat bertimbang rasa. Daripada kita musnahkan semua, kita panggil untuk kita bincangkan, kita selesaikan yang terbaik. *That mean* bukan *zero sum game* dengan izin, bukan *zero sum game*. Makna bukan pihak yang terbabit itu langsung tidak dapat manfaat tetapi sudah tentu perkara ini tidaklah seperti mana yang sebelum ini er.... yang mereka masuk menceroboh, tidak ada tindakan. Malahan mereka telah dapat manfaat bertahun-tahun, saya rasa belasan tahun, malas nak sebut puluhan tahun tapi kalau belasan tahun, selama ini tidak ada kacau ganggu langsung.



Sudah tentulah saya mohon Ahli Dewan Yang Mulia ini, daripada mana belah sekalipun supaya bersama-sama dengan Kerajaan Negeri. Kita tidak boleh mewujudkan satu budaya yang dipanggil sebagai budaya *anarki* dengan izin. Kalau tidak nanti seluruh rakyat Pahang ini kalau dia masuk mencero tanah kerajaan, kita tidak boleh ambil tindakan, tentu akan mewujudkan keadaan kacau bilau. Jadi, sebab tu dalam konteks ini, pertama sekali saya nak zahirkan bahawasanya pihak kerajaan mengambil pendekatan bertimbang rasa supaya tampil semua, duduk bincang dan kita cuba selesaikan yang terbaik daripada tidak langsung mendapat manfaat dan err...

YB. CIK LEONG YU MAN

Mohon mencelah

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN HAJI SHAMSUDIN

...dan Insya-Allah perkara ini kita telah pun zahirkan dan tadi sahabat saya daripada Teruntum telah maklumkan tentang Musang King ini ia menjadi kegilaan yang hebat termasuk di luar negara. Dan kita nak pastikan supaya pengusaha-pengusaha ya, pengusaha-pengusaha yang sah yang mohon tanah kerajaan yang menanam, melabur di ladang-ladang Musang King tidak terjejas. Mengapa? Kerana kalau sekiranya Musang King ini dieksport ke luar negara dan tidak mematuhi *standard* termasuk mengamalkan kriteria-kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa di sana contohnya di China kita ada *GACC, General Administrative Custom of China* yang mengeluarkan permit untuk dieksport ke China.

Dia telah menyatakan bahawasanya untuk eksport ini tadi dia mesti patuh pada syarat-syarat dia. Kalau sekiranya ada satu biji je, satu biji je daripada satu kontena itu tidak mematuhi, dia akan tolak semua sekali. Sebab itu, Pahang mengambil kira oleh kerana kita nak menumpukan perhatian kita kepada sektor agro ini tadi, kita nak pastikan kepentingan, kepentingan petani-petani yang lain yang melabur di dalam ini... projek Musang King ini dijagai. Maka kita akan patuhi semua sekali dan salah satu daripada pematuhan ini ialah mesti ada sijil myGAP dan sijil myGAP ini telah menetapkan untuk dapatkan sijil myGAP ini tadi, ia mestilah diusahakan di tanah yang telah disahkan oleh pihak kerajaan. Dia tak boleh tanah yang dicerobohi.

Sebab itu yang kita kata kalau kita tidak mendapat myGAP ini makna pengimport kita, China, tidak akan menerima durian kita. So, pengusaha-pengusaha yang ada 800 orang sama ada di Sungai Klau ataupun Sungai Ruan ataupun di kawasan Tras di daerah Raub ini tadi, kita nak bantu mereka ya dan cara bantuan ini ialah dengan *melegalizekan*, memutihkan kawasan yang telah diceroboh tetapi mengikut syarat-syarat kita. Tak boleh maknanya mengikut syarat-syarat tu dan ini adalah perkara yang telah diberi penekanan. Jadi bagi tahun 2020 ini kita mengenakan kadar-kadar yang tertentu. Kerana apa? Kita memberikan kebebasan kepada petani-petani tadi untuk menjual di merata tempat. Tetapi mulai pada tahun 2021 hingga tahun-tahun berikutnya dia ada kadar-kadar yang telah ditetapkan "*that means they are very flexible*"

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Yang di-Pertua, mohon laluan sikit Yang Berhormat.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okay. Wakil daripada Tioman

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Mohon laluan.

YB. DATO' SRI IR HAJI MOHD SOFFI BIN HAJI SHAMSUDIN

Jadi Dato' Sri...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Beri izin.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Hormat Dato' Yang di-Pertua saya nak kongsi dengan wakil kerajaan negeri bukan sahaja di Raub ataupun di mana-mana tempat di daerah Rompin di Pulau Tioman err... banyak juga dapat hal-hal sebegini yang mana Kerajaan Negeri telah membantu melegalize dan akhirnya dapat diselesaikan dengan baik dan satu ketika dahulu kalau di err Pejabat Tanah Daerah Rompin, cukai tanah RM30 juta lebih, lebih kurang hari ni sampai RM50 juta lebih hasil cukai tanah daripada ladang-ladang yang haram. Terima kasih Yang di-Pertua.

YB. CIK LEONG YU MAN

Mohon celah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Er... Benta.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN HAJI SHAMSUDIN

Jadi maknanya secara rumusannya, saya nak maklumkan, marilah bersama-sama tindakan yang diambil saya tahu sahabat-sahabat daripada Raub yang mewujudkan kumpulan SM... Save Musang King Alliance, SMKA. Save Musang King Alliance, SMKA lah. Tak kira la tu saya sebut Save Musang King Alliance. Jadi kalau... maksud saya di sini *be with us*, dengan izin. Bukan makna cara er... menjuarai mereka yang menceroboh tanah ataupun hutan simpan ini bukan caranya. Kita sebagai Ahli Dewan Yang Mulia yang berhemah ini sepatutnya...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat. Minta maaf Yang Berhormat, Yang Berhormat masih panjang lagi ke jawapan tu? Minta maaf Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN HAJI SHAMSUDIN

Ya. Dato' Sri Yang di-Pertua,



Akhirnya, saya nak maklumkan bahawasanya er... yang pertama sekali ya, saya mohon, merayu kepada Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini apabila kita berjumpa dengan masyarakat bila jumpa dengan penduduk dan pengundi kita, maklumlah kepada mereka jangan jadikan budaya menceroboh tanah kerajaan ini adalah satu kebiasaan. *We go*. Maknanya kita turun tolong mohon. Kita ada borang satu mohon dengan pihak kerajaan. Jadi sekiranya tidak diluluskan jangan masuk. Sebab kalau kita masuk maknanya nanti akan beri kesan kepada kita. Kita rugi dan sebagainya. Jadi saya ingat yang itu yang langkah pertama. Jadi saya menyeru err... isu Musang King ni kita kena tangani secara berhemah dia tidak akan dapat memuaskan hati semua orang, tapi kita cari jalan tengah-tengah.

Kalau ikutkan pihak kerajaan nak hantar *unified* mulai pada kalau ikut atas kertas mulai pada hari ini kita akan ambil tindakan. Tetapi Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri besar kata, kita bagi ruang pada pengusaha-pengusaha ni untuk tampil ke depan untuk kita *legalize* supaya insya-Allah maknanya hasil pertanian mereka dapat dipasarkan bukan sahaja dalam negara tetapi juga di luar negara. Terima kasih Dato' Sri.

YB. CIK LEONG YU MAN

Saya mohon mencelah sikit sahaja Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingat kita terlalu panjang tentang soalan ini saya ingin pindah kepada soalan berikutnya lah saya menjemput wakil dari Mentakab, wakil dari Mentakab. Ya sila. Sila Yang Berhormat.

YB. ENCIK WOO CHEE WAN

Yang Berhormat Tuan Yang Di-Pertua, soalan saya Nombor 5.

[Bagaimanakah kerajaan negeri akan membantu keluarga mangsa COVID-19]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHNIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Untuk menjawab soalan 5 ni saya sebenarnya musykil juga sebab soalan ini berbunyi, bagaimanakah kerajaan negeri akan membantu keluarga mangsa COVID-19? Sedangkan kita semua tahu Kerajaan Negeri telah pun banyak membantu ya, semua yang terlibat dengan COVID-19 sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, Kerajaan Negeri sahaja telah membelanjakan lebih RM 27juta untuk membantu mangsa COVID.

Namun begitu saya ingin menjelaskan juga kepada Wakil daripada Mentakab dan juga Ahli-ahli Dewan bahawa selain daripada sepertimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi, bantuan kewangan bulanan, bantuan am bagi keluarga yang memperolehi pendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK)



semasa yang kita yakin adalah mereka yang sangat terkesan dengan COVID-19 kerajaan negeri bagi tahun 2020 telah menyalurkan sejumlah RM13,710,000.00.

Penerima bantuan kewangan bulanan bantuan am sehingga Julai 2020 adalah seramai 2,840 orang. Dan selain daripada itu juga kita menyalurkan bantuan melalui Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang ataupun KWAMNP ya, yang mana sehingga 10 Julai 2020 perbelanjaan bagi pengurusan bencana negeri Pahang adalah sebanyak RM807,782.00. Perbelanjaan ini termasuklah menguruskan mangsa wabak COVID-19. Mulai bulan Mei 2020 kerajaan negeri telah menaikkan peruntukan tahunan Tabung Kumpulan Wang Amanah Jawatankuasa Malapetaka Negeri Pahang daripada RM2 juta kepada RM3 juta.

Selain daripada itu juga, Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pahang telah menerima peruntukkan sebanyak 22,000 unit bakul makanan yang telah diagihkan kepada keluarga yang terkesan secara langsung di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM100,650,00.00. Pengagihan dibuat berdasarkan kepada aduan yang diterima melalui panggilan telefon ke Bilik Gerakan JKM Negeri, daerah dan Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) daerah dan juga melalui talian kasih 1599 dan rujukan para pemimpin tempatan termasuk Ahli-ahli Wakil Rakyat.

Di samping itu juga, pengagihan dibuat ya, dengan kerjasama Sekretariat Bencana Negeri Pahang APM, RELA dan sukarelawan kebajikan. Kita juga mengadakan kolaborasi *strategic* dengan Sekretariat Bencana Negeri Pahang untuk pengagihan dan juga kita juga melakukan program intervensi sokongan psikologi kepada er... mereka yang terkesan ya er... yang mana mereka ini diberikan khidmat intervensi sokongan er... kepada waris pesakit, petugas JKM dan juga lain-lain petugas *front liners*. Jadi er... untuk makluman Wakil Mentakab sehingga kini ya, bantuan-bantuan dibuat dan diberikan dan semua Ahli-ahli Exco Kerajaan Negeri melalui portfolio masing-masing telah dan akan menjalankan pelbagai lagi program untuk membantu rakyat negeri Pahang. Terima kasih.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila. Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan. Disebab... disebabkan soalan berkaitan dengan bantuan COVID-19 Pahang, saya ingin bertanya apakah yang akan dilakukan oleh Kerajaan Negeri untuk memastikan penyaluran.... penyaluran bantuan COVID-19 ini diterima sepenuhnya er... oleh rakyat negeri Pahang? Dan adakah Kerajaan Negeri akan melakukan audit terhadap penyaluran bantuan COVID-19 terutamanya yang melibatkan er... penyaluran wang ringgit? Dan juga saya ingin bertanya kerana pejabat saya ada menulis surat kepada er... Pejabat Tanah er... Majlis PBT dan juga JKM dan sebagainya untuk menerima siapakah senarai penerima yang terus *direct* kepada er... kerajaan negeri tetapi sehingga hari ini kami tidak menerima maklumbalas.



Ini kerana er... sumbangan yang diberikan oleh pihak er...dari Menteri Besar sebanyak RM9,000.00 itu memang terus dari pihak Pejabat ADUN tetapi er... sumbangan seperti wang ring... er... wang tunai dan juga bakul makanan yang terus daripada er... wakil daripada penyelaras ataupun kerajaan negeri kami tidak tahu siapa penerima. Jadi, kalau boleh kita nak terimalah senarai penerima di kawasan er... ADUN masing-masing. Terima kasih.

YB. DATO' SRI HAJAH SHAHANIZA BINTI SHAMSUDDIN

Dato' Yang di-Pertua,

Saya rasa semua Wakil Rakyat boleh menyemak data ini di PKOB daerah masing-masing kerana semua penerima bantuan baik bantuan wang ringgit ataupun bantuan bakul makanan direkodkan di PKOB daerah masing-masing.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Saya nak buat tambahan sikit kepada soalan YB. daripada Ketari. Yang pertama sekali setiap bantuan kepada... daripada Tabung COVID, *subject to be audited*. Makna kita akan bagi dan akan diaudit dan yang keduanya bantuan COVID ni ada *in kind* dengan izin, dalam bentuk barangan dan *in cash*, tunai. Kalau tak silap saya kita ada 22 jenis bantuan yang kita bagi. 22 kali kita bagi. Jadi banyak sangat. Ada yang *direct*, ada yang melalui Pusat Khidmat, ada yang masuk akaun pun ada dan macam-macam ya sebab kita nak cepat. Jadi kita gerak macam *Ninja Turtle*.

Maknanya semua tu bergerak tetapi sampai kepada matlamat dia. Ini sebagai tambahan. Jadi, jumlah keseluruhan RM31 juta. *Cash* sahaja sebanyak RM24,390,630.00, bukan *cash* sebanyak RM7 juta lebih. Ini untuk makluman Yang Berhormat daripada Ketari. Jadi, bolehlah bagi tahu kepada pengundi-pengundi di Ketari, Kerajaan Barisan Nasional telahpun membelanjakan kepada mangsa COVID dalam bentuk barangan dan juga dalam bentuk tunai ya. Bagi tahu apa yang kita bagi tahu jadi mereka dapat kefahaman yang jelas. Terima kasih.

YB. CIK LEONG YU MAN

Soalan tambahan. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, mengikut jawapan daripada Exco Kerajaan maklumat penerima boleh didapati di PKOB, tetapi adakah Wakil Rakyat Pembangkang memperolehi access kepada data-data di PKOB sebab sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP, ini kita tidak pernah dijemput untuk sebarang perbincangan dan mesyuarat apabila berlakunya kluster di kawasan sendiri juga.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Yang Berhormat Menteri Besar.



YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang di-Pertua, boleh jawab *on behalf* ya. Dia kadang-kadang kita bagi bantuan ini ada yang tersurat dan ada yang tersirat. Rakan-rakan daripada pembangkang pun ada juga yang tersirat. Itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah kita pergi kepada soalan berikutnya. Saya jemput Wakil dari Padang Tengku.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Assalamualaikum WBT. Soalan saya soalan nombor 6.

[Mohon kerajaan menjelaskan:

Pelan tindakan pro aktif jangka panjang Kementerian Pendidikan bagi memastikan pelajar-pelajar yang bukan tahun peperiksaan tidak ketinggalan dalam sesi pembelajaran yang sepatutnya dilaksanakan sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP ini.]

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya daripada Padang Tengku yang bertanya mengenai apakah pelan tindakan pro aktif jangka panjang Kementerian Pendidikan bagi memastikan pelajar-pelajar yang bukan tahun peperiksaan tidak ketinggalan dalam sesi pembelajaran yang sepatutnya dilaksanakan sepanjang tempoh PKP, PKPB dan PKPP ini.

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan er... PdP iaitu Pengajaran dan Pembelajaran. Pengajaran dan Pembelajaran ini dilaksanakan dengan er... proses PdP berlaku seperti yang dirancang dalam keadaan yang selamat. Pengetua dan Guru Besar memastikan proses PdP dapat dilaksanakan secara teratur dalam tempoh PKP dan Ibu bapa penjaga dapat bersama-sama mengambil tanggungjawab dalam memastikan kelangsungan pembelajaran murid walaupun tidak dapat menghadiri di sesi persekolahan. Antara inisiatif yang dirancang dan dilaksanakan adalah penyiaran video pembelajaran mengikut mata pelajaran, topik-topik tertentu melalui Eduweb TV, Okey TV RTM, Saluran Astro 601 dan 602. Siaran yang telah dimulakan sejak 6 April 2020 dan masih bersiaran sehingga ke hari ini.

Guru-guru juga digalakkan menggunakan kaedah pembelajaran melalui pelbagai pelantar pembelajaran yang bersesuaian. Pelantar pembelajaran yang disediakan oleh KPM ialah MOE-DL yang boleh diakses melalui <http://www.moe-dl.edu.my>. Pelantar ini menyediakan pautan kepada *Google Classroom* dan *Microsoft Teams* untuk tujuan PdP, untuk teks digital, video PdP (*EduwebTV/Cikgoo Tube*) dan pautan aplikasi yang membantu PdP seperti *Edpuzzle*, *Quizziz* dan juga *Kahoot*.

Guru-guru, Pengetua-pengetua yang berada di negeri Pahang membuat perancangan supaya dapat menyampaikan PdP ini secara dalam talian (*on-line*) melibatkan kelas-kelas prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah dan tingkatan 6, secara purata yang bermula seawal minggu ke-2 April 2020. Secara purata 75% sekolah menengah termasuk tingkatan 6 dan 78% peratus sekolah rendah terlibat menyebarkan PdP



secara dalam talian setiap minggu. Capaian kepada sambungan internet serta kekurangan er... komputer, telefon bimbit, tablet merupakan antara isu yang menjadi kekangan. Hal ini di atasi dengan cara pendekatan guru-guru itu sendiri bersama dengan ibu bapa membimbing anak-anak mereka secara er... manual. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Padang Tengku

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Saya nak tanya sikit tentang kaedah er... pentafsiran yang dijalankan oleh kementerian dan juga apa ini sekolah er... kerana kita tahu bahawa... gangguan. Sepatutnya dia ada kaedah yang telah ditetapkan, tetapi apabila ada gangguan, apakah kaedah baru atau pun adakah garis panduan yang telah diberikan oleh pihak kementerian atau sekolah bagi mentafsir kejayaan atau peperiksaan pada pelajar-pelajar yang terlibat.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Apa gangguannya Padang Tengku?.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Bila ada COVID, pembelajaran yang sepatutnya dijadualkan, itu gangguan yang saya maksudkan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Padang Tengku, saya ingat masa nak berucap eloklah... ha... buka *mic* tu. Jadi berbolot-bolot di situ tu. Jadi elok terang dan nyata. Sila.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Okey saya nak tanya begini, kaedah pentafsiran yang dibuat oleh pihak kementerian, adakah dia mengikut kaedah pentafsiran yang biasa? Sedangkan sekarang dah ada gangguan COVID yang menyebabkan sistem pembelajaran yang kita sebutkan sebagai apa tadi proses pembelajaran... Pembelajaran dan Pengajaran itu terganggu. Jadi apakah er... apa ni kaedah pentafsiran yang digunakan. Adakah nak mengikut sistem yang dulu ataupun sudah ada satu kaedah yang baru?

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Terima kasih Padang Tengku. Yang saya sebutkan tadi, PdP tadi adalah kaedah yang diperkenalkan oleh kementerian, hasil daripada berlakunya COVID-19. Ia diperkenalkan bermula seperti saya sebut tarikh tadi 6 April 2020 untuk membantu pelajar-pelajar ini boleh mengikut pembelajaran hasil daripada diorang tak boleh pergi ke sekolah. Jadi guru-guru bolehlah menggunakan sistem ini sama ada *online* ataupun



tv-tv yang disiarkan pendidikannya oleh pihak Kementerian Pendidikan untuk diamati oleh pelajar-pelajar. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya melihat pada keadaan yang digunakan buat masa sekarang ini iaitu menjadikan isu penjarakan sosial kepada kanak-kanak di sekolah. Saya mendapati bahawa, bagi sesebuah kelas yang muridnya menjangkau sehingga 30 orang, maka kelas terpaksa dipecahkan kepada dua. Apa yang berlaku ialah bangunan sekolah tidak dapat menampung, itu yang sebenarnya.

Jadi, boleh ke tidak pihak kementerian melihat apa yang dilaksanakan oleh KAFA. Saya memang memuji KAFA. Dia tahu bilangan murid dia ramai, bilik kecil tetapi kita nak belajar ini mesti ada guru. Sebenarnya apa yang dibuat, walaupun capaiannya mungkin tak tercapai 100%, tapi berjaya lah mengekang daripada kanak-kanak tidak belajar. Jadi apa yang dibuat oleh KAFA ialah dengan menjadualkan murid datang ke sekolah mengikut giliran. Maksudnya, hari ini pelajar tersebut datang Isnin tapi pada hari er... dan Selasa tapi Rabu dan Khamis bukan dia, rakan-rakan dia pula yang akan hadir. Ini saya nampak lagi berkesan.

Kalau lah pihak er... Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, contoh dapat memantau keadaan seperti ini saya rasa itu mungkin lebih mencapai kepada matlamat murid tetap belajar dan tetap berada di sekolah tapi mengikut giliran, sebab COVID-19, tak boleh lah belajar lima hari seminggu. Itu pandangan saya lah. Terima kasih.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Cadangan Pulau Manis ini sangat baik. Seandainya perlu di er... apa dilaksanakan, tidak ada masalah. Tetapi setakat ini alhamdulillah saya sendiri pergi ke beberapa buah sekolah, penjarakan dapat dilaksanakan, kelas-kelas dapat di apa er... aturkan dengan sebaiknya. Memanglah ada sedikit kekangan terpaksa mengguna dewan ataupun bilik-bilik yang asalnya dulu perpustakaan ataupun makmal, digunakan sebagai tempat anak-anak kita belajar. Walau bagaimanapun, kita ambik kira juga cadangan Pulau Manis. Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Wakil Kerajaan. Baiklah kita pergi pada soalan berikut, saya jemput wakil daripada Kuala Semantan.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Assalamualaikum WBT, Dato' Sri Yang di-Pertua, soalan saya nombor 7.



[Adakah kerajaan bercadang untuk mewarta amalan norma kehidupan baharu pasca PKP COVID-19 kepada rakyat negeri Pahang kerana amalan ini dilihat sangat baik untuk menjamin kesejahteraan kesihatan rakyat pelbagai lapisan?]

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Wakil daripada seman... Kuala Semantan yang er.... begitu mengambil berat dan menyokong er.... pembudayaan norma baharu kehidupan Pasca COVID er... 19. Jadi er... untuk maklumat Wakil Semantan dan Sidang Dewan yang dimulakan, semasa Wakil daripada Kuala Semantan memikirkan nak menanyakan sama ada ianya di er.... pihak kerajaan nak mewartakan atau tidak, sebenarnya daripada awal lagi daripada PKP sampai lah kepada fasa-fasa yang seterusnya, PKPB, PKPP dan sehingga 31 Ogos ini, norma er.... *Standard* er.... *Operative Procedure* ataupun Prosedur Operasi Standard er... yang dibangunkan menggunakan punca kuasa Akta 342 sentiasa diwartakan dan dikemaskinikan daripada masa ke semasa.

Jadi, secara tepatnya untuk menjawab soalan Yang Berhormat berkaitan dengan pembudayaan amalan norma kehidupan baru ini, yang terkini pada 9 Jun tahun 2020, er.... menggunakan punca kuasa Akta 342 tadi iaitu Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988, Ketua Pengarah telah mewartakan SOP pembudayaan norma baharu selaras dengan akta tersebut.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Kalau kita lihat negeri utara semenanjung adalah kurang jangkitan COVID-19 sewaktu PKP yang lalu, tetapi kini sangat banyak dan cepat peningkatan angka jangkitan. Hanya er... kerana sesetengah ahli masyarakat mengambil ringan mengenai langkah kehidupan norma baharu. Perkara ini perlu dilihat secara serius demi kesejahteraan rakyat negeri Pahang. Soalan saya, buat masa er.... buat masa sekarang, negeri Pahang masih lagi tiada laporan kes baharu, jadi apakah tindakan Kerajaan Negeri untuk mengekalkan rekod ini? Terima kasih.

YB. DATO' SRI NOROL AZALI BIN SULAIMAN

Dato' Sri Yang di-Pertua, er... di bawah kempen pembudayaan norma baharu Pasca COVID ini sebenarnya kita telah er.... meletakkan masyarakat ataupun komuniti sebagai *frontliner* kita. Jadi kita kalau sebelum ini kita banyak menggunakan penguatkuasaan sebagai strategi tetapi dibawah pembudayaan norma baharu ini, kita menggunakan pendekatan Cegah, Amal, Patuh dan Pantau ataupun CAPP.

Antara strategi norma baharu ini terdiri daripada kawalan sempadan, kawalan pergerakan, penjarakan fizikal dan perlindungan diri. Daripada empat strategi ini Yang Berhormat, saya melihat apa yang telah diwartakan oleh Kementerian Kesihatan ini sebenarnya er... banyak memberikan peranan dan tanggungjawab kepada er...



masyarakat sendiri, komuniti sendiri. Bahkan dalam pelaksanaan norma baharu ini, er.... pihak Kementerian Kesihatan sedang merancang apa yang dikatakan er... *district risk reduction program* untuk memastikan bahawa di peringkat daerah juga er... pimpinan masyarakat boleh menyelaraskan pimpinan-pimpinan komuniti untuk sama-sama menjadi pemantau ataupun penggalak pada budaya baru ini.

Ringkasnya kalau kita boleh memberikan pendidikan yang lebih jelas tentang masalah COVID ini, apakah sifatnya, jadi mudah untuk kita er.... Segenap lapis masyarakat sama-sama untuk memastikan penyebaran COVID ini tidak berterusan Yang Berhormat.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi pada soalan berikut, saya jemput Wakil daripada Sungai Lembing.

YB. DATO' HAJI MD. SOHAIMI BIN HAJI MOHAMED SHAH

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya nombor 8.

[Pengangguran dan ditamatkan kerja kalangan anak muda serta golongan pertengahan B40 semakin meningkat semenjak penularan COVID-19 ini. Apakah pelan atau rancangan pihak kerajaan negeri dalam membantu menangani masalah ini.]

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih saya ucapkan kepada ADUN kawasan Sungai Lembing yang bertanyakan soalan nombor 8.

Tapi sebelum itu saya ingin er... memaklumkan dalam Dewan Yang Mulia ini er.... baru-baru ini dalam Majlis Perundang... Perundangan Belia Peringkat Kebangsaan er.... dua orang tokoh belia di negeri Pahang er... telah dinobatkan sebagai Anugerah Belia Perdana iaitu kepada saudara Izzat Hafifi bin Dato' Abdul Hamid sebagai Belia Negara di Peringkat Kebangsaan. Begitu juga er... puan... Cik Norliana binti Mohamad, tokoh beliawanis er... perdana peringkat negara dan dari segi kategori pertubuhan iaitu dari Majlis Belia Felda er... Pahang iaitu Felda Jengka 19. Jadi saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua tokoh-tokoh yang telah er.... menggondol secara keseluruhannya peringkat negeri Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya juga ingin menyatakan dalam masa yang terdekat baru-baru ini, bahawa kunjungan Timbalan Menteri Sumber Manusia ke Negeri Pahang telah banyak meleraikan beberapa perkara isu berkaitan dengan sumber manusia dan er... umumnya sedia maklum Kerajaan Negeri Pahang telah er.... menubuhkan Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Pahang ataupun MTEN susulan daripada penularan wabak COVID-19 dan objektif penubuhan MTEN adalah pertama, merangka perancangan dan pelan tindakan Kerajaan Negeri untuk meningkatkan hasil negeri dalam menghadapi suasana ekonomi yang suram.



Mengenalpasti... kedua mengenal pasti isu-isu dan permasalahan rakyat di Pahang yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19 atau Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Ketiga, mengenal pasti isu-isu dan cabaran perniagaan usahawan SME, mikro, peniaga penjaja kecil Bumiputera dalam menghadapi suasana pasca COVID-19, PKP. Yang keempat, merancang strategi dan langkah-langkah penyesuaian perniagaan dalam suasana pasca COVID-19, dan yang kelima, mencadangkan penambahbaikan kaedah penyampaian bantuan untuk dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri, mahupun Kerajaan Tempatan dalam memastikan keberkesanan jentera agihan bantuan inisiatif.

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Selain daripada itu, sebanyak 12 strategi pembangunan ekonomi negeri Pahang yang telah diperkenalkan melalui MTEN, dan 30 langkah inisiatif telah dikenal pasti. Berlandaskan strategi-strategi tersebut, bagi mencapai hala tuju penubuhan MTEN iaitu memajukan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan, dan memakmurkan negeri Pahang. Kerajaan sedar dan telah mengambil langkah-langkah yang sepatutnya dalam menangani masalah ini dalam memastikan kelangsungan ekonomi negara pulih seperti sedia kala. Antara langkah yang diambil kerajaan dalam memastikan peluang pekerjaan kepada golongan sasaran iaitu antaranya meneruskan *Carnival Job Fair* anjuran *Job Malaysia*, Jabatan Tenaga Kerja ke seluruh daerah-daerah di Pahang.

Dan untuk makluman juga sidang Dewan, sebelum COVID-19 berlaku, pihak Kerajaan Negeri juga telah bercadang untuk err... dan dua kali mengadakan mesyuarat untuk mengadakan *Job Fair* Peringkat Negeri Pahang. Namun apabila berlakunya pada 18 Mac 2020 perkara tersebut telah tertangguh. Namun begitu dalam masa yang sama selepas itu, pada 1 Julai 2020 *Mini Career Fair* Chini, yang melibatkan empat majikan dan 57 orang berjaya memperolehi pekerjaan. Yang kedua, pada 4 Julai juga *Carnival Job Malaysia* di UTC Kuantan yang telah berlangsung dengan penglibatan tujuh majikan dan hasilnya 157 orang telah berjaya mendapat pekerjaan. Manakala pada 22 Julai 2020, *Mini Carnival* Pulau Tioman dengan penglibatan enam syarikat, dengan kehadiran 53 orang pencari kerja dan seramai 19 orang berjaya ditempatkan.

Pada 15 Ogos 2020, *Carnival Job Malaysia* di Kuala Lipis dengan anggaran penglibatan 18 syarikat. Unjuran pencari kerja yang akan hadir... yang hadir lebih kurang 200 hingga 300 orang. Manakala anggaran yang berjaya err... mendapat pekerjaan seramai 150 orang. Dan beberapa program lain turut diadakan seperti program temu duga terbuka. Selain penganjuran karnival-karnival pekerjaan, jabatan juga melaksanakan temu duga secara berkala, sama ada di Pusat Job Malaysia, UTC Kuantan, juga di pusat-pusat *Job Malaysia* daerah seperti di Raub, Pekan, Temerloh dan Bentong. Program ini hanya melibatkan satu majikan yang diadakan pada setiap hari. Sehingga 30 Jun 2020, jabatan telah berjaya mengadakan 20 temu duga secara berkala ini. Menerusi program ini jabatan mensasarkan 50 siri temu duga akan dilakukan sehingga hujung 2020.

Seterusnya kerjasama bersama agensi dan badan berkanun serta agensi pekerjaan swasta. Menerusi kejalanan ini, pihak jabatan akan terus membantu pencari kerja yang berdaftar dengan portal www.jobmalaysia.gov.my mendapatkan maklumat kekosongan di agensi berkaitan. Jabatan akan terus dan komited menjalinkan kerjasama dengan agensi lain demi menjamin kelangsungan peluang pekerjaan terutamanya kepada pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan jawatan.



Dan yang ke empat, antara program yang diadakan iaitu program ceramah-ceramah kerjaya. Di samping menyediakan peluang pekerjaan, jabatan juga komited dalam usaha melahirkan graduan yang menepati kehendak industri oleh ceramah berjaya dengan kerjasama institusi pendidikan dan kemahiran. Antara modul yang menjadi perhatian dan permintaan pencari kerja dan pelajar adalah berkaitan panduan temu duga, isu-isu semasa pekerjaan, cabaran terkini dunia pekerjaan, kenali potensi dan lain-lain isu yang berkaitan dengan kerjaya.

Kesimpulannya Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, jabatan terus komited untuk membantu semua pencari kerja sama ada yang diberhentikan kerja, mencari kerja baru, serta untuk peningkatan kerjaya untuk terus berusaha memberi peluang kerja kepada golongan sasar. Melalui program dan aktiviti yang telah dijalankan jabatan telah berjaya membuat sebanyak 2,181 penempatan kepada pencari kerja bagi tahun 2020. Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya, sila Beserah.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua. Saya ingin err, sedikit soalan tambahan berkaitan dengan pengangguran. Mengikut statistik yang ada sehingga Mei 2020, peningkatan kadar pengangguran negara sebanyak 5.3% atau jumlah penganggur yang didaftarkan seramai 826,000 orang. Jadi ini adalah merupakan satu angka yang besar dan saya harap Kerajaan Negeri, pihak kerajaan saya ingin bertanya adakah statistik ini dikemas kini di peringkat negeri Pahang dan adakah langkah-langkah untuk menggantikan err... pekerja asing kepada pekerja tempatan itu dipertingkatkan? Inisiatif yang perlu diambil supaya pekerja-pekerja tempatan diutamakan berbanding dengan pekerja-pekerja asing itu sendiri. Terima kasih.

YB DATO' SRI HAJI MOHD. JOHARI BIN HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Terima kasih kepada ADUN Beserah yang membangkitkan beberapa perkara. Saya ingin mengambil maklum perkara tersebut bahawa di negeri Pahang melalui Jabatan Tenaga Kerja dan juga Jabatan Perangkaan Statistik err... Negeri Pahang telah mengambil Maklum dan juga inisiatif untuk perkara-perkara yang disebutkan tadi. Sebagai contoh, pekerja-pekerja asing ini kita lihat di beberapa tempat seperti di Alliance Steel, apabila proses pertemuan di antara Kerajaan Negeri dan juga pihak terbabit, kita dapati bahawa di kalangan pekerja-pekerja asing yang diambil ini adalah merupakan *core business* atau pun *hard core* punya tugas-tugasan yang berkaitan dalam syarikat tersebut.

Jadi beberapa kategori kerja ini diberi kepada pekerja-pekerja luar kerana mengambil kira ketidakmampuan atau ketidakupayaan beberapa aspek tenaga kerja oleh pekerja tempatan. Ini apa yang berlaku yang kita dapati daripada hasil perbincangan beberapa *company* atau pun syarikat yang kita jumpa. Namun begitu, kita sentiasa mengambil keprihatinan untuk melibatkan beberapa aspek atau pun kategori tugas-tugasan yang melibatkan atau mengaitkan dengan kepakaran dan *technician* sebagai contoh.

Berhubung dengan pengangguran, kita tidak nafikan bahawa berhubung kait dengan COVID-19 ini, semua tempat terlibat dengan isu pekerja diberhentikan, pengangguran



makin meningkat. Namun begitu, saya lihat apa yang dibekalkan maklumat oleh pihak Perangkaan Negeri Pahang, kita... dan juga Jabatan Tenaga Kerja, kita ada hampir enam ribu lebih 6,559 lebih kurang yang diberhentikan kerja. Namun begitu beberapa pihak yang kita jumpa di peringkat industri-industri atau pun kilang, memang ada yang mengambil balik ya, selepas kita tengok keadaan semakin agak stabil pada ketika ini. Begitu juga berhubung dengan pengangguran. Pengangguran ketika ini memang di selaraskan dan sentiasa diambil peduli oleh pihak Perangkaan dan juga Jabatan Tenaga Kerja dan kita sentiasa menguar-uarkan supaya pengangguran ini semakin hari semakin dapat dikurangkan. Namun begitu, melihat kepada COVID-19 ini, masih lagi belum ada pengakhirannya maka kita sentiasa mengambil maklum dan sentiasa mengambil inisiatif untuk menangani masalah-masalah yang dibangkitkan oleh ADUN Beserah sebentar tadi ya.

Namun ingin saya sebutkan juga ya, sebagai contoh seminggu semasa kini ya, saya lihat di industri pelancongan sebagai contoh. Saya sendiri telefon. Di Langkawi saya telefon, Pulau Redang saya telefon, sebagai contoh ya, nak beritahu bahawa ada rangsangan ekonomi ketika ini. Begitu juga Pulau Tioman, Pulau Rawa err... dan pulau yang berdekatan Pulau Tinggi serta Pulau Aur, Pulau Pemanggil, saya cuba *check* tengok. Boleh dikatakan semua pusat-pusat penginapan ini penuh ya, dan ada sahabat saya, saya cuba untuk bawa ke pulau-pulau tertentu mengambil angin sewaktu cuti sekolah ni pun tak dapat saya cadangkan. Kerana apa? Kerana penuh. Ini menunjukkan bahawa rangsangan ekonomi melibatkan aliran tunai di kalangan masyarakat khususnya di negeri Pahang ini semakin bertambah baik.

Namun begitu, insya-Allah err... kita mengharapkan dengan bantuan Kerajaan Negeri walau pun kita lihat tidak seseksa dahulu tetapi hari ini kalau tengok bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri sebagaimana yang disebut oleh er... Menteri Besar tadi, saya ada juga mencatatkan di sini dalam hampir 100,041 ketua isi keluarga yang mendapat manfaat bantuan Kerajaan Negeri. Ini termasuklah mereka yang berhenti kerja, termasuklah mereka yang menganggur, dapat. Kalau kita tengok dalam blog yang Kerajaan Negeri Pahang sendiri, ada hampir lebih kurang 29 inisiatif. Maknanya 29 inisiatif peruntukan yang diberi ini, juga melibatkan kepada mereka yang menganggur, yang diberhentikan kerja kepada B40 dan sebagainya. Boleh dikatakan setiap golongan masyarakat dikalangan rakyat Negeri Pahang ini mendapat sentuhan dari Kerajaan Negeri Pahang. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, kita pergi kepada soalan yang berikut. Jemput Wakil Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Tuan Yang di-Pertua, saya kemukakan soalan nombor sembilan.

[Kawasan seperti Gugusan Felda Mempaga dan Kampung Janda Baik di bawah DUN Ketari terus mengalami jaringan internet yang lemah. Isu yang berterusan menyukarkan penduduk terutama pada zaman perniagaan dan pembelajaran dalam talian ini.

Adakah terdapat perancangan yang jelas dengan peruntukan tahunan untuk menangani isu jaringan internet di seluruh negeri Pahang terutamanya di kawasan DUN Ketari? Jika ada, apakah perkembangan perancangan dan usaha yang telah dilakukan oleh kerajaan negeri.]

YB. FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

[Bacaan al-Quran]. Assalamualaikum WBT. Terima kasih kepada Ketari kerana telah memberikan soalan yang baik dan untuk makluman Sidang Dewan, Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri melalui Kerajaan Persekutuan dikawal selia oleh Pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) sentiasa berusaha untuk mengadakan penambahbaikan dalam terutamanya untuk meningkatkan lagi kadar penembusan jalur lebar sama ada kadar penembusan jalur lebar talian tetap ataupun kadar penembusan jalur lebar mudah alih.

Untuk makluman Sidang Dewan, saya ingin beritahu sikit bahawa dalam negeri Pahang kadar penembusan jalur lebar bagi 100 orang penduduk adalah pada masa ini adalah err... kadar penembusan jalur lebar bagi keseluruhan ini adalah 105% jika berbanding dengan peringkat nasional sebanyak 131%. Jalur lebar tanpa wayar pula adalah 101% berbanding dengan nasional 122% dan jalur lebar tetap 4.7% berbanding dengan 8.9% dan ini masih banyak lagi perkara-perkara yang perlu dilakukan oleh pihak kerajaan untuk menambah baik, untuk memastikan bahawa peningkatan peratusan ini sampai ke matlamatnya.

Dan menjawab kepada soalan daripada Ketari untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa kerajaan mempunyai perancangan yang jelas contohnya dalam yang kita namakan *National Fiberisation Connectivity Plan* yang kita... adalah rancangan selama lima tahun iaitu bermula... patutnya bermula pada 2019 – 2023 tetapi telah dijanjikan ke 2020-2025. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, masalah isu internet di DUN Ketari, saya nak tanya Yang Berhormat lah, Jalur Lebar Talian Tetap di Janda Baik atau Mempaga ada tak? Jalur Lebar Talian Tetap seperti Unifi, Streamyx.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Err... yang ada Streamyx tapi *line* dia sangat tidak baik. Malah *line* telefon seperti Digi dan sebagainya pun ada setengah tempat tidak ada. Dan tempat contohnya seperti Janda... Kampung Janda Baik adalah kawasan pelancongan di mana ia err... apabila orang semakin ramai datang ke kampung tersebut tetapi tidak ada talian dan ini akan mengganggu proses kepada orang kampung dan juga kepada pelancong yang datang.

YB. FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Terima kasih kepada Yang Berhormat dan err... mungkin satu hari nanti kita akan boleh pergi sama-sama ya. Kita melawat kawasan YB. Ketari contohnya Janda Baik dan juga FELDA Mempaga. Kita boleh ajak Wakil Kerajaan sekali. Dato' Sri Soffi daripada ni... di Benta. Kita boleh tengok sama-sama Dato' Sri, di Benta untuk kawasan Janda Baik dan juga FELDA Mempaga. Jadi untuk makluman Yang Berhormat, jadi kita sentiasa memerhatilah tentang masalah ini sebab itu kita adakan *National Fiberisation Connectivity Plan* ini, dan untuk yang terkini terdapat dua (2) menara komunikasi yang telah beroperasi di sekitar Gugusan FELDA Mempaga dan manakala empat menara telah beroperasi dalam lingkungan 3 km dari Kampung Janda Baik.

Untuk menambah baik liputan sedia ada, pihak SKMM juga telah mengenal pasti dua lokasi baharu iaitu di Felda Mempaga 3 dan juga Kampung Tambai bagi perancangan pembinaan menara komunikasi untuk meningkatkan lagi liputan jalur lebar mudah alih di kawasan DUN Ketari. Pembinaan Menara Komunikasi ini baharu ini akan dijangka akan disiapkan pada suku pertama pada 2022. Bagi penambahbaikan liputan



menerusi penaiktarafan sedia ada di kawasan berkenaan dari rangkaian 3G kepada 4G dijangka dapat juga disiapkan dalam suku pertama tahun 2021.

Untuk makluman Sidang Dewan juga, untuk makluman Yang Berhormat ADUN Ketari, pada masa ini perkhidmatan Jalur Lebar Talian Tetap yang disediakan oleh pihak TM hanya 30% sahaja dilanggan oleh err... di sekitar kawasan FELDA Gugusan Mempaga dan juga di Janda Baik. Dan saya juga telah meminta pihak SKMM untuk turun ke padang, untuk pergi ke daerah-daerah terbabit, di seluruh daerah-daerah negeri Pahang, untuk mendapatkan maklum balas di setiap daerah-daerah terutamanya Pejabat-pejabat Daerah tentang kawasan-kawasan yang masih memerlukan perhatian tentang pencapaian Jalur Lebar ini, dan kita harapkan untuk sampai ke 2025 nanti kita negeri Pahang ini akan mendapat liputan yang lebih baik terutamanya dalam era kita menuju *internet of thing* ini. Internet zaman kita internet. Khususnya di kawasan Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran di kawasan-kawasan negeri Pahang.

Insyallah, usaha sama daripada semua pihak untuk memberikan maklum balas yang baik kepada pihak SKMM sangat-sangat dialukan. Pihak-pihak Yang Berhormat bolehlah menulis surat terus kepada saya atau terus kepada pihak Suruhanjaya Multimedia untuk kita sama-sama mengenal pasti masalah atau kawasan-kawasan yang masih belum mendapat liputan dan juga yang perlu membuat penaiktarafan, bagi kawasan-kawasan yang memerlukan usaha tersebut. Terima kasih Yang di-Pertua Dato' Sri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan. Sila Tanah Rata.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan jaringan internet dan juga penggunaan perkakas alatan elektrik seperti komputer, iPad, ini semua dalam pembelajaran untuk kanak-kanak persekolahan kemungkinan besar akan menjadi satu *new* norma pada masa yang akan datang. Dan bagaimanakah kita boleh membantu mereka ni untuk dapat... dapat mempunyai perkakas-perkakas berikutan seperti yang iPad, komputer ini untuk mereka yang di kawasan di luar bandar. Sebab kita perlu ambil peduli bahawa untuk mengelakkan bahawa jurang di antara luar bandar dengan bandar ini semakin besar. Sebab kita tahu untuk kanak-kanak di bandar mereka memang boleh, mampu memiliki perkakas-perkakas tersebut.

Tetapi untuk kanak-kanak di luar bandar walaupun mereka boleh memiliki perkakas tersebut, tetapi disebabkan kawasan mereka jaringan internet ini sangat lemah. Mereka nak belajar pun susah. Sebab masa PKP, saya ada melawati di kawasan-kawasan luar bandar di kawasan saya juga. Saya ada tanya pada kanak-kanak ada sekolah ke? Ada belajar ke melalui *Zoom Meeting* ke? *Goggle Classroom* ke semua ini? Mereka jawab tak ada sebab mana ada kemudahan tersebut. Oleh itu semua masa PKP, semua tak belajar. Ini masalah mereka yang di luar bandar. Terima kasih.

YB. FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Soalan dia? Ada soalan?



YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Soalan saya ialah bagaimanakah kita boleh membantu. Terima kasih.

YB. FAKHRUDDIN BIN MOHD. ARIFF

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sidang Dewan,

Kerajaan sejak dari dulu sampai sekarang lah, sentiasa membantu setiap keperluan rakyat. Daripada bantuan COVID dan seterusnya. Dan err... untuk makluman Sidang Dewan, di negeri Pahang ini kita, buat masa ini kita terdapat err... Pusat Internet. Pusat Internet ni, err... kita ada lebih kurang 108 lokasi di negeri Pahang dan di tempat saya sendiri contohnya, ada err... penuntut-penuntut yang menggunakan Pusat Internet untuk memastikan pembelajaran mereka tidak terganggu dan saya menyeru kepada Sidang Dewan dan juga kepada Cameron Highlands err... kepada Tanah Rata, agar kita bersama-sama dapat memanfaatkan pusat-pusat internet yang telah dibina oleh Kerajaan ini dengan sebaik-baiknya dan err... dari segi peruntukan-peruntukan yang lain-lain, kita bolehlah menyalurkan maklumat ini kepada pihak kerajaan untuk memastikan bahawa keperluan-keperluan yang diperlukan oleh penuntut-penuntut ini dapat diberikan dengan sebaik-baiknya untuk memastikan pembelajaran mereka tidak terputus. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Kita pergi ke soalan seterusnya, jemput Wakil dari Bukit Ibam.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Saya mohon er... mengemukakan soalan Nombor 10.

[Peneroka-peneroka ada membuat potongan pendapatan bulanan bagi tujuan kebajikan sosial. Berapakah jumlah sebenar yang boleh dipohon oleh setiap peneroka.

- Jika peneroka-peneroka tidak pernah mendapat bantuan dari potongan mereka, bolehkan peneroka ini memohon untuk anak atau cucu mereka?]

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada ADUN Bukit Ibam.

Soalannya peneroka... adakah peneroka membuat potongan pendapatan bulanan bagi tujuan kebajikan sosial? Berapakah jumlah sebenar yang boleh dipohon setiap peneroka? Soalan kedua juga, jika peneroka tidak pernah mendapat bantuan daripada potongan mereka, bolehkah peneroka memohon untuk tujuan anak dan juga cucu? Saya jawab soalan dulu bantuan... apa-apa bantuan dalam FELDA hanya untuk peneroka dan penerokawati sahaja dan juga diberi keutamaan juga kepada cucu-cucu peneroka yang duduk dengan atoknya sahaja. Yang duduk Kuala Lumpur, luar daripada peneroka tidak diberi.



Untuk makluman Dewan, pihak FELDA tidak ada kena potongan kepada penyata-penyata peneroka untuk kebajikan. Walau bagaimanapun, FELDA telah mengadakan dua skim tabung kebajikan peneroka dana daripada Ibu Pejabat Kuala Lumpur FELDA Kuala Lumpur iaitu jumlah RM10,000.00 satu keluarga untuk kebajikan, penyakit kronik, kebakaran, membeli alat peralatan dan perubatan, kaki palsu dan lain-lain. Nombor dua skim khairat kematian juga diuruskan oleh Ibu Pejabat FELDA Kuala Lumpur iaitu RM10,000.00 satu keluarga jika ada kematian. Itu pun mesti mendapat kebenaran sokongan daripada Pengurus Rancangan dan juga Pegawai Wilayah.

Walaupun bagaimanapun, atas inisiatif semua peneroka-peneroka di Skim Rancangan Peneroka di seluruh negeri Pahang, iaitu sebanyak 115 skim peneroka, mereka mengadakan satu inisiatif iaitu Badan Khairat Kematian di skim-skim rancangan. Badan ini untuk mengurangkan bebanan kepada er... keluarga-keluarga yang ada kematian. Itu sahaja tiga skim... tiga tabung yang berada di Rancangan-rancangan FELDA. Walau bagaimanapun tiga skim, tiga tabung yang ada, FELDA terutama zaman Barisan Nasional dulu dan zaman PN sekarang sentiasa memberi tumpuan kebajikan kepada peneroka-peneroka dan penerokawati serta cucu peneroka yang berada di kawasan-kawasan FELDA. Ibarat kata, peneroka-peneroka FELDA yang berada di kawasan-kawasan FELDA adalah anak emas kepada FELDA dan juga daripada Kerajaan Negeri Pahang. Sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Yang Berhormat.

YB. DATIN SAMSAH BINTI ARSHAD

Bagaimanakah kedudukan... bagaimanakah kedudukan CSR FELDA yang berkaitan dengan pendidikan kepada anak-anak atau cucu-cucu peneroka dan berapakah jumlah yang disediakan untuk mereka? Seterusnya bagaimanakah bantuan er... untuk peneroka-peneroka yang boleh diberi untuk mereka memperbaiki rumah yang telah rosak ataupun usang. Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Kebajikan FELDA terhadap anak-anak peneroka dalam bidang pendidikan jika mendapat tawaran ke IPTS dan IPTA, FELDA mengeluarkan RM1,000.00 bantuan setiap anak peneroka yang mendapat tawaran ke IPTA peringkat Ijazah, peringkat Diploma RM500.00. Dan juga anak-anak peneroka dah masuk ke IPTA dapat bantuan PPTN, FELDA tanggung 30% di atas bantuan tersebut. Tetapi, sejak 22 bulan baru ini er... peruntukan 30% ditangguh buat sementara, saya harap Kerajaan PN hari ini Perikatan Nasional hari ini yang dimana UMNO sebahagian daripada kerajaan, akan sambung bagi bantuan 30% di atas bantuan PPTN ini kepada anak-anak peneroka FELDA.



Berkenaan dengan bantuan untuk membaiki kerosakan rumah di kawasan-kawasan FELDA dulu kita FELDA memberi bantuan hingga RM10,000.00 hingga RM40,000.00 satu permohonan daripada kawasan-kawasan skim FELDA, untuk baiki rumah usang ataupun baiki membuat rumah baru. Tetapi bantuan ini telah ditangguh buat sementara kerana pembayaran balik sangat meleset. Sekian terima kasih.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat... kita pergi kepada...

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Soalan tambahan Dato' Sri...

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Yang Berhormat... ada soalan?

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Ya.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Okey silakan. Ringkaskan soalnya.

YB. ENCIK SHAHRIL AZMAN BIN ABD HALIM

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua,

Er... bercakap tentang FELDA kebetulan saya pun anak peneroka ya er... adakah... saya ingin tahu sedikit kalau-kalau ada perancangan daripada Kerajaan Negeri, kalau peneroka ini... kita lihat peneroka sedikit senang sekarang ini sebab harga sawit sudah naik kepada RM550.00, RM560.00 untuk satu tan. Yang menjadi persoalannya ialah generasi kedua, generasi ketiga yang kadang-kadang mereka ini terpaksa balik semula ke... duduk bersama dengan ayah mereka. Kadang ada yang janda anak lapanlah macam-macam. Jadi mereka ini tidak ada tempat tinggal. Berkongsi sampai 10 orang duduk bersama dengan ayah mereka. Jadi adakah ada perancangan daripada Kerajaan Negeri er... kerjasama dengan FELDA untuk memberi lot kosong, lot tanah kosong kepada generasi kedua atau ketiga untuk membina rumah mereka.

Sebab saya... sedikit pergi ke Jengka 19 baru-baru ini, Pengurus FELDA Jengka 19 dia sebut, di Jengka 19 ini ada 20 hektar tanah rizab yang kosong yang dia kata boleh dimajukan untuk buat penempatan kepada generasi kedua. Jadi soalan saya adakah ada perancangan atau perbincangan dengan pihak FELDA? Terima kasih.

YB. DATO' HAJI NAZRI BIN NGAH

Terima kasih kepada anak peneroka Jengka 3. Saya juga anak peneroka FELDA Sungai Tekam. Memang Kerajaan Negeri sentiasa berurusan dengan FELDA untuk memastikan semua tanah-tanah lot kosong di kawasan FELDA dibuat RTK kediaman dan juga buat RTK pertanian. Kalau kita lulus RTK kediaman, kita kena juga buat RTK pertanian untuk anak FELDA. Kita taknak jadi separuh macam perancangan dulu, kita



buat rumah Orang Asli tetapi tempat rayau Orang Asli tidak ada. Maka Orang Asli sentiasa masuk dalam hutan tinggal rumah yang kita buat.

Kerajaan Negeri telah meluluskan di Koyan 1, 2 dan 3 er... lot-lot kediaman untuk anak-anak peneroka, anak-anak peneroka generasi kedua dan ketiga dan berurusan pihak FELDA, kita *revokekan* tanah jadikan GLC *state land* untuk kita bagi kepada anak-anak peneroka di skim masing-masing. Saya dalam Jawatankuasa Fokus FELDA bukan peringkat wilayah tetapi di peringkat negeri sentiasa memanggil mesyuarat Jawatankuasa FELDA untuk memastikan bahawa semua ADUN-ADUN di kawasan FELDA yang ada tanah kosong untuk RTK kediaman juga RTK pertanian berurusan dengan pejabat tanah untuk merealisasikan RTK Rancangan Tanah Kelompok kediaman untuk generasi kedua, ketiga dan juga pertanian kepada anak-anak peneroka yang sebaya dengan saya, yang muda daripada saya sebagai cucu-cucu peneroka.

Memang ada perancangan Kerajaan Negeri dan dah dibuat pun, dah lulus pun di kawasan Jengka. Dua tiga skim dah lulus, kawasan Koyan dah lulus, kawasan tempat saya Sungai Tekam pun dah lulus, peringkat daerah, untuk kita hantar peringkat PTG, hantar peringkat MMK untuk kita nak hantar balik Ibu Pejabat FELDA untuk kita keluarkan tanah tersebut daripada GLC kepada *state land*. Sekian terima kasih.

YB. YANG DIPERTUA DEWAN

Saya ingat cukuplah setakat itu untuk soalan Yang Berhormat. Kita pergi kepada soalan terakhir pagi ini. Jemput Wakil daripada Pulau Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon mengemukakan soalan Nombor 11.

[Dengan peningkatan penduduk di bandar utama di negeri Pahang. Adakah kerajaan negeri berhasrat membina rumah pangsa mahupun apartmen untuk ditawarkan kepada rakyat yang dijangkakan harganya lebih rendah dan jumlah kawasan pembinaan yang akan dibangunkan lebih menjimatkan. Adakah kerajaan negeri telah membuat survey tentang perkara ini dan jika ada tahun bilakah ianya telah dilakukan?]

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Dato' Sri Yang di-Pertua,

Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan terima kasih kepada Pulau Manis kerana menanyakan soalan ini sebab kalau kita tengok fizikal kawasan Pulau Manis tanah yang rata ya, tapi dia tanya soalan berkaitan dengan apartmen untuk Kerajaan Negeri laksanakan. Er... untuk makluman Ahli-ahli Dewan, buat pada masa ini Kerajaan Negeri tidak berhasrat untuk membina sebarang apartmen atau rumah pangsa untuk dibina di negeri Pahang. Yang ada sekarang pun adalah dibina oleh Kerajaan Persekutuan. Contohnya di Pak Mahat ya. Ada 822 unit dan di Kemuning ada 700 unit er... dan ada projek-projek rumah pangsa yang kecil ya, ada dibeberapa daerah. Di Kuantan, Temerloh, Bentong, Lipis. Kuantan ini ada 3, Taman Selamat, Air Putih, Kubang Buaya. Di Temerloh ada 1, Karak ada 1, dan Lipis ada 1 di Tempoyang. Ini yang dibina oleh Kerajaan Persekutuan.



Walau bagaimanapun, di Cameron Highlands, kita ada projek PR1MA Pahang di Cameron Highlands di mana ianya dibina secara berstrata ya kerana keadaan tanah dan fizikal di Cameron Highlands ini berbeza di tanah-tanah yang lain yang tidak sesuai untuk kita bina untuk er... rumah bawahlah ataupun yang *landed* dengan izin, kerana negeri Pahang kita ini masih lagi negeri yang mempunyai tanah, negeri yang luas, untuk kita melaksanakan projek-projek er...perumahan yang di peringkat Kerajaan Negeri sendiri.

Er...kalau soalan yang ditanyakan berkenaan dengan *survey*, sebenarnya kita tidak membuat er...*survey* lagi. Cuma kita ada rekod daripada er...data e-perumahan di mana pemohon-pemohon yang berdaftar setakat ni dah ada hampir er... 36,000 yang memohon dan sebahagiannya telah ada memiliki rumah yang kebanyakan rakyat di negeri Pahang ini masih lagi memerlukan rumah yang bertanah ya ataupun *landed*.

Contohnya kita boleh bagi sini projek-projek Kerajaan Negeri yang telah kita laksana. Saya pernah bentangkan dalam sidang yang lalu. Pada ketika ini, kita ada 109 Projek PR1MA, hampir 32,000 unit. Yang dah siapnya 4,544 unit. Rumah Makmur kita ada 11 projek. Jangkaan unitnya 75,000 unit dan dalam pembinaan ya, 1 di Kampung Tiram 635 unit dan 1 lagi di Tanjung Gahai dalam pembinaan.

Yang lain tu dalam peringkat perancangan dan manakala pada tahun ini er... di bawah kepimpinan YAB. Menteri Besar ADUN Jelai telah meluluskan Rumah Rakyat Pahang er... berjumlah 98 unit yang dibina 2 unit di setiap DUN dan 1 unit di setiap Parlimen er...dengan harganya RM65,000.00 unit...RM65,000.00 seunit berkeluasan 750 kaki persegi dan er... rumah-rumah yang 98 unit ni adalah diberikan secara percuma tanpa sebarang bayaran oleh mereka yang layak ya. Tak ada lagi saya rasa projek di negara kita di Malaysia ini, rumah murah pun kena bayar.

Tetapi Rumah Rakyat Pahang ini atas inisiatif Kerajaan Negeri memberikan secara percuma kepada rakyat yang berkeelayakan. Ini adalah satu tanggungjawab pihak Kerajaan Negeri untuk memastikan rakyat mendapat faedah yang sebaiknya untuk menduduki rumah masing-masing. Saya rasa itu sahaja jawapan yang dapat saya... Sekian, terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Soalan tambahan.

YB. TUAN YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, Pualu Manis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mengemukakan soalan ni sebenarnya berdasarkan kepada permohonan daripada pemohon-pemohon terhadap sesuatu projek. Saya mendapati bahawa, contohnya di dalam DUN Pulau Manis, kita memang banyak projek perumahan terutama sekali di Indera Sempurna. Begitu jugalah dengan kawasan-kawasan pinggir iaitu seperti er...di pinggir jalan di belakang sekolah er... dekat dengan Inderapura tu, depan dengan Inderapura tu, sekolah er...apa nama sekolah itu? Sekolah Mat Kilau ada projek perumahan.



Kemudian di belakang Restoran Zaman, ada projek perumahan tapi saya nak maklumkan bahawa setiap projek tu dipohon oleh ratusan, ratusan pemohon dan dalam ratusan pemohon yang berminat untuk mendapatkan rumah tersebut, sebenarnya rumah tersebut tidak mampu dimiliki kerana ditolak. Ditolak permohonan mereka oleh pihak bank atas dasar tidak mampu, dijangka tidak mampu untuk membayar terhadap kos sesebuah rumah tersebut.

Jadi yang saya nampak sekarang ni adalah raky... kerajaan kita berfikir, cari lagi satu kaedah bagaimana rakyat mampu untuk memiliki rumah. Jadi jawapannya ialah dengan menggunakan kawasan yang sedikit tetapi rumahnya banyak iaitu secara membuat sistem rumah pangsa ya. Rumah yang bertingkat-tingkat banyak macam sarang burung merpati itu. Dengan kaedah begini, kita mungkin memberi peluang kepada rakyat untuk memiliki. Itu soalan yang saya kemukakan, satu.

Yang kedua, er... pertanyaan saya seterusnya ialah terdapat lagi kawasan-kawasan yang sebenarnya yang telah diwartakan sebagai er... kawasan untuk perumahan PR1MA. Satu contohnya di belakang sekolah er... SMK Ubai dan juga di hadapan er...Projek Agropolitan Lepar, tepi jalan. Ada dua projek tetapi sekarang ini kita nampak dia macam terbiar. Jadi, itu menjadi soalan saya yang seterusnya sebagai soalan tambahan untuk bertanya adakah kedua-dua er... tempat tersebut akan menjadi sasaran untuk dimajukan oleh Kerajaan Pahang? Terima kasih.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Pulau Manis. Untuk makluman, sehingga kini di kawasan Pulau Manis sahaja ada dua projek rumah yang telah siap ya, iaitu sebanyak 870 unit dan dalam per... ini rumah PR1MA Pahang dan dalam pembinaan sebanyak 2 unit berjumlah 446 unit dan dalam perancangan ada 9 projek yang kesemuanya berjumlah 3,271 unit rumah. Dari segi pasaran, apa ni er... rumah PR1MA ni memang mendapat sambutan yang...yang menggalakkan dengan harga yang berpatutan RM150,000.00 dan 10% diskaun kepada mereka yang memiliki rumah yang pertama bagi kakitangan awam.

Manakala urusan pinjaman adalah tertakluk kepada syarat-syarat bank. Yang ni Kerajaan Negeri tidak dapat membantu kerana bank ada dia punya syarat-syarat tertentu yang ditetapkan oleh pihak Bank Negara. Mereka yang layak sahaja, mempunyai komitmen yang... yang... yang pendapatan mencukupi er...memang tidak ada masalah ya. Walau bagaimanapun, kita ada lagi projek lain iaitu projek Rumah Makmur yang sedang dalam pembinaan, yang harganya lebih murah yang boleh melayakkan pihak rakyat untuk memohon rumah berkenaan. Dan kalau kita ada duit tabung yang lebih, mungkin kita akan bina lebih banyak lagi Rumah Rakyat Pahang dimasa-masa akan datang, yang boleh membantu rakyat untuk memiliki rumah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Teruntum.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, soalan terakhir ya tambahan

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu soalan Yang Berhormat.

YB. ENCIK SIM CHON SIANG

Di Flat Pak Mahat, di Blok A, ada lebih kurang 100 unit rumah yang rosak yang masih belum dipulihkan. Soalan tambahan saya, bilakah rumah tersebut akan dipulihkan? Terima kasih.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Terima kasih Teruntum. Er...pihak Kerajaan Negeri telah memohon dengan Kerajaan Persekutuan, masa itu Kerajaan Pakatan Harapan sebanyak RM100 juta untuk membaiki 144 unit rumah yang rosak yang tidak boleh diduduki. Walau bagaimanapun amat mendukacitakanlah ya er... tiada peruntukan diberikan walaupun ada... adalah janji-janji er... kerana untuk mengendalikan sebuah perumahan awam berkonsepkan apartmen ini memerlukan kos yang tinggi. Penyenggaraan lifnya, sistem STP nya dan beberapa perkara lagi perlu diambil tindakan oleh pihak Majlis Perbandaran Kuantan yang telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan er... Flat Pak Mahat ni. Jadi kami harapkan supaya dengan adanya peruntukan yang diberikan oleh kerajaan persekutuan insya-Allah kita akan baiki dan kita akan penuhkan perumahan Pak Mahat dengan penduduk yang layak.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baik, saya ingat

YB. ENCIK LEE AH WONG

Tuan Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu soalan sahaja ya.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Satu soalan sahaja. Satu perbezaan diantara pengurusan rumah pangsa swasta dengan rumah pangsa kerajaan ialah rumah pangsa swasta ini terwujudnya satu badan pengurusan untuk penyenggaraan seperti kebersihan, pembaikan yang kecil-kecilan ini. Jadi apabila saya melawat pada rumah pangsa di kawasan saya satu masalah ialah dari segi penyelenggaraan iaitu penghuni tidak menyumbang atau membayar er... satu bayaran untuk penyelenggaraan. Jadi soalan saya ialah adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewajibkan semua rumah pangsa kerajaan untuk



menubuhkan satu badan pengurusan di mana penghuni dikenakan bayaran untuk penyelenggaraan yang kecil? Terima kasih.

YB DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Untuk makluman Cheka, Kerajaan Negeri baru-baru ni meluluskan, kita telah meluluskan di peringkat MMK, Akta berkaitan dengan pengurusan bangunan berstrata. Jadi masalah di antara mana-mana projek yang bangunan berstrata ini dia ibarat macam ayam dengan telur. Tak bayar duit penyelenggaraan pembersihan tidak akan dilaksanakan. Bila pembersihan tidak dilaksanakan penduduk tak nak bayar wang penyelenggaraan. Jadi ini antara isu yang bukan sahaja di... di Lipis atau sebagainya di tempat-tempat lain yang memerlukan kerjasama antara kedua pihak, termasuk juga saya dapat aduan juga beberapa projek swasta mengalami masalah yang sama tentang kos penyelenggaraan yang perlu dibayar oleh pihak pengurusan bangunan. Jadi Kerajaan Negeri mengambil berat perkara ini dan kita akan memantau untuk pastikan perkara ini akan dapat diselesaikan dengan er... undang-undang baharu yang telah kita setuju untuk dilaksanakan sebagaimana yang diarahkan oleh kerajaan persekutuan. Sekian.

YB YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baiklah Yang Berhormat sekalian,

Masa telah menunjukkan jam 11.50 pagi. Kita telah selesai soalan dan jawapan kita telah memakan masa hampir 2 jam. Ini adalah satu tempoh masa yang agak lama dan panjang juga hari ini. Saya lihat Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga pihak kerajaan begitu berminat memberi jawapan yang panjang lebar dan sesungguhnya jawapan itu akan memberi maklumat untuk kepentingan kita bersama. Saya bercadang untuk kita tempohkan dulu persidangan ini, untuk kita sama-sama minum pagi dan kita akan masuk semula untuk menyelesaikan lagi beberapa perkara dalam pukul jam 12.30 tengah hari. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat dapat masuk pada masa tersebut dan kita sama-sama menyelesaikan beberapa perkara untuk Persidangan kita pada kali ini. Persidangan ditempohkan. Terima kasih.

[Persidangan ditempohkan]

[Persidangan disambung semula]

**RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PERBEKALAN TAMBAHAN (1/2020) 2020
DN 3/2020**

SETIAUSAHA

Perkara Kelima (i): Rang Undang-undang

Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2020) 2020. DN 3/2020
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Perbekalan Tambahan
(1/2020) 2020

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya menyokong usul itu.

SETIAUSAHA

Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang
Disatukan untuk perkhidmatan Tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang
itu untuk maksud tertentu.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini
juga.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Mohon mencelah.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat nanti. Belum sokong lagi. Kita teruskan dulu

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.



SETIAUSAHA

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2020) 2020, dibaca bagi kali yang kedua.

BACAAN KALI KEDUA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

saya mohon mencadangkan, "Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan Tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu".

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Perkara 44 Bahagian Dua Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Pahang menyatakan bahawa jika wang diperuntukkan oleh Undang-undang Perbekalan tidak mencukupi atau terdapat lebih perbelanjaan bagi apa-apa maksud di mana-mana tahun kewangan, ianya hendaklah dibentangkan di dalam Dewan Negeri dan kepala-kepala perbelanjaan tersebut hendaklah dimasukkan dalam Rang Undang-undang Perbekalan.

Di samping itu, Seksyen 11(3) Akta Prosedur Kewangan membolehkan Menteri Besar membuat pendahuluan dari Kumpulan Wang Disatukan untuk menampung keperluan tersebut.

Jumlah wang yang dipohon untuk perbelanjaan tambahan pertama bagi tahun kewangan 2020 ialah sebanyak RM1,500,557.00 (Ringgit Malaysia: Satu Juta Lima Ratus Ribu Lima Ratus Lima Puluh Tujuh sahaja).

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Maklumat penuh bagi tujuan tambahan ini adalah dinyatakan di dalam Memorandum Perbendaharaan yang dibentangkan di dalam Persidangan Dewan ini sebagai kertas DN 6/2020.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sekian sahaja penerangan ringkas saya berhubung Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2020) 2020 ini dan berharap Rang Undang-undang yang saya bentangkan ini mendapat sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan seterusnya diluluskan.

Terima kasih.

YB. DATO' NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Masalah di hadapan Majlis ialah “Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu”,

dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua,

Saya telah melihat negeri Pahang... Rang Undang-undang Perbekalan negeri Pahang bersekali dengan memorandum Perbendaharaan Tambahan Pertama bagi belanja mengurus negeri Pahang. Dinyatakan bahawa tambahan RM834,557.00 adalah bagi menampung sumbangan bantu kadar harta Kerajaan Negeri Pahang kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Ini adalah tambahan 27% kepada peruntukan asal. Saya minta Kerajaan Negeri untuk memberi keterangan kepada Dewan Negeri, penjelasan tentang tambahan perbelanjaan ini. Apa sebab tambahan ini?

Keterangan perbelanjaan tambahan ini mengikut PBT dan sumber yang digunakan untuk tambahan perbelanjaan ini. Dan juga seterusnya saya juga ingin bertanya apakah langkah-langkah kerajaan bagi menambah baik rancangan sistem pentadbiran, supaya pada masa-masa hadapan dapat dikurangkan amalan permohonan peruntukan tambahan daripada Dewan Yang Mulia. Jika tidak, ia akan menampakkan kelemahan pentadbiran negeri. Itu sahaja, terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Peruntukan tambahan adalah perkara lazim, perkara biasa yang dibuat oleh mana-mana Dewan Negeri. Sebab itulah kita nyatakan bahawa ianya adalah tambahan, perbekalan tambahan. Kita tidak mungkin mendapat *exact figure* dan selama ini pun kita buat adalah bajet, anggaran perbelanjaan. Tetapi bagi tahun ini sebenarnya kalau kita lihat pada keseluruhan perbelanjaan negeri, perbelanjaan dengan kutipan hasil kita dapat kita kurang belanja dari apa yang kita dapat, dan ini adalah satu perkara yang sangat baik. Tetapi ini semua disebabkan oleh, kemungkinan besar disebabkan oleh COVID, sebagai contohnya.

Yang Berhormat Ketari, saya nak bagitahu angka tidak pernah berbohong ya. Sebagai contohnya, kita mendapat hasil RM541 juta, kita cuma belanja mengurus RM378 juta, kita ada lebih RM162 juta. Tetapi ini semua sebab COVID, sebab kita kurang mengadakan perayaan, kurang mengadakan program-program dan sebagainya dan



berbalik kepada Enakmen Tambahan itu tadi, adalah perkara yang telah saya nyatakan tadi iaitu Pejabat Menteri Besar boleh berbelanja seperti mana yang diperuntukan oleh apa ni... Enakmen Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri dan sepertimana kita berbelanja semasa kita mengurus, mentadbir menjalankan tugas dan macam-macam lagi ada lah kadang-kadang terlebih bajet dan ini dibenarkan oleh undang-undang, oleh Enakmen. Bukan satu perkara yang salah. Sebab ini adalah perkara yang lazim. Tidak pernah lagi yang selama saya hidup ini maknanya bajet yang dibentangkan itu sama dengan perbelanjaan. Tak pernah lagi dan tidak mungkin terjadi sebab tu dikatakan bajet. 27% ini sikit.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Tuan Yang di-Pertua, mencelah sikit.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila Pelangai.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya tertarik dengan apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, bajet. Kalau tak nak lari langsung satu sen, tak payah bajet, tak payah belanja. Tahun ni tak ada bajet, habis. Bentang elok, kosong kosong. Tahun depan pun tak ada bajet. Elok satu, satu. Tahun depan bentang lagi. Tak ada bajet, dua dua. Di rumah pun ada bajet Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, kadang-kadang pun lari, gaji RM2,500.00 mungkin belanja RM1,500.00. Tapi ramai jugak *security guard* gaji RM1,500.00 dia kena belanja RM1,800.00. Itu meminjam sana sini.

Jadi saya ingat ini penjelasan Menteri Besar itu jelas lah. Namanya bajet, anggaran. Itu sebab sebut anggaran dan saya tak pernah pun sepanjang hidup saya dan mencampuri politik dengan membaca Utusan Melayu dan juga *New Straits Times* sejak berumur 8 tahun. Zaman Tun Tan Sri Hussein ke sebelum tu H. S. Lee ke, Anuar Ibrahim ke, Daim ke Mathahir ke mesti ada punya peruntukan itu apa ni permohonan untuk ke Dewan Rakyat untuk perbelanjaan tambahan. Mesti ada. Kalau tak ada, tak reti lah saya. Alangkan Pakatan Harapan pun 22 bulan je memerintah. Patutnya sepenggal, 22 bulan. Itu bajet juga. Bajet 5 penggal, tengok 22 bulan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah. Saya ingat penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan ADUN Pelangai jelas.

Sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju."

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.



YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tidak ada. Maka Rang Undang-undang dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

"Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu".

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam Jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual T02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian,

Kepala Tanggungan T02 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri dibuka untuk dibahas. Tiada Perbahasan.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Dato' Sri Yang di-Pertua, er... mencelah

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Di... Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ada. Silakan Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Berikan peluang untuk ambil er... bahagian dalam peringkat Jawatankuasa.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kita terus kepada isu Yang Berhormat. Terus.



YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Saya ingin merujuk kepada er... maksud T02 er... Pejabat Menteri Besar. Difahamkan bahawa untuk tapak PDF Lynas sebanyak 202 hektar telah pun diwartakan di hulu Kuantan, Bukit Ketam sebagai tapak TPDF Lynas. Saya ingin bertanya di sini bahawa adakah tempat itu dibuat kajian dengan teliti ya... sebab tempat itu adalah Tadahan Air er... mengikut Profesor Maketab, tempat itu memang ada risiko dan bimbang rakyat Kuantan, seramai 600 ribu warga Kuantan, bimbang bahawa *intake* air mereka akan terjejas dengan pewartaan di kawasan tersebut. Pohonlah cari tempat lain yang lebih sesuai.

Isu yang kedua kepada Koridor Utiliti Pahang yang juga merupakan kepala T02 lah bawah Pejabat Menteri Besar er... selepas 4 tahun KUP beroperasi adakah kajian dari segi keberkesanan KUP ini disemak semula kerana terdapat pemaju-pemaju yang mengadu bahawa KUP melambatkan proses mereka dan juga meningkatkan kos mereka tanpa memberikan nilai tambah yang cukup. Jadi pohon penjelasan daripada pihak kerajaan er... sebab mereka masih perlu kejar TNB dengan PAIP walaupun dengan adanya KUP.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Sekian, terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Berhubung dengan tapak Lynas, bukan sahaja Kerajaan Negeri yang membuat keputusan. Keputusan itu juga dipersetujui oleh kerajaan persekutuan iaitu satu agensi yang dipanggil apa Atom. YB. Rahim mungkin boleh perelaskan sikit lagi. Sila.

YB. DATO' ABD RAHIM BIN MUDA

Agensi yang bertanggungjawab untuk meluluskan tapak PDF Lynas adalah AELB agensi apa ni *Atomic Energy Licensing Board* di bawah MOSTI.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Itu adalah satu agensi yang... mempunyai kepakaran dan saya sendiri bersama dengan Setiausaha Kerajaan Negeri telah pun melawat ke tapak berkenaan kerana difahamkan katanya ada anak sungai dan sebagainya dan apabila kita pergi tidak ada pun. Dan kemudian di... Yang Berhormat daripada Lanchang juga daripada Benta selaku alam sekitar pun telah pergi melawat tapak berkenaan dan kita dapati memang tidak benar seperti mana yang didakwa oleh Yang Berhormat daripada Semambu tadi.



Berhubung dengan KUP saya tidak nafikan 100% ianya berjalan lancar adalah sedikit tetapi perkara ini kita telah atasi dan kita telah buat sedikit penstrukturan supaya ianya lebih cekap lagi untuk di masa-masa yang akan datang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Soalan tambahan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Ya.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Boleh?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Kepala T02 ya?

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Ya.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya. Sila.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Dengan maksud tanggungan T02 er.... harap nyatakan peruntukan tambahan untuk apa, daripada keterangan mengikut PBT dan kepada siapa kerana tambahan ini adalah 27%. Jadi, PBT mana yang dapat dan untuk PBT apa kemudian er... tadi Yang Berhormat Menteri Besar ada kata kurang berbelanja ada lebih hasil. Jadi apa nak buat dengan lebih hasil tersebut?

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Kalau nak *detail* saya tidak ada dekat sinilah secara detailnya sebab kita secara *lump sum*, RM834,000.00 sebab banyak PBT yang terlibat kita ada 14 ya... PBT dan er... yang saya boleh jelaskan di sini ialah semua perbelanjaan tersebut memang telah diperincikan dan ada alasan-alasan kukuh. Antaranya ialah berlaku pertambahan sumbangan bantuan kadar harta Kerajaan Negeri Pahang sebab berlaku pertambahan perbelanjaan sewaan bangunan, bangunan kerajaan di kawasan PBT. Jika orang perseorangan ataupun syarikat kita panggil cukai pintu, jika bangunan kerajaan kita panggil sebagai sumbangan bantuan kadar harta Kerajaan Negeri Pahang. Itulah antara maklumat tambahan yang boleh saya bagi tahu kepada Yang Berhormat Ketari.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah Yang Berhormat, masalahnya bahawa wang sejumlah RM834,557.00 untuk Kepala T02 – Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Kepala T02 - Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri menjadi sebahagian daripada Jadual.

SETIAUSAHA DEWAN

Jadual T05 - Dewan Undangan Negeri.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kepala Tanggungan T05 – Dewan Undangan Negeri dibuka untuk dibahas.

Tiada Perbahasan. Masalahnya bahawa wang sejumlah RM666,000.00 Untuk Kepala T05 – Dewan Undangan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”. Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Kepala T05 – Dewan Undangan Negeri jadi sebahagian daripada Jadual.

Dengan ini saya mohon Ahli Yang Berhormat membuat cadangan

YAB. DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

YB. DATO’ NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua, saya menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2020) 2020 dikemukakan kepada Majlis sekarang.



Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada.

Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2020) 2020, dibaca bagi kali yang ketiga.

BACAAN KALI KETIGA

YAB. DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa “Suatu Enakmen bagi mengeluarkan sejumlah wang daripada Kumpulan Wang Disatukan untuk perkhidmatan tahun 2020 dan bagi memperuntukkan jumlah wang itu untuk maksud tertentu”,

telah ditimbang dalam Jawatankuasa dan dipersetujui dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO’ NOR AZMI BIN MAT LUDIN

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang Di-Pertua,

saya mohon menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Perbekalan Tambahan (1/2020) 2020 dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”.Tiada. Rang Undang-undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Perbekalan Tambahan (1/2020) 2020.



RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN SUMBER AIR (PINDAAN) 2020 DN 4/2020

Perkara Kelima (ii): Rang Undang-undang.
Rang Undang-undang Enakmen Sumber Air (Pindaan) 2020 DN 4/2020.

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Sumber Air (Pindaan) 2020.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Enakmen untuk meminda Enakmen Sumber Air 2007.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Sumber Air (Pindaan) 2020 dibaca bagi kali yang kedua.

BACAAN KALI KEDUA

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Sumber Air 2007. Saya mohon mencadang.



YB. DATO' MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya dihadapan majlis ialah suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Sumber Air 2007 dibaca kali yang kedua sekarang dan di buka untuk di bahas. Tiada.

Ahli-ahli Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju"

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dan yang tidak setuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Sumber Air 2007.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dewan Negeri bermesyuarat dalam jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Fasal 1 dan Fasal 2 dibuka untuk perbahasan sekarang. Tiada perbahasan. Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian undang-undang hendaklah disetujukan.

Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada. Fasal 1 dan Fasal 2 menjadi sebahagian daripada undang-undang.

YAB. DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada majlis sekarang.

YB. DATO’ MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato’ Sri Pengerusi,
saya mohon izin menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Sumber Air (Pindaan) 2020 dimaklumkan kepada majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada. Majlis bersidang semula sebagai majlis mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan]

YAB. DATO’ SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Sumber Air 2007 telah ditimbangan dalam jawatankuasa dan disetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibacakan bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. DATO’ MUSTAPA BIN LONG

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

saya mohon menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Sumber Air (Pindaan) 2020 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.



Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan “setuju” ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada. Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

BACAAN KALI KETIGA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Sumber Air (Pindaan) 2020 bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

RANG UNDANG-UNDANG ENAKMEN PENTADBIRAN UNDANG-UNDANG ISLAM (PINDAAN) 2020 DN 5/2020

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelima (iii): Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pindaan) 2020 DN 5/2020. Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Negeri Pahang akan membawa cadangan.

BACAAN KALI PERTAMA

YB. DATO’ SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mengemukakan Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pindaan) 2020.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya menyokong usul itu.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991.

YB. DATO’ SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua pada hari ini juga.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Yang Berhormat Dato’ Sri Yang di-Pertua,



Saya mohon izin menyokong usul itu.

BACAAN KALI KEDUA

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Islam (Pindaan) 2020 dibaca bagi kali yang kedua.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadangkan suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon izin menyokong usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalah di hadapan majlis ialah; "suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991" dibaca kali yang kedua sekarang dan dibuka untuk dibahas. Tiada.

Ahli-ahli yang terhormat sekalian, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibaca pada kali yang kedua sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju"

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Dan yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak". Tiada. Rang Undang-undang tersebut dibaca bagi kali yang kedua sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat Negeri bermesyuarat dalam jawatankuasa.

[Cokmar diturunkan]

SETIAUSAHA DEWAN

Fasal 1;



Fasal 2 ;
Fasal 3 ;
Fasal 4 hingga Fasal 9;
Fasal 10;
Fasal 11;
Fasal 12;
Fasal 13;
Fasal 14 dan;
Fasal 15.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Fasal 1;
Fasal 2;
Fasal 3;
Fasal 4 hingga Fasal 9;
Fasal 10;
Fasal 11;
Fasal 12;
Fasal 13;
Fasal 14 dan;
Fasal 15;
dibuka untuk perbahasan sekarang.

Tiada perbahasan.

Fasal 1;
Fasal 2;
Fasal 3;
Fasal 4 hingga Fasal 9;
Fasal 10;
Fasal 11;
Fasal 12;
Fasal 13;
Fasal 14 dan;
Fasal 15; menjadi sebahagian daripada undang-undang hendaklah disetujukan. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”.

Tiada.

Fasal 1;
Fasal 2;
Fasal 3
Fasal 4 hingga Fasal 9;
Fasal 10;
Fasal 11;



Fasal 12;
Fasal 13;
Fasal 14 dan;
Fasal 15;
menjadi sebahagian daripada undang-undang.

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang itu dimaklumkan kepada majlis sekarang.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Dato' Sri Pengerusi,

Saya mohon menyokong usul itu.

YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pindaan) 2020 dimaklumkan kepada majlis sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang tidak bersetuju sila nyatakan "tidak", Tiada. Majlis bersidang semula sebagai Majlis Mesyuarat.

[Cokmar dinaikkan]

BACAAN KALI KETIGA

YB. DATO' SRI SYED IBRAHIM BIN SYED AHMAD

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon memaklumkan bahawa "Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam 1991" telah ditimbangkan dalam Jawatankuasa dan dipersetujukan dengan tanpa pindaan. Saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang ini dibaca bagi kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

YB. TUAN HAJI ROSLI BIN ABDUL JABAR

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon menyokong Usul itu.



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pindaan) 2020 dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang. Ahli-ahli yang bersetuju nyatakan “setuju”.

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-ahli yang tidak bersetuju sila nyatakan “tidak”. Tiada. Rang Undang-Undang ini dibaca kali yang ketiga dan diluluskan sekarang.

SETIAUSAHA DEWAN

Rang Undang-undang ini bolehlah dinamakan Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam (Pindaan) 2020, bahawa dengan ini disahkan menjadi Enakmen oleh Badan Perundangan Negeri Pahang.

USUL PENUTUPAN KUMPULAN WANG AMANAH PENGELOLAAN SUKAN MALAYSIA (SUKMA) PAHANG 2012

Perkara Keenam: Usul

Usul Penutupan Kumpulan Wang Amanah Pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) Pahang 2012.

YB. Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Belia, Sukan dan Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Pahang akan membawa cadangan.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HAJI HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Saya mohon izin untuk membawa satu usul di Dewan yang Mulia ini yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), bersetuju dengan penutupan Kumpulan Wang Amanah Pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) Pahang.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil.29/2020 pada 22 Julai 2020 telah menimbang Kertas Cadangan daripada Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri dan bersetuju supaya Kumpulan Wang Amanah Pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) Pahang 2012 ditutup.

Kumpulan Wang ini dicadangkan ditutup setelah mengambil kira asas pertimbangan seperti berikut, pertama menurut Surat Ikatan Amanah yang telah diluluskan, Kumpulan Wang hendaklah ditutup apabila tujuan penubuhannya telah tercapai.



Kedua, Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Pahang iaitu Pegawai Pengawal Kumpulan Wang telah mengesahkan semua pembayaran bagi perbelanjaan telah selesai dilaksanakan.

Ketiga, oleh kerana penubuhan Kumpulan Wang ini diluluskan dalam Dewan Undangan Negeri, maka penutupan Kumpulan Wang ini juga dibawa untuk kelulusan Dewan Undangan Negeri.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya mohon mencadang supaya Dewan ini, mengikut peruntukan di bawah Seksyen 10(4)(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Akta 61), menutup Kumpulan Wang Amanah Pengelolaan Sukan Malaysia (SUKMA) Pahang 2012. Saya mohon mencadang.

YB. ENCIK LEE AH WONG

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul itu.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Usul ini dibuka untuk perbahasan.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, sila Ketari.

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Er... bolehkah saya bertanya er... kenapa er... dah sepuluh tahun baru ia ditutup?.

YB. DATO' SRI HAJI MOHD JOHARI BIN HAJI HUSSAIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Perkara ini kerana melalui beberapa proses yang begitu rumit kerana melibatkan perbelanjaan yang besar pada 2012 SUKMA pada ketika itu. Terima kasih Yang Dato' Yang di-Pertua.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Dengan izin.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sila ADUN Pelangai.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Semua negeri-negeri lain buat SUKMA Kerajaan Persekutuan yang tanggung, Kerajaan Pahang suruh bayar sendiri. Inilah prosesnya dibuat oleh Yang Amat



Berhormat Menteri Besar untuk merayu dan sebagainya dan akhirnya kita dapat tutup akaun. Itu sebab lambat. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tambahan sikit daripada Adun Pelangai dan daripada Exco Kerajaan Negeri. Saya nak bagi tahu kepada Yang Berhormat daripada Ketari, permohonan untuk kita nak tutup akaun ini dah lama bermula daripada tahun 2018 lagi. Saya secara peribadi telah berjumpa dengan Menteri Kewangan ketika itu Kerajaan Pakatan Harapan. Dia bagi tahu pada saya, bukan berjumpa, dalam mesyuarat, Mesyuarat Kewangan Negara. Saya minta supaya er... Kerajaan Persekutuan menghapuskan perbelanjaan bajet untuk Sukan Malaysia lebih kurang RM100 juta lebihlah. *Exact figure* saya tak ingat 240 ya ha... 240. Jadi jawapan Menteri Kewangan ketika itu, dia kata, saya kata kepada beliau kenapa Johor buat SUKMA dia dah bagi peruntukan? Johor yang telah belanja ini belum dibayar.

Jadi saya minta dibayarliah. Kemudian dia kata itu Kerajaan dulu kena bayarliah. Itu jawapan daripada dia. Kemudian saya kata dalam mesyuarat tersebut, Kerajaan dulu memang nak bayar tapi dah kalah. Nak bayar macam mana? Selepas itu saya bagi tahu kepada dia sebagai Menteri Kewangan, Yang Berhormat tak boleh *practice double standard*. Adakah sukan SUKMA negeri Pahang ini SUKMA BN, di Johor SUKMA PH. Dia kata kepada saya janganlah buat... janganlah tuduh dia *double standard*, tetapi memang dia *double standard*. Tidak dibayar, sampai habis. Itu salah satu sebabnya akaun ini tidak ditutup.

Dan akhirnya apabila berlaku perubahan Kerajaan saya berjumpa dengan Menteri Kewangan dan ada beberapa orang rakan yang lain kita bangkitkan salah satu daripada perkara yang kita bincangkanlah daripada hal lain, kita bangkitkan perkara yang sama supaya dapat dilupuskan dan tak sampai sebulan, hutang ataupun perbelanjaan pengelolaan Sukan Malaysia ini telahpun dibatalkan oleh Kerajaan Persekutuan. Kesan daripada itu kita boleh tutup akaun ini. Itu hari ini kita bawa ke sini. Maknanya kita dah nak tutup lama, tetapi Kerajaan pada masa itu, Kerajaan Pakatan Harapan tidak bagi kelulusan kepada kita untuk tutup.

Jadi, surat secara hitam putihnya semua dah ada. Kita pun dah dapat surat daripada Kementerian Kewangan dan telah bersetuju supaya *write off* dengan kata lain hutang Kerajaan Negeri sekarang ini semakin kuranglah berbanding dengan dahulu.

YB. CIK LEONG YU MAN

Mohon mencelah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Siapa yang nak mencelah ni?

YB. CIK LEONG YU MAN

Tuan Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB, saya belum panggil YB untuk berucap. Siapa yang nak berucap tadi? Mencelah tadi saya dengar mohon mencelah. Oh, Triang. Sila.

YB. CIK LEONG YU MAN

Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya masih ingat isu ini telah beberapa kali dibangkitkan pada penggal yang lepas oleh mantan Menteri Besar yang merupakan ADUN Pelangai. Pada masa itu, kerajaan persekutuan adalah Barisan Nasional dan kerajaan persekutuan Barisan Nasional sendiri tidak juga er... memberi kelulusan untuk tutup akaun ataupun menanggung kos ini. Kenapa tolak tanggungjawab ini kepada Pakatan Harapan. Saya rasa ini tidak adil.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Pada masa itu Kerajaan Barisan Nasional nak bayar tetapi prosesnya bukanlah minta hari ini esok lusa bayar. Ada proses-proses tertentu dan dalam proses tersebut memang nak bayar sangat dah, Kerajaan Barisan Nasional nak bayar sangat, tetapi sebab *election* dan sebagainya kalah pulak. Apa nak buat.

YB. CIK LEONG YU MAN

Kalau kerajaan persekutuan Barisan Nasional nak bayar tak perlulah isu ini dibangkitkan beberapa kali di Sidang Dewan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi Yang Berhormat kena faham, ini duit Kerajaan. Bukan boleh minta hari ini esok bayar. Dia ada proses-proses tertentu, ada kajian dan sebagainya dan kena tengok banyak perkara dan yang Kerajaan Perikatan Nasional bayar baru ini, boleh bayar dengan cepat sebab semua benda tu dah ada. Kerajaan Barisan Nasional dulu memang dah nak bayar. Kerajaan Pakatan Harapan nak bayar pun boleh tapi dia sengaja tak nak bayar.

Sebab itu bila Perikatan Nasional ditubuhkan selepas er... berjumpa dengan Menteri Kewangan, dalam masa seminggu sahaja kita dapat surat mengatakan perkara ini dibayar dan saya tanya kenapa boleh bayar dengan cepat, sebab semua benda tu dah ada dalam fail, tunggu nak *sign* je... dokumen nak *sign* tapi Yang Berhormat Menteri Kewangan yang ketika itu tak mahu *sign* semasa kerajaan Pakatan Harapan dan Barisan Nasional pun nak bayar tapi tak sempat... tak sempat nak *sign*. Itu saja lah.

YB. CIK LEONG YU MAN

Sorry, SUKMA telah berlangsung 8 tahun. 8 tahun Kerajaan Barisan Nasional tidak nak mampu bayar dan tolak tanggungjawab ini kepada...

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Tapi Yang Berhormat Yang di-Pertua, kita buat SUKMA ini kita buat kolam, kolam renang, kita buat bangunan dan sebagainya. Banyak benda yang kita kena teliti dan ada perkara-perkara yang belum selesai, ada teguran dan sebagainya. Dia tidak boleh



sewenang-wenangnyanya macam itu dan sepertimana saya katakan tadi, memang Kerajaan Barisan Nasional memang... memang sangat nak bayar tetapi berlaku perubahan kerajaan, itu sahaja.

Semua dah ada dalam fail dah. Kalau Yang Berhormat Pakatan Harapan Menteri Kewangan er... ketika itu kalau dia nak bayar pun boleh. Semua dah *all in order* dengan izin, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Tapi dia tak nak bayar dan bila Kerajaan Pakatan Nasional, bila saya jumpa balik, buka fail dan sebagainya, tidak ada apa-apa *quiry* dan sebagainya, itu yang dia bayar.

Bukan kita nak tolak er... bayar tak bayar tetapi masa saya tanya dalam Mesyuarat Kewangan Negara, memang dia kata sepatutnya perkara ini dibayar oleh kerajaan dulu. Tapi saya kata kerajaan dulu nak bayar tapi tak sempat nak bayar kerana kalah. er... terima kasih.

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mohon...

YB. PUAN YOUNG SYEFURA BINTI OTHMAN

Mohon mencelah...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

YB. Pelangai.

YAB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya ini orang tua dah nak pencen, kira ini penggal terakhir dalam dewan. Kalau pilihanraya hujung tahun ni er... tak bertandinglah. Kalau tiga tahun lagi pun, tiga tahun lagi lah. Sepatut saya tak bercakap sebab Menteri Besar dan Ahli Kerajaan ada, tapi sebab nya saya pun tahu serba sedikit sebelum ni mantan... saya tak suka sebut mantan. Sebab mantan ni mundar mandir jalan raya tanpa kerjaan, tanpa pekerjaan la. Saya lebih suka bekas, mana bekas mangkuk pinggan orang boleh pakai, boleh minum. Ha, bekas, bekas Menteri Besar. Kita memang minta bukan saja peruntukan untuk SUKMA, bahkan *loan* yang dipinjam oleh Kerajaan Negeri untuk er... membelanjai, menanggung perbelanjaan rumah kos rendah, perbelanjaan air dan lain-lain kemudahan yang sepatut jadi tanggungjawab kerajaan persekutuan.

Yang ni saya nak cerita sikit ye dengan izin er... Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang saya hormati. Kita dah buat semua, kita minta pengecualian er... seperti kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi dia punya *paperwork* itu banyak. Kemudian kita bawa... nak cerita pun boleh cerita, tak cerita, tak tahu macam mana. Nak dengar tidak? Kalau tak nak dengar, saya duduk.

Saya dan bekas Setiausaha Kerajaan, bekas Pegawai Kewangan Negeri pergi berjumpa dengan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyidin Yassin. Kita bentangkan termasuklah peruntukan mengikut er... SUKMA ni dan beliau telah bersetuju untuk memotong bagi diskaun 40%. Makna kalau hutang kita RM2 bilion, kita dapat kurang RM800 juta. Dah setuju.

Kemudian inilah kita katakan *the young napoleon* tadi, yang menjaga kementerian itu. Perdana Menteri, Menteri Kewangan pada masa itu bersetuju, Ketua Setiausaha



Perbendaharaan, yang berjoget pakai baju putih baju er... yang ingat... yang di Langkawi itu kan. Ingat? Ada Ahli yang ingat Ketua Setiausaha er... Perbendaharaan dia nak melayu pun tidak, nak india pun tidak. Er... itu lah dia lebih kurang.

Dia boleh tidak menyokong dan kita pelik sikit, Menteri Kewangan, patut Menteri Kewangan lah Perdana Menteri, Menteri Kewangan. Perdana Menteri, Menteri Kewangan lebih mendengar cakap KSV daripada untuk buat keputusan sendiri. Minta maaf lah Ahli daripada Peramu. Patut dah setuju, er... pilihan raya, pilihan raya kita lingkup pula. Itu dia punca er... dan er... kita tidak juga menyalahkan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana *blaming er... the Minister Of Finance at that time Mr. Lim Guan Eng, Lim Guan Eng.*

The Menteri Besar was not blaming dengan izin was not blaming Lim Guan Eng but that was the fact. Lim Guan Eng could have easily just abolished everything, selesaikan semua boleh, but he refused just because of politicking. That's why PH government especially er... DAP leaders, they won't last. They lasted for only 22 months because they had this politicking too much around. Everything politic, everything politic. Itu sebab dia orang kalah. Ini benda dah siap semua, MB bawa je, selesai Menteri Kewangan sekarang ni, orang kita.

So I don't... I don't meant to offend anybody. michelast the DAP jauh sekali nak malukan DAP but that is the fact. Because being in Malaysia, too much politicking even until today, politic, politic, politic, politic, tak tahu mana pembangunan, mana rakyat dan sebagainya. Minta maaf la Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Orang tua membebel.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima Kasih Yang Berhormat Pelangai. Tak apa. Yang telah memberi penerangan yang cukup jelas. Baiklah, sekarang masalahnya ialah usul ini telah dicadang dan disokong. Soalannya sekarang ialah usul ini hendaklah dikemukakan untuk mendapat kelulusan. Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju dengan usul ini, sila nyatakan "setuju".

AHLI-AHLI DEWAN

Setuju.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Ahli-ahli yang tidak bersetuju, sila nyatakan "tidak". Tiada. Usul tersebut diluluskan.

URUSAN-URUSAN AM

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara Ketujuh: Urusan-urusan Am.

7.1 Laporan dan Memorandum.

Pertama: Memorandum Perbendaharaan. Tambahan Pertama Bagi Belanja Mengurus Negeri Pahang 2020 DN 6/2020.



Kedua: Penyata Kewangan Majlis Sukan Pahang Berakhir 31 Disember 2019
DN 7/2020

Tiga: Penyata Kewangan Perbadanan Perpustakaan Awam Pahang Berakhir 31
Disember 2018 DN 8/2020

Keempat: Laporan Tahunan Lembaga Pembangunan Tioman Berakhir 31 Disember
2017 DN 9/2020

Kelima: Laporan Tahunan Lembaga Pembangunan Tioman Berakhir 31 Disember
2018 DN 10/2020

Keenam: Laporan Ketua Audit Negara Pengurusan Aktiviti Agensi dan Pengurusan
Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2018 siri 3 DN 11/2020

7.2 Ucapan Ahli-ahli

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ahli-Ahli Yang Berhormat sekalian, memandangkan mesyuarat kita pada 20 April 2020 yang dijalankan dalam tempoh PKP, Perintah Kawalan Pergerakan, di mana kita mengadakan urusan dewan mengikut SOP yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan, maka pada hari ini saya bercadang untuk memberi peluang tiga atau empat orang Ahli Yang Berhormat untuk memberikan pandangan ataupun hujah-hujah yang bernas untuk kemajuan kita bersama. Saya memberikan masa dalam tempoh 5 atau 6 minit.

Oleh kerana kita masih lagi bersidang dalam suasana yang SOP, jadi saya berharap masa yang telah diberikan itu boleh kita agihkan seramai 3 atau 4 orang Ahli-ahli Yang Berhormat berucap. Baiklah sekarang saya buka pada Ahli Yang Berhormat. Siapa yang hendak... ya, sila wakil kita yang baru, Yang Berhormat dari Chini untuk menyampaikan ucapan sulungnya pada hari ini. Sila.

YB. ENCIK MOHD SHARIM BIN HJ. MD ZAIN

[Ayat al-Quran] Assalamualaikum WBT, salam sejahtera. Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih saya ucapkan Yang Berhormat Dato' Sri di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk menyampaikan ucapan di dalam Dewan Yang Mulia ini. Saya sebagai Ahli Dewan Negeri Pahang kawasan N23 Chini yang telah diberikan kepercayaan dan mandat oleh pengundi-pengundi ketika Pilihan Raya Kecil N23 Chini pada 4 Julai 2020 er... yang lalu ingin saya menzahirkan setinggi-tinggi ucapan terima kasih yang tak terhingga kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail serta ahli Majlis Kerajaan Negeri Pahang serta barisan pimpinan Parti Barisan Nasional dan Muafakat Nasional yang telah bertungkus-lumus membantu sepanjang Pilihan Raya Kecil 23, Chini yang lalu. Ini jelas terbukti bahawa Parti Barisan Nasional mendapat penuh kepercayaan rakyat di Negeri Pahang ini serta dengan kerjasama rakan pimpinan Muafakat Nasional untuk membawa agenda pembangunan rakyat Negeri Pahang.

Saya amat menyanjung tinggi kepercayaan tinggi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang dan Yang Berhormat Ahli Parlimen Pekan memilih saya mewakili parti Barisan Nasional bagi mengisi kekosongan N23 Chini, setelah kita kehilangan seorang pemimpin yang mesra rakyat dari DUN Chini, iaitu Allahyarham Dato' Sri Abu Bakar bin Haji Harun pada 6 Mei 2020. Sepanjang khidmatnya Allahyarham telah banyak



meningkatkan pembangunan di kawasan Chini seperti adanya Pusat Latihan FELDA, Pusat Tenun DiRaja, Projek Sentuhan Kasih, Perumahan Generasi Baru, Rancangan Tanah Kelompok dan penambahbaikan infrastruktur. Saya mendoakan roh Allahyarham dicucuri rahmat dan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman dan beramal soleh.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebagai orang muda yang diberi ruang untuk menjadi Wakil Rakyat, pastinya saya mengharapkan bimbingan dan tunjuk ajar dari semua pimpinan Ahli-ahli Dewan Negeri Pahang sekalian. Saya juga berharap kerjasama daripada segenap jentera pentadbiran kerajaan dan agensi-agensi di negeri Pahang dan Persekutuan bagi merealisasikan agenda pembangunan yang lebih pesat khususnya di kawasan Chini. Sebagai Wakil Rakyat, saya berjanji akan memberikan khidmat yang terbaik dalam mengetengahkan isu-isu masyarakat dan menyelesaikan permasalahan yang ada khususnya masyarakat di DUN Chini. Saya juga akan meneruskan tradisi kerajaan Barisan Nasional dalam memperjuangkan pembangunan dan kemakmuran ekonomi kepada rakyat tanpa mengira bangsa dan agama.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Sebelum mengakhiri ucapan saya, izinkan saya menyampaikan serangkap pantun.

*Bunga Melur di atas peti,
Jatuh daunnya ke dalam ruang,
Tiada janji lihat bukti,
Maju terus Negeri Pahang.*

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Baik. Jelas ya. Mudah-mudahan kita mendoakan Yang Berhormat terus bekerja dengan dedikasi untuk masyarakat Chini khususnya. Ya, Beserah ya. Lepas Beserah, kita ambil Dong.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Terima kasih kerana mengizinkan saya bersama-sama mengambil bahagian di peringkat kita menggulung atau pun di peringkat penutup Sidang Dewan kita kali ini. Pertama saya bagi pihak rakan-rakan Dewan mengambil kesempatan ini mengucapkan sembah tahniah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang di atas Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Baginda pada 30 Julai yang lalu. Semoga Allah SWT melindungi Baginda dan memberkati dan merahmati hidup Baginda.

Sidang Dewan yang dihormati sekalian,

kita sekarang berada di dalam satu suasana atau situasi yang amat berbeza daripada normal kita yang lalu. Kita berada dalam satu suasana yang memerlukan *adjustment* ataupun penambahbaikan ataupun pengubahsuaian di dalam segala gerak kerja dan



aktiviti rutin yang selama ini kita lakukan. Begitu juga bila kita berada di dalam Dewan ini. Rakyat di luar sana sedang bergelut, berdepan dengan suasana yang tidak menentu. Tidak ketentuan. Memikirkan apakah yang perlu mereka lakukan yang terbaik demi untuk kelangsungan kehidupan mereka. Ketidaktentuan ini sudah pasti akan mencetuskan pelbagai kebimbangan. Apatah lagi dalam suasana yang kita juga tidak mampu untuk menjanjikan sesuatu yang boleh meyakinkan mereka di dalam nak meneruskan kehidupan agar mereka dapat berada dalam suasana yang lebih baik dan sejahtera.

Namun apa yang perlu kita boleh lihat sebagai Ahli Dewan ini terutama yang diamanahkan untuk menguruskan hal ehwal rakyat ini, kita perlu mengambil peluang ini. Dalam suasana ini adalah merupakan satu peluang yang terbaik untuk kita membuat sedikit pengubahsuaian di dalam cara dan juga gerak kerja kita. Kerana keutamaan kita kali ini adalah untuk memberikan keselesaan dan memberikan tumpuan kepada kebajikan rakyat. Oleh itu, saya mengharapkan dalam suasana pada hari ini, pihak kerajaan terutama sekali Pihak Berkuasa Tempatan supaya sama-sama kita memikirkan keadaan atau pun kaedah yang terbaik yang boleh membantu rakyat di dalam meneruskan kehidupan mereka. Hari ini sebahagian daripada rakyat sudah mula memulakan pekerjaan baharu. Sebahagian daripada mereka terpaksa diberhentikan kerja. Mereka yang berniaga baru ingin memulakan semula perniagaan mereka.

Maka saya mengharapkan ada sedikit pertimbangan atau pengubahsuaian dari sudut tindakan Pihak Berkuasa Tempatan. Mereka yang baru ingin memulakan perniagaan seharusnya diberikan ruang. Kalau institusi kewangan mampu memberikan tempoh moratorium enam bulan, lanjut lagi tiga bulan. Saya juga mengharapkan pihak PBT supaya ada sikap memberikan moratorium dari segi tindakan. Mereka yang baru buka gerai, warung-warung kecil di pinggir-pinggir jalan, di lokasi-lokasi tertentu, yang tidak boleh memulakan, yang baru nak mulakan semula perniagaan perlu diberi ruang. Moratorium daripada diambil tindakan. Kerana ini suasana yang memerlukan sedikit pengubahsuaian daripada sudut kita bertindak, kita berfikir, supaya rakyat boleh meneruskan kehidupan.

Kita tahu pasar malam sebahagiannya terpaksa disekat, pasar tani dan sebagainya kerana keadaan COVID-19 ini. Maka kita lah sebagai pentadbir dan pengurus hal ehwal rakyat ini mengubahsuaikan bentuk tindakan kita sebagai pemudah cara dan pencetus rangsangan kepada mereka untuk meneruskan kelangsungan kehidupan mereka. Jadi saya harap pihak PBT jangan mengambil tindakan berbentuk *punitive*, berbentuk hukuman kepada mereka kerana ini tidak membantu. Sebaliknya dia memburukkan lagi keadaan. Kita sepatutnya harus memberikan suasana yang merangsang mereka untuk meneruskan kehidupan dan kegiatan mereka. Bukan menghukum terhadap apa yang mereka lakukan tanpa memberi sebarang pilihan untuk mereka meneruskan kehidupan.

Jadi yang pertama... yang kedua, saya juga mengharapkan agar apa yang kita buat di sini, ataupun apa yang kita putuskan untuk kepentingan rakyat, perlu diberi keutamaan dan iltizam yang sangat tinggi supaya dia boleh menjadi realiti. Menjadi kenyataan. Bukan sekadar kita ingin menyentuh dalam bentuk percakapan semata-mata. Oleh itu, sepertimana saya bangkitkan tadi, banyak syarikat-syarikat yang telah mula membuang pekerja mereka kerana tidak kemampuan mereka untuk nak meneruskan aktiviti perniagaan. Di sinilah peluang untuk kita melihat bagaimana ruang-ruang yang ditinggalkan oleh pekerja-pekerja asing di sektor-sektor tertentu, sektor pembinaan, sektor perladangan, yang selama ini dikuasi oleh pekerja-pekerja asing, perlu diadakan satu tindakan berstrategi supaya boleh mampu menarik minat



dan juga boleh memberikan dorongan kepada pekerja-pekerja tempatan terutama mereka yang kurang kemahiran ataupun mereka yang telah diberhentikan pekerjaan supaya mereka boleh memohon menggantikan tempat pekerja-pekerja asing ini.

Dan inilah masa yang paling sesuai. Kalau kita nak lihat bagaimana kita boleh mengubahsuaikan cara kita supaya boleh menarik, kita tak nak lagi kata bahawa orang tempatan tak nak buat kerja ini. Kita nak supaya orang tempatan terpaksa ambil kerja ni. Kita tahu dalam sektor yang melibatkan 3D, *dirty, difficult, dangerous*. Orang tempatan sebelum ini memang tidak berminat untuk nak menceburkan diri mereka dalam kegiatan itu, menjadikan majikan terpaksa mengambil pekerja asing. Oleh kerana dalam suasana hari ini COVID-19, memerlukan pengubahsuaian majikan itu sendiri supaya menjadikan pekerja tempatan sebagai pilihan utama dan 3D, sektor 3D ini juga perlu diceburi oleh pekerja-pekerja tempatan. Jadi harap agensi-agensi Kerajaan Negeri, GLC-GLC Kerajaan Negeri yang terlibat dengan sektor perladangan, pembinaan dan sebagainya, berikan keutamaan kepada pekerja tempatan terutamanya mereka yang telah diberhentikan kerja semasa COVID err... Pandemik COVID-19 ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri terutamanya sekali kepada Yang Berhormat Menteri Besar, bila dibentangkan pagi tadi dalam menjawab soalan bahawa dengan penglibatan 12% sahaja yang... yang terjejas akibat kenaikan cukai tanah, berjaya memberikan pulangan sebanyak 200% kepada Kerajaan Negeri. 88% rakyat Negeri Pahang tidak terkesan dengan penstrukturan semula cukai tanah. Saya bila melihat angka ini, saya kata ini adalah langkah yang sangat efisien, sangat berkesan dengan 12% daripada seluruh rakyat negeri Pahang ini yang terlibat, berjaya melonjakkan pendapatan negeri sebanyak 200 peratus. Ini adalah merupakan pencapaian yang sangat baik dan perlu kita berikan sokongan kepada tindakan tersebut.

Cuma dengan 12% yang terjejas ini harus dilihat kesan kepada mereka juga. Adakah mereka boleh meneruskan perniagaan mereka atau aktiviti mereka. Jangan sampai dengan peningkatan err... penstrukturan cukai ini menjejaskan mereka dan bakal juga memberikan kesan langsung kepada pendapatan negeri. Jadi saya ambil kesempatan ini ucap tahniah dan juga mengharapkan ianya memberikan satu pulangan yang baik kepada Kerajaan Negeri, dapat memberi kesan yang baik kepada rakyat negeri dan juga dapat memberikan satu kelangsungan yang baik kepada negeri Pahang.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Masa, masa Yang Berhormat dah cukup.

YB. TUAN HAJI ANDANSURA BIN RABU

Saya rasa itulah daripada saya. Saya ucapkan terima kasih sekali lagi, Yang Berhormat Yang di-Pertua. Wabillahi Taufik Wal Hidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. [Ahli Dewan menepuk meja]

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Wakil Dong.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,



Pertama saya nak ucapkan terima kasih kerana memberi ruang berbahas di dalam Sidang Dewan ini. Saya berdiri hari ini bukan nak membodek atau bukan nak mengampu tetapi bayangkan dalam tempoh hampir tiga tahun, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar mentadbir negeri ini, dua tahun? tiga tahun? Dua Tahun. Halangan ada dua. Pertama tak pernah Negeri Pahang duduk di bawah Kerajaan Pusat sebagai... kita sebagai pembangkang. Yang kedua, halangan kedua ialah sejak 18 Mei err... 18 Mac diisytiharkan PKP. Dua-dua faktor ini, adalah merupakan cabaran yang cukup sengit, cukup besar bagi mana-mana Kerajaan Negeri yang ditadbir oleh yang dianggap sebagai pembangkang. Amat susah untuk mendapatkan sumber pendapatan untuk membangunkan negeri dan untuk membela masyarakat kita dan untuk kebajikan rakyat keseluruhannya. Alhamdulillah, walaupun dua halangan besar ini, Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar bersama rakan-rakan pimpinannya termasuk didokong kuat oleh Yang Berhormat Dato' Sri Setiausaha Kerajaan dan jentera kerajaan.

Akhirnya Pahang terus dapat bangun hebat. [Ahli Dewan menepuk meja]. Dan rakyat bahagia keseluruhannya. Bukanlah nak mengampu, tapi inilah kenyataannya. Kita nampak Yang Amat Berhormat Menteri Besar, *very simple man, very humble* tetapi jangan main-main. Tegass orangnya. Sebab itu Yang Amat Berhormat Dato' Sri tidak lagi menoleh kebelakang. Dengan berslogankan "Tiada Janji Lihat Bukti", beliau terus mentadbir negeri ini dengan begitu berkesan sekali dan ini dapat kita lihat dalam tempoh dua tahun pentadbiran di bawah Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Walaupun susah, walaupun ekonomi dunia parah, Asia parah tetapi dengan gaya, cara tersendiri, dengan kebijaksanaan pasukannya, kita dapat membawa pada 2019 berjaya membawa pelaburan yang cukup besar di Pahang ini. Hampir 9 bilion ringgit. 5 bilion pelaburan tempatan, 4 bilion pelaburan luar negara dan pada Jun 2019, 2020 walaupun cukai tanah naik sedikit, banyak rungutan, tetapi pelabur-pelabur tetap yakin dengan Kerajaan Negeri Pahang. Contoh pada 25 haribulan 6, 2020, Syarikat Green World Genetik Sendirian Berhad telah bersetuju melabur di Pahang sebanyak 400 juta ringgit dengan kerjasama PKPP iaitu *Global Tropical Seek Research Park* di tanah seluas 1000 ekar di Hulu Lepar, Gambang. Ini petanda apa? Kerana pentadbiran kita berhemah, politik negeri Pahang begitu stabil sekali. Satu tepukan kepada Menteri Besar kita. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang kedua, walaupun banyak kekangan kerana kesungguhan, komitmen Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar. Sepanjang tahun 2019, Kerajaan Negeri telah dapat mengutip hasil-hasil baru hampir RM174 juta. Manakala 2020, hasil baru hampir RM202 juta. Hasil daripada cukai tanah, cukai pelancongan, cukai hiburan dan cukai-cukai yang lain. Dan begitu juga, komitmen yang ditunjukkan oleh pimpinan negeri telah pun mengarah kepada semua agensi supaya menetapkan KPI yang cukup tinggi yang perlu dicapai oleh setiap agensi iaitu hasilnya sebanyak RM847 juta pada tahun 2019 telah dapat dikutip oleh seluruh jentera kerajaan di negeri Pahang ini walaupun sasarannya RM703 juta. Maknanya, hasil daripada kebijaksanaan dan penentuan KPI ini. Hasil kerajaan meningkat 20%. Tahniah kepada jentera kerajaan yang dikepalai oleh Dato' Sri Setiausaha Kerajaan Negeri sendiri.

Yang kedua, semasa... tiga ya. Lama tak bercakap dalam Dewan ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, Yang Berhormat Dong, saya ingat yang terakhir tu ya. *Point* ketiga yang terakhir dah.



YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Ada satu lagi.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Satu lagi.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Yang ketiga. Sepanjang COVID-19, mungkin kita dengar bercakap tapi kita tidak hayati. Hampir RM30 juta, saya ingat negeri paling banyak belanja untuk membela, membantu kesusahan rakyat ketika COVID-19 ini, iaitu hampir RM30 juta yang melibatkan seluruh rakyat Pahang. Peniaga kecil dapat, pekebun kecil dapat, jentera kerajaan dapat. Bekalan barang dan wang tunai. Tahniah kepada kepimpinan negeri kita dan bukan setakat itu sahaja, Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Dato' Sri telah begitu berani merubah sistem agensi-agensi kita dengan pelbagai-bagai cara dan arahan iaitu menubuhkan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (*State GLC*).

Langkah ini bagi memastikan GLC kita mencatat keuntungan. *Work hard* untuk dapat keuntungan yang besar. Dan juga menubuhkan Pahang Corporation untuk mengawal prestasi setiap agensi kita ini dan menubuhkan PahangGo, langkah untuk tujuan untuk menjaga, menjana dan melonjak pasaran ekonomi digital di Negeri Pahang. Dan juga yang paling berani, Yang Amat Berhormat Menteri Besar sendiri memperkenalkan saluran aduan rakyat melalui *aduanwanrosdy.com*. Maknanya semua rakyat boleh menghantar apa ini... aduan-aduan terus. Ini... syabas kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita. [Ahli Dewan menepuk meja].

Yang ke... akhirlah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang terakhirlah.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

Dato' Sri Pengerusi...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Syabas Yang Berhormat.

YB. DATO' SRI HAJI SHAHIRUDDIN BIN AB. MOIN

(Ketawa) Terima kasih. Yang akhirnya, yang penting ialah kestabilan politik. Saya lihat cara dan pendekatan Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita, turun tanpa mengira penat lelah. Turun seluruh daerah dan baru ini saya nak jadikan contoh. Dalam sebulan lepas, Yang Amat Berhormat berada di Koyan dan dalam *short notice* tiga jam sahaja nak singgah di Batu Talam, kawasan Yang Berhormat Exco Luar Bandar. Tiga jam sampai di Batu Malim, hampir 200 orang minum pagi bersama Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Rakyat mengadu hantar surat, sakit, rumah terbakar, kencing manis, jantung, semua Yang Amat Berhormat Menteri Besar lulus dengan muka yang senyum.



Maknanya apa? Pimpinan kita cukup sayang rakyat akan terus memberi pembelaan kepada penderitaan rakyat. Yang ini harus kita beri sokongan padu untuk diteruskan dan ini memberi kesan yang baik. Begitu juga Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar mempunyai hubungan yang rapat tak kira pembangkang, tak kira rakan-rakan baru kita PAS, cukup mesra alam. Kemesraan inilah membuatkan kita mantap dan terbukti dalam pilihan raya di Cameron Highland oleh kerana mesra dan akrabnya pimpinan negeri kita bersama dengan semua pihak akhirnya kemenangan Cameron Highland menyebabkan... menjadikan satu sebab semangat yang boleh terus menang pilihan raya sampailah ke Chini, insya-Allah sehari dua lagi di Slim River.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, terima kasih banyak-banyak.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih. Baik saya minta Cameron Highlands dulu. Tanah Rata *sorry*, minta maaf la ya. Tanah Rata er... Pulau Manis. Masa ya Yang Berhormat... masa 5, 6 minit... Sila.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Ya. Selamat sejahtera pada Ahli-ahli Berhormat er... dalam Dewan Yang Mulia ini dan juga terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang saya untuk membahaskan dengan tidak membuang masa saya terus kepada isu-isu untuk penjelasan dan juga jawapan daripada pihak kerajaan.

Yang pertamanya, adalah reformasi kerajaan tempatan di Negeri Pahang iaitu PBT. Pasal banyak aduan dan masalah rakyat di kawasan masing-masing. Semua Ahli-ahli Yang Berhormat di sini adalah melibatkan bidang kuasa PBT. Terdapat banyak ruang yang juga perlu dipertingkatkan untuk menampakkan keberkesanan dan perkhidmatan PBT untuk kepentingan dan kesejahteraan rakyat dan saya mengharapkan di sini Kerajaan Negeri dapat membuat perancangan yang khusus untuk memperbaiki dan memperkasa fungsi PBT khususnya untuk fungsi er... memperkasa fungsi Ahli Majlis er... yang dilantik seperti er... yang telah berjaya dilakukan oleh Negeri Selangor dan Pulau Pinang.

Contohnya kalau boleh berikan peruntukan kepada semua Ahli Majlis Kerajaan Tempatan ini untuk membuka pusat khidmat di kawasan masing-masing, untuk di zon-zon masing-masing untuk menawarkan perkhidmatan kepada orang kampung ke ataupun orang kawasan itu dan juganya. Selain itu sudah 2 tahun sejak PRU yang lepas, JKPP ataupun MPKK ataupun lebih dikenali sebagai Majlis Pengurusan Komuniti Kampung er... kampung baru... Kampung Baru Cina di Negeri Pahang ini. Er... sudah dua tahun kita tidak boleh berfungsi sebab tiada lantikan ahli anggota-anggota MPKK ini dan hal sedemikian secara langsung telah memberi kesan yang negatif kepada peningkat taraf dan juga pembangunan kepada kampung-kampung baru ini dan saya disini juga mengharapkan Kerajaan Negeri boleh mempercepatkan proses lantikan MPKK ini.

Dan yang kedua, isu tanah di Pahang ini sebab sejak awal tahun 2020 ini tercetusnya pelbagai jenis isu-isu tanah di seluruh Negeri Pahang antaranya termasuk penstrukturan semula cukai tanah perindustrian dan juga perniagaan di satu negeri dan juganya er... ada tanah pertanian di Cameron Highlands isu sewa dia, ada isu perkebunan Musang King di Raub dan juga isu penanaman kunyit di Bukit Tinggi ini... haa... halia... halia... *sorry* maaf, maaf halia di Bukit Tinggi. Ini semua perkara ini tercetus boleh dikatakan pada masa yang sama dan saya rasa ini bukan kebetulan



er... bukan secara kebetulanlah sebab er... ada juga pihak yang mendakwa bahawa kita ini pembangkang nak mempolitikkan isu ini, semua ini ataupun kita nak main politik pasal ini

Tapi disini saya ingin menegaskan bahawa kita sebagai pembangkang, kita tidak main politik. Kita tidak cuba mempolitikkan semua isu ini. Sebab ini bukan soal politik, ini ialah soal er... hidup untuk rakyat marhaen. Ini soal hidup untuk rakyat marhaen sedangkan kita Ahli Pembangkang yang masing-masing di kawasan kita, kita turut dimarah, dimarah, diketuk oleh mereka yang terkesan kerana kita tidak boleh membantu mereka, kerana kita tidak mampu membantu mereka menyelesaikan masalah itu. Kita juga dimarah, kita juga dimarah bukan sahaja pihak kerajaan kena marah sahaja, pembangkang pun kena. Orang kutuk kita tak guna punya, tak boleh bantu punya. Memang ini masalah yang dihadapi dari kita.

Dan pada pendapat saya, saya harap juga pihak kerajaan perlu mengambil peduli 3 perkara dalam masalah ini. Yang pertama, pihak kerajaan dalam kes semua isu-isu tanah ini, seolah-olah telah melupakan kepentingan untuk pengusaha-pengusaha yang berskala kecil ataupun dikenali sebagai IKS, Industri Kecil dan Sederhana. Sebab er... salah satu dakwaan bahawa er... kepada pengusaha-pengusaha tersebut adalah sebab mereka ini mendapat keuntungan yang cukup besar, untuk membolehkan mereka bayar cukai tersebut. Tetapi sebenarnya ialah... tapi sebenarnya tidak, sebab dakwaan tersebut tidak sesuai kepada pengusaha yang berskala kecil. Sedangkan polisi perusahaan juga polisi perusahaan er... di peringkat persekutuan juga dia ada juga industri berat, industri IKS. Ini ada juga perbezaan dia, bukan semua pengusaha dalam peringkat ataupun dalam kategori ataupun dalam kumpulan yang sama.

Sama juga di negeri Pahang pekebun-pekebun, petani-petani, pengusaha kilang yang berskala kecil yang mereka ini cuma mencari rezeki sekadar makan minum pakai untuk keluarga sahaja. Mereka bukannya kilang besar boleh bayar cukai. Tetapi kita perlu ambil peduli kepada mereka yang terkesannya itu yang kecil dan sederhana. Yang tambahan pula, ada juga pengusaha yang memang mengalami kerugian yang amat besar sepanjang PKP ini, sepanjang penularan wabak COVID-19 yang bukan sahaja di Malaysia tapi seluruh dunia.

Oleh itu contohnya, saya bagi contoh di Cameron Highlands. Walaupun ada yang kata pekebun dapat keuntungan besar, tetapi untuk penanam bunga, penanaman bunga bunga-bunga mereka ini langsung tak boleh jalan *business* mereka langsung tak boleh jalan sampai hari ini juga sama. Sebab hasil mereka adalah eksport. Eksport ke mana? Eksport, katanya contohnya Olimpik 2020 sudah tertangguh kerana wabak ini satu dunia dan juga upacara...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey Yang Berhormat, masa dah hampir.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Okey, ya. Saya akan percepatkan.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Setengah minit lagi habis.



YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Okey. Dan penanam bunga sampai hari ini mereka masih tidak boleh jalan *business* mereka dan yang ini kita kena ambil peduli keadaan mereka. Dan yang kedua er... pihak kerajaan rasanya tidak juga mendengar rungutan daripada mereka yang berskala kecil ini. Sebab ada yang kata memang sudah ada dialog, ada perbincangan dengan *stakeholder* itu semua, tapi apa yang kita dimaklumkan bahawa itu semua ialah taklimat sekadar memberitahu sahaja, memaklumkan sahaja, Itu bukan... itu ialah taklimat, itu bukan dialog, itu hanya ada *output* tiada *input*. Oleh itu saya mengharap juga pihak kerajaan juga boleh mengadakan dialog yang betul-betul boleh dengar rungutan ataupun er... *input* daripada *stakeholder-stakeholder* tersebut.

Yang ketiga, kaedah pihak kerajaan mengutip hasil daripada sektor pertanian, perkebunan, perniagaan dan perindustrian ini saya rasanya terbalik, sudah terbalik. Sebab kita tahu *business* bukannya 100% bukan boleh dapat keuntungan. Kalau 100% jamin boleh dapat keuntungan, kita semua pergi buat *business* lah, tak payah kita kerja. Oleh itu yang pentingnya ialah kita bukan nak kutip hasil daripada tanah tetapi kalau kerajaan rasanya pekebun itu, pekilang itu, mereka dapat keuntungan besar kita boleh cari hasil, kita boleh kutip hasil daripada keuntungan mereka iaitu *profit*. *Profit after taxes, profit before taxes*. Kita boleh ambil cukai daripada keuntungan tersebut.

Oleh itu saya mencadangkan kalau pihak kerajaan merasai er... pengusaha tersebut memang mengambil... memang mendapat keuntungan yang cukup besar. Pihak kerajaan boleh mencadangkan pada kerajaan persekutuan supaya boleh kutip hasil daripada keuntungan mereka lepas itu pulang kepada Kerajaan Negeri. Satu contohnya cukai pelancongan jalan sebegini. Ini adalah lebih baik sebab mereka belum buat *business*, janganlah kita pergi ambil terus cukai daripada mereka lepas mereka buat *business* lepas mereka dapat keuntungan, kita baru kutip hasil.

Saya rasanya ini lebih berpatutan dan sekarang kerajaan persekutuan juga Perikatan Nasional saya rasanya bukannya masalah sebab Kerajaan Negeri mencadangkan *mechanism* begini kepada Kerajaan Persekutuan dan akhirnya saya memang memohon bahawa supaya Sidang Dewan ini boleh dipanjangkan pada masa yang akan datang sebab bukan saya ada masalah. Saya rasanya Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini semua ada masalah nak bahas disini. Saya amat berharap Sidang Dewan ini boleh dipanjangkan. Terima kasih, sekian.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baiklah, saya ingat habis Pulau Manis, ok yang akhir ya YB. Masa dah habis.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum WBT.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Sama juga 5 minit

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Berapa minit?



YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

5 minit.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih saya kepada...

YB. ENCIK LEE CHIN CHEN

Dato' Sri Yang di-Pertua, Semambu yang terakhir.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Terima kasih saya kepada Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua kerana memberikan saya juga ruang di dalam masa yang sempit ini yang singkat untuk saya bercakap sepatah dua kata. Walau bagaimanapun er... apa yang hendak saya sampaikan telah pun dicurahkan oleh sahabat saya daripada Dong, berapi-api sekali tapi walau bagaimanapun saya juga telah pun menilai dan melihat.

Saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar dan juga barisan Exco yang pada saya telah lulus ujian walaupun masa yang diambil baru mencecah dua tahun tetapi komitmen yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam apa sahaja pekerjaan yang diamanahkan. Beliau telah menjalankan tugas dan tanggungjawab, betul-betul seorang yang berjiwa rakyat. Saya ingin juga menunjukkan beberapa contoh. Contoh keperibadian yang ada pada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Yang pertama sekali, beliau meninggalkan protokol. Protokol yang beliau adalah orang yang diraikan. Ini satu contoh yang saya nampak terutama sekali dengan Yang Berhormat Dato' Sri Najib lah. Patutnya beliau adalah Yang Amat Berhormat Menteri Besar tetapi beliau sentiasa mencari peluang dan masa. Dia tahu jadual pukul berapa Dato' Sri akan berada di dalam majlis, tapi saya tengok je sepanjang masa Yang Amat Berhormat Menteri Besar akan pintas, akan datang lebih awal. Takkanlah sampai setengah jam lebih awal tu orang kata satu benda yang tak secara... tak sengaja. Tapi memang Yang Amat Berhormat Menteri Besar keperibadiannya begitu, itu yang pertama.

Yang kedua, malam tadi. Malam tadi satu peristiwa di depan mata. Kita tak sangka dan tak duga. 2 orang bekas er... 2 orang pemimpin kita Dato' Sri DiRaja dan Yang Amat Berhormat Menteri Besar berada di ruang satu pintu. Yang Amat Berhormat Menteri Besar masih memberi peluang masih memberi peluang kepada Dato' Sri DiRaja suruh jalan dulu. Dato' Sri DiRaja pula tetap dengan perasaan bahawa dia sekarang ini bukan lagi Menteri Besar. Akhirnya saya tengok Yang Amat Berhormat Menteri Besar dia tolak belakang tetap juga suruh ke depan. Jadi begitulah...

YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Mencelah sikit, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ya.



YB. DATO' SRI DIRAJA HAJI ADNAN BIN HAJI YAAKOB

Saya nak betulkan. Tepat memang tepat. Dato' Sri Menteri Besar suruh saya dulu, saya kata tak Dato' Sri dulu. Dato' Sri pula kata tak Dato' Sri DiRaja dulu. Saya kata kalau saya pergi dulu, saya tak nak datang. Saya ugut Menteri Besar. Kalau Dato' Sri tak keluar dulu, saya tak nak datang lagi lebih kurang macam itulah saya ugut dia. Barulah dia keluar. Makna begitulah hormat-menghormati dan sekarang ini beliau Menteri Besar telah menjalankan tugas dengan baik seperti kata ADUN Dong dan disokong oleh ADUN daripada Pulau Manis. Kerja kita sekarang ini, semua pihak memberikan sokongan yang padu [Ahli Dewan menepuk meja]. Itu yang penting. Terima kasih.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi Dato' Yang di-Pertua,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Ya, ada lagi YB?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya melihat dalam tempoh 22 bulan kita terseksa dengan Kerajaan Pusat yang bukan sealiran dengan kita tapi Yang Amat Berhormat Menteri Besar kita dengan kerjasama daripada Setiausaha Kerajaan Negeri, kakitangan jabatan-jabatan kerajaan telah berbincang melihat bahawa di negeri Pahang ini terlalu banyak aset-aset yang boleh digunakan. Kita tak perlu merengek, kita tak perlu meminta sedekah. Apatah lagi kita tidak perlu menjual maruah, maruah kita sebagai Kerajaan Barisan Nasional untuk tunduk dan akur semasa 22 bulan yang lalu. Itu perkara yang pertama Dato' Sri Yang di-Pertua.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Baru yang pertama?

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Yang pertama. Nak habis dah, nak habis dah.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Saya ingat mesej dah sampai

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

(ketawa) Yang keduanya,

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih saya kepada, boleh saya sebut ya? Merakamkan ucapan terima kasih saya kepada Yang DiPertua MPK er... Kuantan.



Kerana dengan kerjasama yang diberikan, hanya dengan sekeping surat, yang saya lampirkan melalui Exco ataupun melalui daripada Exco PBT untuk mohon supaya peniaga-peniaga pasar pagi Jaya Gading yang diberi kebenaran berniaga 2 hari sahaja. Lepas itu oleh kerana tidak mungkin tak dapat mentaati kepada SOP, maka ditutup balik.

Cuba bayangkan barang-barang stok, barang-barang begitu banyak dalam simpanan untuk dijual, kalau tak boleh dijual akan berlakulah kerugian yang sangat besar. Dah lah susah, dah lah tak boleh mencari pendapatan seperti yang Beserah cakap tadi, tetapi ditambah pula dengan tidak tanpa kebenaran. Tetapi oleh kerana dengan muafakat yang kami bincangkan, akhirnya pihak daripada pasar pagi sanggup membina pagar hanya satu pintu er... satu pintu sahaja untuk keluar dan masuk, yang ada semakan suhu, yang ada pendaftaran nama dan sebagainya dan ada pula kawalan bilangan yang boleh duduk dalam pagar untuk melakukan membeli-belah.

Cuba bayangkan kalau tak dibenarkan dengan keadaan kita nak menyambut hari raya korban. Cuba bayangkan. Ke mana orang nak pergi? Ditambah pula dengan Beserah sebut tadi, nak meniaga pekan sehari pun tak boleh, pasar malam pun tak boleh. Jadi Dato' Yang di-Pertua, saya rasa yang baik itu memang kita perlu beri pujian dan saya merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak MPK. Dan seterusnya yang terakhir, yang terakhir. Yang terakhir juga terima kasih saya juga melihat kepada er... pihak MPK dan juga berlaku di Majlis Daerah Pekan juga iaitu tentang bagaimana mencantikkan lagi. Walaupun sekarang ini kita tahu pelancong tak ada, pelancong kurang tetapi bandar Kuantan telah ditambah cantikkan. Di mana tanaman pokok-pokok bunga ya telah mula kelihatan di apa ni er... jalan-jalan raya yang menuju ke er... Gambang dan juga menuju ke Indera Mahkota.

Jadi, hanya satu sahaja budaya yang berlaku sekarang ni ialah bunga tu boleh diambil oleh orang. Saya baca *statement* yang tulis situ ada...

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat, bunga memang orang ambil.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Ha?

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Bunga memang orang hendak.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Tak. masalahnya sekarang ni bunga kertas. Bunga kertas kita tanam secara gotong-royong. Saya terlibat sama dalam menanam dalam kawasan yang berdepan dengan er... DUN Pulau Manis di Jaya Gading. Kerjasama dengan tentera dan sebagainya orang kampung. Tapi lepas kita tanam, dia ambilnya. Maklumlah kita tanam tu bukanlah kita tanam dari anak benih dia berakar. Kita tanam dengan dia punya bekas tu. Orang kata dia boleh gali perlahan-lahan, dia ambil pula.

Ha, inilah kalau boleh, kalau boleh budaya ya, seperti ini dapatlah kita hapuskan. Kita kena ada budaya yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi. Ha, itu yang sebenarnya yang terbaik untuk kita di negara kita ini.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Yang Berhormat.

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Jadi itu sahajalah Dato' Sri

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Okey

YB. DATO' KHAIRUDDIN BIN MAHMUD

Er... memberi peluang kepada saya. Mujurlah Dato' Sri daripada Dong ya, banyak dah sebut. Kalau tidak itu jugalah di antara perkara yang saya nak sebutkan. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih Dato'. Baik yang terakhir ya YB. 5 atau 6 minit.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih er... terima kasih kepada Dato' Sri Yang di-Pertua memberikan peluang terakhir kepada saya.

Er...*point* saya ada 3 untuk er...hari yang mulia ini. Yang pertama, er...untuk menjawab tapak *PDF Lynas* yang saya bawa tadi. Sebenarnya sama ada tempat itu, adakah tempat itu kawasan tadahan air? Kita tidak lihat kepada air atas tanah, permukaan atas tanah, tetapi kita juga lihat kepada bawah tanah. Mengikut pakar Professor Maketab, memang kawasan itu akhirnya penga... pengaliran air akan sampai melalui sungai Riau kemudian sampai ke sungai Kuantan. Jadi saya minta betul-betul pihak Kerajaan Negeri bersama dengan AELB dengan agensi lain mengkaji betul-betul sama ada tempat itu adakah sesuai.

Point yang kedua tentang tanah ya. Cukai tanah kita nampak telah diperjelaskan dengan begitu terperinci. Cuma saya ingin jugak menekankan bahawa sekiranya mengikut jawapan yang saya terima yang telah dijawab oleh Yang Amat Berhormat tadi, sebenarnya pelaburan daripada Singapura ya, hanya sehingga hari inilah sehingga Ogos hanya 45% nilai pelaburan itu yang sampai. Jadi kita perlu juga perinci bahawa memang ada kebaikan, memang ada usaha untuk menarik pelaburan. Akan tetapi bagaimana kita boleh pastikan lebih ramai lagi pelabur datang khususnya pada waktu yang susah ini. Kita nampak peniaga, penjaja juga susah. Kita mahu mewujudkan banyak peluang pekerjaan.

Maka cukai tanah akan menjadi 1 faktor kerana CEO-CEO semua kena buat *budgeting*. *Budgeting* tanah untuk sewa cukai tanah apabila tidak dapat jangkaan yang tetap. Setiap tahun mungkin kaji, mungkin tak kaji. Maka itu akan memberikan satu yang ketidaktentuan dan satu risiko dalam *budget* mereka. Maka saya tetap kepada pendirian saya iaitu sekurang-kurangnya kita kena tetapkan cukai tanah buat 3 tahun akan datang. Katakan, Kerajaan Negeri mengumumkan bahawa cukai tanah tidak akan naik dalam tempoh 3 tahun. Itu akan memberikan keyakinan kepada pelabur-



pelabur dan juga kepada usahawan tempatan untuk terus melabur di Pahang, di negeri kita.

Juga tentang isu tanah er... tadi disebut isu di Raub er... durian ya. Er... isu Musang King. Memandangkan Yang Amat Berhormat juga merupakan Pengerusi kepada PKPP, jadi tepat forum ini untuk saya tanyakan bahawa mengapa tidak boleh adakan usaha sama, wujudkan usaha sama antara peladang-peladang, petani-petani ini dengan PKPP langsung. Mengapa perlukan satu pihak tengah? Sebab saya nampak petani memang mereka ingin dan harapkan kerjasama dengan kerajaan sebab dah lama mereka mengambil risiko juga tidak dapat subsidi, tidak ada geran, kerja dengan risiko mungkin bila masa durian mereka akan dicuri, diambil, pokok durian juga akan dibersihkan.

Akan tetapi penyelesaian terbaik bagi saya adalah, kita adakan usaha sama secara langsung antara PKPP dengan pekebun-pekebun durian ini melalui koperasi ke, melalui apa ke, ada cara dia. Dan kemudian sekiranya ada syarikat yang datang untuk memberikan nilai tambah, kita mengalu-alukan. Ada yang nak buat penjenamaan, ada yang hendak eksport, ada yang ingin membantu industri. Kita memang mengalu-alukan mana-mana syarikat. Cuma bukan sebagai orang tengah.

Dan yang ketiga er... tentang *point* terakhir ya, Dato' Sri Yang di-Pertua. Sedikit tentang bendera er... Jalur Gemilang kitalah untuk Kuantan. Saya memang mengalu-alukan dan ingin memuji ya, MPK kita yang memberikan er... pengecualian *parking* bagi sesiapa yang menaikkan er... bendera pada kenderaan mereka. Cuma untuk peniaga-peniaga saya ingin mengesyorkan bahawa, jangan adakan saman kepada peniaga-peniaga yang tidak naikan, mungkin mereka tidak sengaja ya, untuk naikan bendera mereka er... jangan kita memaksa. Kita boleh menggunakan cara menasihati, dorongan seperti kita kecualikan *parking* jalan dan sebagainya tetapi kita jangan saman khususnya pada waktu yang kritikal ini.

Jadi atas kata-kata tadi, saya ucapkan terima kasih Dato' Sri Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan lain. Terima kasih.

YB. YANG DI-PERTUA

Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak bercadang untuk membuka lagi. Oleh itu kita pergi ke aturan mesyuarat seterusnya.

PENANGGUHAN

SETIAUSAHA DEWAN

Perkara kelapan: Penangguhan

Yang Amat Berhormat Menteri Besar Pahang akan membawa cadangan.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,



Terima kasih kerana bagi peluang kepada saya untuk meneruskan ucapan dalam penangguhan. Sebelum saya mohon Dewan ini ditangguhkan, saya ada beberapa perkara yang ingin saya sampaikan terutama sekali saya hendak respon sedikit ucapan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat, ada seramai 6 ke 7 orang. Yang pertama sekali kepada Ahli Yang Berhormat yang baharu, Yang Berhormat Mohd Sharim, ADUN daripada Chini. Saya ingin mengambil kesempatan sini untuk mengucapkan syabas, tahniah lagi sekali kepada beliau dan saya doakan agar beliau dapat menjalankan tugas dengan baik dan setimpal dengan majoriti besar yang beliau perolehi semasa PRK Chini tempoh hari.

Yang kedua Yang Berhormat daripada Beserah yang telah menyentuh beberapa perkara antaranya menyembahkan sembah tahniah kepada Kebawah Duli Yang DiPertuan Agong sempena ulang tahun yang ke-61 dan juga menyentuh tentang COVID, normal baharu dan juga meminta supaya pihak PBT er... mencari kaedah yang terbaik. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Beserah, Kerajaan Negeri telah pun membuat ketetapan supaya apa perkara pun hendaklah dibincang dalam Ahli Majlis ataupun sebelum itu diperingkat pentadbiran. Dan saya juga telah meminta EXCO, Kerajaan Tempatan supaya er... dibincangkan dalam portfolio beliau dan seterusnya dibawa ke MMK untuk diputuskan.

Dan bersabit dengan 88%, 12% ini adalah satu kajian terperinci yang telah er... dibuat dan sememangnya perkara ini tidak dapat dielakkan. Maknanya apabila berlaku kenaikan, sudah pasti ada beberapa pihak yang tidak puas hati dengan peringkat permulaannya. Tetapi akhirnya saya dapati er... boleh dikatakan hampir semua telah setuju dengan apa yang telah kerajaan tetapkan. Kerana ini bukan semata-mata sengaja dinaikkan tetapi sudah lebih 26 tahun, 27 tahun cukai tanah ini tidak dinaikkan dan sudah sampai masanya Kerajaan Negeri untuk membuat keputusan untuk menaikkan.

Dan walau bagaimanapun er... 88% pemegang akaun ini tidak terlibat. Cuma yang 12% dan saya dapati yang mereka yang 12% ini adalah yang mempunyai keluasan tanah yang sangat besar. Dan ianya sangat baik untuk kerajaan dan ada diantara mereka yang telah pun mendapat tanah dengan Kerajaan Negeri tetapi tidak dibangunkan kemudian minta lagi. Jadi kita mempunyai alasan kukuh untuk menolak permohonan mereka. Dan sebagai buktinya, timbang rasa Kerajaan Negeri ialah er... tanah di Gebeng di mana asalnya RM0.25 sen Kerajaan Negeri telah naikan kepada RM500.00.

Yang ini sebenarnya kita ada strategi sikitlah. Bila kita bincang-bincang saya tanya dengan Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri, adakah perkara ini boleh boleh dikurangkan lagi. Setiausaha Kerajaan Negeri kata boleh. Sebab itu kita bagi naik tinggi dan semua orang *alert*. Supaya semua orang sedar yang 88% ini tidak kisah sebab mereka tak terkesan tetapi yang 12% ini. Jadi apabila kita naik sampai RM5.00, barulah mereka datang kepada Kerajaan Negeri dan sebagainya. Kita kata kita bagi remisyen 80% jadikan RM1.00 dan kemudian selain daripada itu, bila bincang lagi, kita kurangkan lagi RM0.25 maknanya sekarang jadi RM0.75. Maknanya kenaikan daripada RM0.25 kepada RM0.75 dan rata-rata berpuas hati dengan apa yang telah kita putuskan kerana kita buat perbandingan mereka mendapat keuntungan banyak ini, bayar kepada kerajaan banyak ini dan sebagainya. Nampak macam tidak setimpal di situ dan akhirnya kita dapat kata putus.

Keduanya saya ucapkan terima kasih kepada ADUN Dong dan juga daripada Pulau Manis, mantan Menteri Besar kerana telah memberi kata-kata semangat dan dorongan kepada saya dan er... ini sebenarnya amanah yang harus saya pikul



bersama dengan rakan-rakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri dan saya fikir er... peluang untuk mengetuai Kerajaan Negeri ini hanya sekali sahaja dan seharusnya dibuat dengan baik dan ini semua saya tidak nafikan tunjuk ajar daripada Yang Berhormat Menteri Besar Yang Ke-14, ADUN Pelangai kerana saya sebelum ini personaliti saya agak berbeza sedikit sebenarnya sebelum menjadi wakil rakyat.

Kerana saya bertugas dengan Padi Beras Nasional Berhad, berurusan dengan produk yang cepat rosak, padi. Kalau tindakan tegas cepat serta merta tidak diambil, padi akan rosak dan merugikan syarikat. Tetapi apabila dijemput oleh ADUN Pelangai 2004 untuk menjadi wakil rakyat er... saya terpaksa ubah *style* dan saya banyak belajar daripada ADUN Pelangai daripada segi... kita belajar ini banyak cara baca. Buku pun boleh, pengamatan pun boleh, pemerhatian pun boleh dan err... ataupun kita mendengar nasihat daripada orang yang lebih *senior* daripada kita.

Jadi kalau nak kira berubah daripada pengurus kanan jadi wakil rakyat biasa, personaliti itu memang berubah banyak tapi saya boleh buat *adjustment* kerana mendapat pandangan dan nasihat dan sebagainya dan karektor saya sebenarnya mungkin ada sama tapi tidaklah seperti mana yang digambarkan oleh ADUN daripada Pulau Manis, ADUN daripada Dong tadi err... ada perbezaan tapi apabila dah masuk jadi wakil rakyat, saya terpaksa buat *adjustment* untuk sesuai dengan keadaan semasa kerana kita tahu menjadi wakil rakyat ini lebih-lebih lagi menjadi Menteri Besar, kita ini sentiasa diperhati dan dilihat oleh orang ramai dan kalau boleh kita tak hendaklah ada isu atau ada perkara-perkara yang boleh menjejaskan pentadbiran Kerajaan Negeri itu yang sebaik-baiknya.

Dan apa yang dibuat ini adalah untuk negeri Pahang. Bukan sangat untuk saya dan saya juga mendapat pandangan, nasihat daripada rakan-rakan yang senior dan juga daripada Ahli-ahli Majlis Kerajaan Negeri dan saya masih ingat ucapan pertama saya masa menjadi Menteri Besar ialah saya berharap kita dapat bekerja sebagai satu keluarga dan juga dapat bekerja sebagai satu pasukan dan inilah yang telah diamalkan dan saya juga mendapat pandangan daripada pihak kerajaan yang diketuai oleh Setiausaha Kerajaan Negeri, Penasihat Undang-undang dan sebagainya. Walaupun keputusan terakhir itu adalah daripada saya, tetapi sebenarnya setelah mendapat dan mendengar pandangan daripada mereka dan niat Kerajaan Negeri adalah untuk rakyat juga. Kita kembalikan kepada rakyat, tidak ada masalah langsung untuk kita membuat sesuatu yang sepatutnya tidak menyusahkan rakyat. Jadi apa yang kita buat ini adalah untuk rakyat.

Begitu juga daripada ADUN daripada Tanah Rata yang minta supaya fungsi ahli majlis buka pusat perkhidmatan. Buat pada masa ini belum sesuai lagi la ya. Belum sampai ke tahap itu lagi, dan saya suka berkongsi di sini untuk makluman daripada Yang Berhormat daripada Tanah Rata, kita telah membuat kajian sebelum kita menaikkan sewa tanah di Cameron Highlands. Sebagai contohnya kita menaikkan sehingga RM4,500.00 seekar setahun. Untuk makluman Yang Berhormat daripada Tanah Rata, satu kajian telah dibuat di mana seorang pekebun boleh menjana pendapatan sehingga RM6,000.00 sebulan untuk satu ekar tanah sekiranya ditanam dengan tomato.

Jadi caj yang dikenakan ialah cuma RM4,500.00 seekar setahun ataupun lebih kurang RM375.00 seekar sebulan. Jadi caj tersebut termasuklah RM480 caj penggunaan air mentah, RM100 sumbangan ke tabung khas alam sekitar, RM121.00 cukai tanah, RM450.00 kenderaan berancang, RM225.00 untuk pengurusan sampah dan sisa pertahanan. Lagi pun mereka ini boleh membuat tempoh sewaan yang lebih panjang

berbanding dengan LPS sekarang yang mana selama tiga tahun dengan *opsyen* penyambungan lagi dua tahun.

Rata-rata setelah pejabat saya memberi penerangan kepada mereka pekebun-pekebun di Tanah Rata kita dapati mereka faham, tak ada masalah sangat. Jadi cuma saya harap YB daripada Tanah Rata cuba dapatkan modul yang sama daripada pejabat saya untuk memberi penerangan kepada petani. Sebabnya saya dapati apa yang kami beri penerangan, YB bagi penerangan cara lain. Itu menyebabkan kekeliruan dan menyebabkan pekebun-pekebun sayur di Cameron Highlands tidak berpuas hati sehingga kita bagi penerangan semula, baru mereka puas hati. Sebab kita tidak ada niat, tidak ada niat untuk menyusahkan mereka.

YB. ENCIK CHIONG YOKE KONG

Boleh celah ke? Celah sikit.

Terima kasih kepada Dato' Sri Menteri Besar dan juga Tuan Yang di-Pertua. Bahawa saya di sini nak sentuh sikitlah. Bukannya semua pekebun-pekebun di Cameron Highlands mereka tanam tomato tapi hanya 10% saja. Dan sekarang kebanyakan pengusaha tomato mereka sudah berpindah kepada Lojing Highlands iaitu di kawasan Gua Musang di Kelantan dan bukannya lagi di Cameron Highlands. Dan kalau kita tengok balik Cameron Highlands, Ringlet, Lembah Bertam, Lembah Bertam yang dua kawasan yang besar, pertanian berskala besar ini, mereka sudah tidak lagi menanam tomato tetapi pada sawi, kobis, timun itu. Dan sawi, kobis, timun yang itu keuntungan tak sebesar tomato. Yang ni saya harap maklum err... Kerajaan Negeri boleh ambil maklumlah. Terima kasih.

YAB. DATO' SRI HAJI WAN ROSDY BIN WAN ISMAIL

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua,

Tidak kiralah dia tanam tomato ke, taman sayur ke apanya pokok pangkalnya apa yang kita buat ini berpatutan. Cuma dulu dia untung banyak ni, sekarang dia untung banyak ini. Seperti mana cukai balak 31 tahun tidak dinaikkan, saya dialog dua kali dengan persatuan pembalakan bila saya katakan 31 tahun tidak dinaikkan Kelantan, Terengganu, Perak telah naik 2 kali dalam tempoh tersebut dan apa yang Kerajaan Negeri Pahang naikan ialah tidak melebihi daripada kerajaan Kelantan, Terengganu dan Perak. Bila dibagi penerangan mereka faham dan pokok pangkalnya saya katakan dulu untung banyak ni dan sekarang dia untung banyak tu. Tapi untung tetap untung. Jadi saya kata dalam perbincangan tersebut, yang meminta jangan tamak dan yang memberi jangan kedekut. Makna Kerajaan Negeri memberi kita tak kedekut. Sebab itulah cukai industri di Gebeng daripada RM0.25 naik ke RM5 kita turunkan ke RM1 dan kita turunkan lagi pada RM0.75.

Jadi prinsip ini saya harap Yang Berhormat ADUN Tanah Rata kena kekalkan, kena amalkan prinsip ini supaya bagi tahu pada mereka yang meminta itu jangan tamak dan bagi tahu pada mereka Kerajaan Negeri tidak kedekut untuk bagi pertimbangan dan telah pun terbukti yang kita buat selama ini. Saya ulang lagi sekali yang meminta jangan tamak dan Kerajaan Negeri insya-Allah tidak kedekut untuk memberi pertimbangan sekiranya permohonan yang diberikan itu ada asasnya. Jadi penerangan yang diberikan setakat ini mendapat sambutan yang sangat baik tak ada masalah pun adalah sedikit perbincangan dan sebagainya tetapi majoritinya berpuas hati dengan apa yang telah Kerajaan Negeri laksanakan.



Seterusnya daripada ADUN Semambu. Dia kata tiga tapi enam ini, saya tulis ini. Saya ingat tapak Lynas ni kita tak boleh apa ini... seperti mana yang telah diputuskan oleh agensi kerajaan yang lebih ada kepakaran tapi saya dah tinjau sendiri Yang Berhormat daripada Pelangai, *sorry* daripada Lanchang dan daripada Benta telah pun pergi melihat sendiri. Kita tak jumpa pun kawasan tadahan air dan tidak jumpa pun pengaliran aliran air tapi insya-Allah kita akan tengok lagilah demi rakyat kita akan tengok lagi sekali. Tapi setakat ini keadaan macam itulah dan cukai tanah seperti mana yang saya dah jelaskan, insya-Allah tidak akan membebankan. Tetapi kalau nak suruh saya *commit* dalam Dewan ini tidak naik dan sebagainya tak bolehlah.

Tetapi saya boleh bagi jaminan di sini, Kerajaan Negeri tidak sesekali membebankan pelabur-pelabur yang melabur di negeri Pahang dan saya bagi tahu kepada Yang Berhormat daripada ADUN Semambu, sebelum kita kurangkan daripada RM5.00 ke RM1.00 daripada RM1.00 ke RM0.75, masa RM1.00 itu sudah ada syarikat-syarikat yang telah pun membayar kepada kerajaan, cukai tanah dan mereka mintak *refund* balik, kita kata tak boleh cuma kita *carry forward* tahun depan dia kena bayar kurang. Maknanya dengan kadar RM1 tersebut mereka dah mampu, tetapi sebab kita dah mendapat perbincangan dan sebagainya sebab kita ini... kita tidak mengamalkan sikap kedekut kita, Kerajaan Negeri dan mereka pun saya nampak tidak tamak, sangat jadi kita kurangkan lagi kepada RM0.75.

Lain-lain tadi. Nilai pelaburan, Jalur Gemilang ni saya akan ulas sikit lagi dalam ucapan saya. Saya ingat itu sajalah. Jadi saya lagi sekali ucapkan terima kasih kepada rakan-rakan daripada Dong daripada Pelangai dan daripada Pulau Manis yang menyatakan sokongan dan saya harap seperti mana yang saya katakan tadi, ini semua adalah untuk negeri Pahang, untuk rakyat Pahang dan terima kasih juga kepada rakan-rakan Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan yang sentiasa memberi pandangan dan nasihat dan begitu juga kepada Setiausaha Kerajaan Negeri. Kerajaan yang sentiasa prihatin membantu apa ini... Kerajaan Negeri Pahang.

Jadi Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya fikir Sidang Dewan kita akan berakhir sekejap lagi, seperti mana Sidang Dewan kita berlangsung selama sehari dan ini adalah ekor dari Sidang Dewan kita yang terdahulu sebelum ini iaitu pada 20 April yang mana kita telah er... yang mana telah disempurnakan melalui rakaman audio video oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah.

Jadi pada hari ini saya ucapkan terima kasih kepada semua kepada Ahli-ahli Dewan, pada yang bekerja di belakang tabir, PDRM, Kesihatan, RELA dan semualah pada yang terlibat secara langsung atau tidak langsung kerana telah memberi kerjasama yang sangat baik dan juga pada hari ini kita nampak er... pertama kali saya rasa pertanyaan dan jawapan er... panjang daripada biasa dan juga saya dapati semasa kita membentangkan apa ini... Rang Undang-undang, tadi terdapat er... rakan-rakan daripada Ahli Berhormat yang mencelah. Saya dapati ramai yang suka mencelah tapi yang suka mencelah ini ialah ADUN daripada Triang dan Ketari, Tanah Rata ada sekali dia minta mencelah, sebab yang saya tahu yang suka mencelah ini ADUN daripada Lanchang, rakan saya, tapi hari ini dia kurang mencelah.

Dan kita semua tahu bahawa kita ini masih lagi dalam Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan COVID-19 dan kita mengamalkan penjarakan sosial jadi kita nampak er... susunatur kita pun sangat baik. Saya ucapkan syabas, tahniah kepada Yang di-Pertua, kerana telah dapat mengaturkan susunan seperti ini [Ahli Dewan Menepuk



Meja] dan er... kejayaan ini adalah menunjukkan Yang Berhormat Yang di-Pertua begitu prihatin sekali terhadap er... virus COVID-19 ini.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk memaklumkan iaitu bahawa kesan positif pertama, ini sahaja untuk *flashback* positif COVID di negeri Pahang ini ialah pada 12 Mac di daerah Bentong, yang membabitkan seorang peserta perhimpunan Iktimak Tabligh di Masjid Jamek Seri Petaling Kuala Lumpur antara 28 hingga 1 Mac yang lalu dan ekor dari itu di peringkat negeri Pahang kita telah tubuhkan Jawatankuasa Bencana yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri yang bermesyuarat tiap-tiap hari dan er... saya juga ucapkan syabas dan tahniah kepada Pengerusi Jawatankuasa Bencana yang dipimpin oleh Setiausaha Kerajaan Negeri yang mengambil tindakan yang proaktif [Ahli Dewan menepuk meja].

Saya ingin memaklumkan kepada.. kepada Ahli-ahli Yang Berhormat kita menduduki tangga keenam tertinggi COVID, kes COVID di Malaysia dan sekiranya jika kita tidak mengambil tindakan yang tegas kemungkinan kita menduduki tangga yang kedua ataupun ketiga sebabnya negeri Pahang ini bersempadan dengan Johor bersempadan dengan Perak bersempadan dengan Selangor. Jadi, penyakit untuk merebak itu cepat tapi kita telah mengambil tindakan yang serta merta sebagai contohnya di Jerantut. Apabila kita ada dapati ada satu kes, di situ kita telah kuarantin dengan cepat. Kita tidak bagi orang luar masuk dan er... orang yang di dalam pun tak boleh keluar, kita kuarantin terus dan sebab itulah penyakit ini dapat dibendung.

Menurut rekod kita cuma ada 32,237 orang yang telah disaring, seramai 370 orang atau 1.15% disahkan positif dan dirawat di hospital. Manakala 363 orang daripada 370 orang tadi ataupun 98.1% telah pun sembuh. Cuma 7 kes atau 1.9% telah mengalami konflikasi dan meninggal dunia dan er... sebagai menghargai mereka yang bertungkus-lumus seramai lebih kurang 7,000 dan 800 orang, 7,000 hingga 8,000 orang, Kerajaan Negeri telahpun mengadakan er... telah meraikan mereka pada satu majlis makan malam iaitu pada 18 Ogos yang lalu sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih daripada Kerajaan Negeri kepada mereka.

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Seterusnya ialah insya-Allah kita akan menyambut Hari Kebangsaan yang Ke-63 tetapi kita masih lagi dalam tempoh PKPP dan kita semua sedia maklum bahawa tema sambutan kali ini ialah Malaysia Prihatin yang secara umumnya bermaksud seluruh rakyat Malaysia berganding bahu memerangi wabak pandemik COVID-19 yang masih melanda dunia, negara dan negeri kita. Berdasarkan keprihatinan atau sikap mengambil berat kerajaan sama ada Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri yang sentiasa mengutamakan kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Tema ini sangat bertepatan dengan pengumuman oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu mengenai inisiatif prihatin ataupun singkatan kepada Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat yang merangkumi aspek ekonomi, kebajikan dan kelangsungan hidup rakyat Malaysia. Jadi, matlamat utama sambutan Hari Kebangsaan ialah untuk memastikan semangat *patriotism* dan cintakan negara dapat terus mekar serta diamalkan oleh rakyat negara dan negeri kita.

Jadi saya ingin menyeru pada tengah hari ini khususnya kepada pemilik-pemilik bangunan dan premis perniagaan ataupun kenderaan kita supaya mengibarkan bendera Malaysia sebagai tanda *patriotism* kita ini tinggi kepada negara. Sambutan Hari Kebangsaan ini sepertimana kita sedia maklum ialah sangat istimewa sempena dengan er... Rukun Negara yang menjadi tonggak pegangan kita selama ini iaitu ulang



tahun ke-50 kewujudan Rukun Negara iaitu 5 prinsip Kepercayaan Kepada Tuhan, Kesetiaan kepada Raja dan Negara, Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-undang, Kesopanan dan Kesusilaan. Oleh itu saya berharap semua rakyat negeri Pahang khasnya dan negara memperbaharui tekad untuk akur dan patuh seperti mana kita harus akur dan patuh kepada Perlembagaan Negara.

Saya baru teringat apa yang dimaklumkan oleh YB. Semambu tadi yang mengatakan bahawa kita tidak seharusnya menghukum, tidak seharusnya mengenakan denda tetapi saya ingin berkongsi, semasa saya pergi ke Naning China baru-baru ini, saya ada berborak dengan *public figure* di Naning, saya bertanya mengapakah Naning ataupun China ini maju dengan cepat. Dia kata salah satunya ialah selain daripada disiplin mereka mengenakan denda. Sebagai contohnya kalau memandu dalam pengaruh alkohol ada berlaku kematian lesen tarik terus. Seumur hidup lesen ditarik.

Jadi bagi kita di Pahang ini, yang pertama sekali kita gunakan er... pengaruh kitalah. Dia ada dua cara kita gunakan pengaruh ataupun kita gunakan kuasa tetapi seelok-eloknya dalam kita mentadbir ialah kita gunakan pengaruh. Kita nasihat dulu tetapi kuasa ataupun er... menerusi undang-undang perlu juga dikuatkuasakan. Kalau tidak kerajaan... rakyat tidak akan patuh. Jadi sebab itulah saya bagi tahu kepada PBT dan sebagainya seboleh-bolehnya *educate* dulu masyarakat.

Pengaruh dulu, mempengaruhi mereka bagi tunjuk ajar dan sebagainya tetapi kalau sekiranya mereka tidak patuhi juga sewajarnya mereka ini dikenakan denda. Sebab kadang-kadang baru *public* dia rasa takut sikit bila kita ada tindakan penguatkuasaan tapi itu *as a last resolve* lah yang terakhir. Bukan kita gunakan apa ini tindakan undang-undang, baru kita nak er... nasihat dan sebagainya. Kita nasihat dulu, kita *educate* dulu tetapi *last* sekali ialah mesti kena ada tindakan Undang-undang supaya mereka patuh dengan apa yang telah kita tentukan.

Jadi Yang Berhormat Yang di-Pertua,

saya ingat itu sajalah yang dapat saya sampaikan sebelum saya duduk saya ada dua rangkap pantun yang saya tujukan khas kepada semua rakan-rakan, Ahli-ahli Yang Berhormat

*Hari ini menanam jagung,
Esok lusa menanam serai,
Pagi tadi kita berkampung,
Petang ini kita bersurai.*

*Kalau ada sumur di ladang,
Boleh kita menumpang mandi,
Kalau ada umur yang panjang,
Boleh kita jumpa lagi,*

[Ahli Dewan menepuk meja]

Yang Berhormat Tuan di-Pertua,

Dengan ini saya mencadangkan persidangan Dewan pada hari ini ditangguhkan. Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh [Ahli Dewan menepuk meja].

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD. SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua,

Saya amat tertarik dengan beberapa nasihat ataupun ungkapan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Menteri Besar tadi apabila mencadangkan Usul supaya Dewan ditangguhkan. Iaitu antara lainnya ialah mengambil pendekatan mempengaruhi kita cuba mempengaruhi satu pihak er... untuk er... memahami hasrat ataupun tujuan sesuatu tindakan itu diambil er... dan kalau sekiranya er... tidak ada jalan lain kita terpaksa mengambil tindakan tegas.

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang di-Pertua, saya teringat yang ADUN Semambu bila dia bangkitkan cadangan supaya Kerajaan Negeri tidak mengambil tindakan kepada mereka yang enggan er... untuk mengibarkan Jalur Gemilang sempena dengan sambutan Hari er... Kemerdekaan kita pada 31 Ogos. Jadi secara cuba untuk mempengaruhi jangan kita ambil tindakan tegas. Tetapi saya teringat juga Yang Berhormat ADUN Semambu ini dia bendahari PKR, tetapi dia lah orang yang buat kenyataan yang menuntut RM10 juta daripada ahli-ahli parti, Ahli-ahli Parlimen, Ahli Wakil Rakyat yang melompat bukan melompat la berhijrah, berhijrah. Saya tak nampak pun PKR ataupun ADUN Semambu mengambil langkah-langkah cuba mempengaruhi terus membuat kenyataan yang tegas. Jadi kadang kalanya memang lidah tidak bertulang maknanya senang cakap seolah-olah er...

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Saya minta mencelah sedikit.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Saya tak habis bercakap lagi, lepas ni ya.

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

...yang ini yang ditandatangani oleh mereka secara sukarela. Mereka telah tandatangani.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Yang Berhormat

YB. ENCIK LEE CHEAN CHUNG

Terima kasih Dato' Sri Yang Di-Pertua. Er... bagi mereka yang lompat, mereka telah menandatangani satu perjanjian sebelum mereka mendapat watak parti. Jadi tidak timbul bahawa kita denda, cuma menguatkuasakan.

YB. DATO' SRI IR. HAJI MOHD SOFFI BIN TAN SRI ABD RAZAK

Jadi Yang Berhormat Dato' Sri Yang Di-Pertua,

Maksudnya ADUN Semambu berkata dia melandaskan kepada asas undang-undang perundangan. Sebab itu kadang-kadang apa yang diambil oleh pihak kerajaan kita mengambil satu tindakan berlandaskan undang-undang, waima kalau dia masuk ke kawasan tanah kerajaan atau kita ta'arifkan sebagai mencerooboh tanah kerajaan atau meneroka secara haram. Kita mengambil tindakan berlandaskan undang-undang, tetapi lazimnya kalau pendekatan yang diambil oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri



Menteri Besar kita cuba berbincang, kita tawar yang terbaik. Macam tadi Yang Amat Berhormat Dato' Sri maklumkan tadi. Kita dah pergi lalui proses tu tapi kadang-kala tu ada pihak yang terbabit yang tidak puas hati itu dirangsang oleh sesetengah pihak yang sengaja nak menjadikan ianya sebagai isu.

Sebab itu dalam konteks ini, saya berdiri di sini untuk menyatakan bahawasanya, apabila kita menjadi kerajaan, bukan lah mudah untuk kita memuaskan hati semua pihak. Kadang-kadang pihak yang terbabit itu adalah mereka sendiri yang menyebabkan diri mereka berada dalam keadaan bermasalah. Jadi dengan itu Yang Berhormat Dato Sri Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Usul yang dibawa oleh Yang Berhormat Dato' Sri untuk menangguhkan Dewan yang Mulia ini. Terima Kasih.

YB. YANG DI-PERTUA DEWAN

Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat daripada Benta, Yang Amat Berhormat Menteri Besar serta Ahli-ahli Yang Berhormat serta Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya bersyukur dan gembira juga persidangan yang ringkas ini telah sampai ke penghujungnya. Terima kasih atas sokongan Ahli-ahli Yang Berhormat kerana dapat mengekalkan tatacara, mematuhi Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat atau *Standing Orders* disiplin serta keadaban yang tinggi di samping memelihara keharmonian Dewan yang Mulia ini.

Sejak akhir-akhir ini, masyarakat telah ditontonkan dengan pelbagai lakonan dan gambaran persidangan yang berlangsung di sesetengah Dewan Undangan Negeri. Ada pelbagai tafsiran, namun hakikatnya Ahli-ahli Yang Berhormat mestilah membina dan menonjolkan tahap integriti dan salsiah yang tinggi. Saya gembira Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini sentiasa dapat mengekalkan kecemerlangan dan kemuliaan pada setiap kali persidangan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini merakam ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar yang sentiasa berlapang dada, melemparkan pelbagai idea yang bernas, tegas dan bekerja kuat. Sesungguhnya kepimpinan Yang Amat Berhormat amat terserlah dan rata-rata rakyat amat menyanjung tinggi sepertimana ucapan-ucapan yang kita dengar oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Saya faham Dewan Yang Mulia ini adalah gelanggang utama untuk Ahli-ahli Yang Berhormat menyampaikan dan melontarkan sebarang idea, pandangan dan hujahan untuk sama-sama kita membangun dan mebina negeri ini. Kita bersidang dalam suasana COVID-19 oleh itu saya terpaksa mematuhi SOP yang disediakan demi menjaga kesihatan kita semua. Saya juga berharap Ahli-ahli Dewan akan terus mempunyai iltizam yang tinggi untuk membantu rakyat. Berkhidmat lah dengan jujur dan dedikasi. Kita faham tugas Ahli-ahli Yang Berhormat cukup berat, mencabar. Ada masa dipuji, disanjung dan ada masa dikeji dan dicaci.

Ikutilah iktibar kata-kata Hassan Al-Basri "*Jadilah seperti pokok, saat orang membaling batu kepada mu, kau balaslah dengan buah yang ranum dan manis*". Bekerjalah dengan cemerlang dedikasi demi rakyat dan negeri yang tercinta ini.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Persekutuan yang terlibat secara langsung dan menghulurkan sokongan dan kerjasama dalam menjayakan persidangan ini. Ibarat kata Yang Amat Berhormat Menteri Besar sebentar tadi, pagi tadi kita berkampung, petang ini kita bersurai. Jadi dengan itu saya tangguhkan persidangan ini dan kita berdoa mudah-mudahan kita akan berjumpa lagi dalam Dewan ini, dalam suasana yang sihat, ceria dan sama-sama melontarkan idea-idea yang baik membantu Yang Amat Berhormat Menteri Besar,



bekerja bersama-sama beliau untuk membina masa depan Pahang Darul Makmur yang aman sejahtera dan cemerlang ini. Dengan kata-kata itu, saya tangguhkan sidang pada tengahari ini, sekian terima kasih. Assalamualiakum wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Persidangan ditangguhkan.

[Persidangan ditangguhkan pada 2.44 petang]